Dr Lim Swee Aun: No, Sir—certainly not. Surely the *bumiputra* realise that if they want experience in import and export business they have every opportunity. In fact, my Ministry helps them to get experience in import/export business. To give an example, Sir, the export of *rotan* or cane from this country has usually been done by non-*bumiputras*. I have received a letter from a very energetic *bumiputra* who says, "I collect canes. Can you help me to find an export market, can you give me contacts abroad?"; and my Ministry has helped him to get contacts abroad and he is now exporting *rotan* direct without going through a third person.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Ada-kah Kementerian ini berchadang supaya *bumiputra* mendapat bahagian di-dalam soal² yang di-sebutkan tadi dengan pengalaman dan mendapat peluang oleh kerana kota yang di-sebut tadi dan ada-kah Kementerian ini berchadang hendak memberi latihan kepada *bumiputra* yang mempunyai kechenderongan dalam soal ini?

Dr Lim Swee Aun: The programme to assist Malays and to train Malays in commerce and industry has been taken over by MARA and it is no more with my Ministry.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Ada-kah dengan jawapan ini berma'ana bahawa Kementerian Perdagangan dan Perusahaan khas bagi orang yang bukan *bumiputra*, dan MARA khas bagi orang *bumiputra* sahaja—ada-kah Kementerian ini berfaham saperti itu?

Dr Lim Swee Aun: Tidak benar—that is complete nonsense. My Ministry deals with the promotion of trade and it can be done by *bumiputra* or non-*bumiputra*. There is no distinction and there is no limitation as to any amount of trade offered to the Malays.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan: dengan demikian nyata-lah bahawa Kementerian ini juga akan

memberikan latihan kalau perlu kepada bumiputra, tidak kepada MARA sa-mata?

Dr Lim Swee Aun: It is not my part of the job, or that of my Ministry to give training, but my Ministry will help them to find export markets or find agencies for import. That is my job, but not the training side of it.

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, tidak memandang kepada soal latihan kerana itu sekarang soal MARA. Jadi, sa-takat mana-kah sekarang ini sumbangan yang ada di-beri oleh Kementerian Perdagangan dan Perusahaan kepada bumiputra untuk mengambil bahagian yang aktif dalam commerce and industry—sa-takat mana-kah sumbangan dan peranan yang di-mainkan oleh Kementerian ini dalam perkara ini?

Dr Lim Swee Aun: My Ministry gives every assistance they require if they want to go into commerce and industry other than training because training does not come within my portfolio.

Tuan Haji Mohamed Yusof bin Mahmud: Soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi, ia-itu barang² yang ada kota dan untuk mengimpot barang² ini ia-lah di-beri kepada orang yang telah ada berniaga. Jadi soal-nya bagaimana-kah Kementerian ini untuk memberi pertolongan kepada bumiputra yang tidak ada yang dahulu-nya dalam perniagaan ini boleh mengambil bahagian juga dalam perniagaan impot ini.

Dr Lim Swee Aun: Sir, as I tried to explain just now, whenever a quota or import control is set for purposes of protection there is already a factory in the country, and that factory produces a certain amount of goods. So, to reduce the imports, to reduce stockpiling, there is a control of imports. If the bumiputras want to go into the business of distributing these goods, they can always buy from the local factory, and we have given assistance to several bumiputras to get agencies to distribute the goods and all that. But when they want to import, then naturally the

question of past performance must come; otherwise there is no yardstick which bumiputra should get it. Very often they have come and said, "Well sugar is now under control, can you give me a permit?" So we say, naturally, we cannot because there is a zero quota.

Tuan Ramli bin Omar (Krian Darat): Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri Perdagangan ada sebutkan 10%. Boleh-kah Yang Berhormat Menteri menyatakan kepada Dewan yang mulia ini dalam 10% itu berapa peratus-kah yang telah ada pada bumiputra?

Dr Lim Swee Aun: Sir, of the total licences issued 10 per cent went to the bumiputras. Now, that is not a quota of 10 per cent. The reason why only 10 per cent is because the number of applications only amounted to that proportion. There is no quota for the number of licences to be issued to bumiputras; they can have as much as they want if they can satisfy the conditions necessary.

Tuan Tajudin bin Ali (Larut Utara): Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berbangkit dengan kenyataan yang telah di-beri oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perusahaan tadi, ingin saya mengemukakan satu soalan tambahan, Pekilang² yang ada pada kita sekarang, Tuan Yang di-Pertua, sudah kuat, umpama-nya macham Dunlop sudah ada perlindungan-nya dan kalau sa-kira-nya mengikut statement yang telah di-buat oleh Yang Berhormat Menteri tadi, kalau sa-kira-nya hendak import tayar (tayar yang lain daripada luar negeri) di-beri hak juga sunggoh pun macham kilang Dunlop itu sudah kuat, di-beri kota—kota keutamaan kepada Dunlop. Itu sudah ada perlindungan. Quota itu pun dia dapat mengambil bahagian. Ada-kah Menteri Yang Berhormat itu fikir ini dasar baik kepada negeri kita ini memandangkan galakan mesti di-beri dalam segala jurusan perekonomian bagi bumiputra?

Dr Lim Swee Aun: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Ahli Yang Berhormat itu *to repeat the last part of it.*

Tuan Tajudin bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, pekilang yang besar² umpama-nya macham Dunlop sudah pun kuat dalam perekonomian-nya dan mengikut statement yang telah di-buat oleh Yang Berhormat Menteri tadi, kalau sa-kira-nya tayar hendak bawa daripada luar negeri ka-dalam tanah ayer kita ini, keutamaan quota itu di-beri kepada Dunlop, ada-kah Yang Berhormat Menteri itu berfikir ini satu dasar yang baik untuk menggalakkan orang² yang membawa masuk import tayar khas-nya baik kepada ekonomi bumiputra.

Dr Lim Swee Aun: Sir, as I explained just now, adequate protection has been given to the tyre industry and there is no more quota; anybody can import tyres now.

Dr Mahathir bin Mohamad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana Kerajaan sekarang ini menggalakkan factory² yang ada pioneer status, maka di-kenakan quota kepada impot barang². Oleh kerana ada quota ini, maka past performance menjadi satu perkara yang besar yang mana menyekatkan bumiputra menjadi importer, dan juga, balek kepada factory² ini, dalam factory ini juga tidak ada peluang bagi bumiputra menjadi executive, atau pun skilled workers. Ada-kah polisi yang samacham ini yang di-buat oleh Kementerian Perdagangan dan Perusahaan ini sesuai dengan membangunkan satu masyarakat berbilang bangsa yang adil.

Dr Lim Swee Aun: Sir, it is certainly not correct. Every opportunity is given to bumiputras to work in pioneers status factories. In fact, there is a condition that there must be a percentage of posts held by bumiputras right up to the executive posts, and I am sure the Honourable Member is aware that there are several Malays or bumiputras holding executive posts in the different factories and the classical case, of course, is Tunku Ahmad as an Executive in Dunlop Factory.

(Tempoh Pertanyaan Mulut telah chukup, dan jawapan kepada Pertanyaan No. 11 sampai No. 14 ada-lah di-beri di-bawah ini.)

MELUASKAN IKLAN PENGGU- NAAN BARANG² TEMPATAN

11. Dr Lim Chong Eu bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan ada-kah dia sedar akan perlu-nya menggesa pengeluar² tempatan supaya meng'ilankan penggunaan barang² tempatan dengan lebeh luas lagi, dan bahawa salah satu yang menghalang penggunaan barang² tempatan ini ia-lah kerana perasaan tidak perchaya yang meluas terhadap mutu dan taraf barang² ini, dan jika sedar, sama ada dia akan mengambil langkah² untuk mengadakan hasil penyiasatan² Standards Bureau dengan i'lan² pengeluar barang² yang lemak memikat itu agar terjalin dan tergalak keyakinan pengguna kepada barang² tempatan.

Menteri Perdagangan dan Perusahaan (Dr Lim Swee Aun) *(dengan izin):* I am aware of the need for a wider publicity for locally manufactured goods but I am not aware that there is much resistance towards using locally produced goods because of distrust in quality. In fact, all the pioneer companies are conforming to the internationally acceptable standards. The Standards Institution of Malaysia which was established recently has been charged with the responsibility of drawing up standards for locally manufactured goods. The Institution which is expected to be in full operation during the latter part of this year will issue its Certification Mark on goods manufactured in conformity with the standards prescribed by it.

RANCHANGAN² UNTUK MENG- GALAKKAN PERUSAHAAN PE- LANCHONGAN, PULAU PINANG

12. Dr Lim Chong Eu minta kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan:

- (a) memberitahu Majlis ini apa-kah ranchangan²-nya untuk menolong menggalakkan Perusahaan Pelanchongan dalam Negeri Pulau Pinang;
- (b) berhubung dengan kenyataan-nya sadikit masa dahulu ia-itu Pulau Pinang telah memberi sumbangan yang sangat banyak terhadap penggalakan pelanchongan, ada-kah dia akan

menerangkan berapa banyak sumbangan ini sa-benar-nya mengikut bilangan pelancong yang melawat Pulau Pinang dalam tiga tahun yang lalu, dan berapa anggaran hasil yang dibelanjakan oleh pelancong² itu;

- (c) menyatakan sama ada dia dapat membuktikan kesungguhan rancangan²-nya hendak membantu Perusahaan Pelancong Pulau Pinang dengan memberi tahu Majlis ini berapa bilangan sa-benar-nya (atau anggaran) pelancong yang melawat Pulau Pinang dari Negeri Thai, Amerika Sharikat, dari tempat² lain di-Malaysia, dan dari mana² jua dalam masa dua tahun yang lalu 1966 dan 1967.

Dr Lim Swee Aun:

- (a) Cabinet has already accepted the Report of the Working Party on Tourism which has recommended that Penang together with several other towns in Malaysia, because of their easy access, attractions and reasonably adequate amenities, be further developed as tourist centres. In this connection steps are being taken to obtain the services of an overseas firm of consultants to do a feasibility survey. My Ministry is also convening a meeting of State Secretaries with the object of co-ordinating the efforts of State Governments in the field of tourism because premature unilateral action by individual States, according to the findings of the Working Party on Tourism, would inevitably undermine the effect of a co-ordinated overall development plan and lead to wastage of resources, both physical and financial.
- (b) Penang, being one of Malaysia's best tourist centres, has always been given special mention in all the tourist literature and publicity material produced by the Department of Tourism which has also produced a full colour brochure on Penang. The Penang

Tourist Association has received the "lion's share" from the Ministry's vote on subvention to tourist organisations; since 1958 the Ministry has assisted the Penang Tourist Association with a total sum of \$68,000 for its various activities when the Cameron Highlands Tourist Association received a total of \$25,000 and the Kuala Lumpur Tourist Association received a total of \$29,000 during the same period. Furthermore, my Ministry has specially purchased with Government funds a shop lot in the Penang Port Commission Building so as to enable the Penang Tourist Association to maintain a Tourist Information Centre at only a nominal rental.

- (c) The Department of Statistics has not been able to supply my Ministry the data on actual number of tourists and categories of these tourists by countries of origin because of the present liberal travel formality at the Malaysia/Thai border during the past three years or the estimated tourists' spending there. The Penang Tourist Association has been advised to attempt such a compilation through the records of hotels and other sources but has not as yet submitted any statistical data. The Department of Tourism, however, had conducted a survey of the occupancy rates of hotels in Malaysia and the occupancy rates of such tourist hotels as the Ambassador and the International in Penang show an average of 89%. This is convincing proof that Penang is getting its quota of tourists and tourism is benefiting the economy of the State.

PROJEK PERUMAHAN BERTINGKAT MURAH UNTUK MENYATUKAN RA'AYAT BERBILANG KAUM DI-PULAU PINANG

13. Dr Lim Chong Eu minta kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan

Perumahan ma'alumkan kepada Majlis ini :

- (a) ada-kah dia menerima apa² shor dari orang² yang di-pileh menemuinya dalam lawatan-nya ka-Pulau Pinang mengenai chara projek perumahan berharga murah mungkin boleh di-gunakan sa-bagai chara jangka panjang untuk menyatu-padukan ra'ayat berbilang kaum di-Pulau itu;
- (b) ada-kah dia mempunyai apa² ranchangan untuk memajukan satu dasar rumah murah mengikut dasar yunit perpaduan kaum berbilang bangsa dan penggunaan.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan (Tuan Khaw Kai-Boh):

Saya chuma berkata, sa-bagai jawapan kepada soalan ini, semua warga-negara Malaysia dalam golongan yang berpendapatan kecil, tidak kira kaum (race) atau keturunan ada-lah layak memohon rumah² harga-murah dalam ranchangan² perumahan harga-murah kita. Hanya di-mana ranchangan² perumahan harga-murah terletak di atas tanah simpanan Melayu, sa-mata² kerana arahan² Undang di-bawah Malay Reservation Enactment yang melarang serta membatalkan sa-barang urusan pada tanah² tersebut kecuali di-antara orang² Melayu, baharu-lah di-bagikan kepada orang² Melayu. Tetapi ranchangan² begitu amat-lah sedikit dan hanya ujud dalam chadangan² mula² dahulu daripada Negeri². Dasar kita sekarang sudah pun menggalakkan integrasi segala kaum yang duduk di-negara ini, sharat utama ia-lah mereka itu hendak-lah warga-negara Malaysia, dan ada-lah dari golongan berpendapatan kecil. Oleh itu, langkah tidak perlu di-perbuat untuk mengadakan suatu dasar perumahan harga-murah mengikut lunas bangunan berbilang-kaum yang berintegrasi dalam pemakaian, kerana dasar demikian memang telah pun ujud dan di-laksanakan.

Saya akan berasa sukachita untuk membawa Ahli Yang Berhormat dari Tanjong berkunjung ka-beberapa ran-

changan kita, supaya beliau dapat melihat orang Melayu, China, India, serta lain² kaum diam bersama², dan kebanyakan-nya pula sa-belah menyebelah.

Dalam ranchangan segera yang di-lancarkan sekarang ini, salah satu sharat ia-lah bahawa tanah yang terlibat mesti-lah mempunyai geran terbuka ("open title") dan tidak tanah di-dalam kawasan simpanan Melayu.

**UNDANG² TANAH NEGARA
TIDAK DI-TERIMA DENGAN
SA-PENOH-NYA OLEH
SARAWAK**

14. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Tanah dan Galian ada-kah benar bahawa Kerajaan Negeri Sarawak tidak menerima Undang² Tanah Negara sa-penoh-nya kerana Menteri itu telah membuat tafsiran² yang ganjil tentang undang² itu, dan jika tidak, apa-kah usaha² Kerajaan telah ambil untuk melenyapkan berita² kotor seperti itu.

Menteri Hal Ehwal Tanah dan Galian (Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub): Tujuan Undang² Tanah Negara ia-lah untuk menyatukan Undang² Tanah yang terdapat dalam Negeri² Tanah Melayu sa-belum-nya mengikut Fasal 76 (4) Perlembagaan. Perkataan "menyatukan" berma'ana "persamaan" atau "uniformity" kepada undang² tanah dahulu yang berlainan. Sa-belum wujud-nya Undang² Tanah Negara, sa-kurang²-nya ada tiga bentuk (form) Undang² Tanah untuk Negeri² Tanah Melayu, ia-itu satu bentuk untuk F.M.S., satu untuk negeri² yang bukan dalam F.M.S. dan satu lagi untuk Negeri² Selat (Straits Settlements).

Dengan demikian soal Sarawak, sa-buah negeri di-Malaysia Timor menerima Undang² Tanah Negara tidak timbul oleh kerana bukan tujuan Undang² Tanah Negara hendak melibatkan negeri² di-Malaysia Timor pada masa sekarang. Saya tidak pernah membuat tafsiran² yang bukan² sa-hingga Sarawak tidak mahu menerima Undang² Tanah Negara itu.

RANG UNDANG² DI-BAWA KA-DALAM MESHUARAT

RANG UNDANG² GALAKAN PELABORAN

Rang Undang² bernama "Suatu Act bagi membuat peruntukan bagi menggalakkan, dengan jalan di-lepaskan daripada chukai pendapatan dan chukai daftar gaji, penubohan dan pembangunan perusahaan dan lain² usaha perdagangan dalam Malaysia, bagi memajukan ekseptot dan bagi maksud² yang bersangkutan dan berkaitan" di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Menteri Perdagangan dan Perusahaan; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua dalam persidangan akan datang.

THE EXCISE AMENDMENT (No. 2) BILL

Bill intituled "An Act to amend the law relating to Excise; presented by the Assistant Minister of Finance; read the first time; to be read a second time at a subsequent sitting of the House.

RANG UNDANG² PERBEKALAN, 1968

(Jawatan-kuasa Perbekalan)

Atoran Urusan Meshuarat di-bachakan bagi menyambong sa-mula Perbahathan dalam Jawatan-kuasa Perbahathan (Hari Yang Kesabelas).

Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa Perbekalan.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa Perbekalan*)

JADUAL

Perbahathan di-sambong sa-mula atas Masaalah, Kepala B. 30 hingga B. 37, menjadi sa-bahagian daripada Jadual.

Kepala² B. 30; B. 31; B. 32; B. 33; B. 34; B. 35; B. 36 dan B. 37—

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Dato' Pengerusi, saya menerima kaseh kerana di-beri peluang di-sini menjawab tegoran², chadangan² yang telah di-buat oleh Ahli² Yang Berhormat

berkenaan dengan peranggaran perbelanjaan bagi Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri.

Ahli Yang Berhormat daripada Sarawak ada membuat tegoran bahawa Ahli Lembaga Bahasa Kebangsaan kesemua-nya ada-lah tidak berpengetahuan di-dalam bahasa kebangsaan, mereka itu tidak layak untuk dudok sa-bagai pemeriksa bahasa ini dan menchadangkan supaya Kementerian ini hendak-lah mengkaji sa-mula Lembaga Bahasa Kebangsaan. Dato' Pengerusi, Ahli² Lembaga Bahasa Kebangsaan, semua-nya di-lantek oleh Kerajaan Negeri masing² dengan persetujuan Kerajaan Persekutuan. Sapanjang yang saya sedar, semua Ahli² Lembaga Bahasa Kebangsaan ini ada-lah layak memeriksa orang² yang dikehendaki untuk lulus ujian bahasa kebangsaan untuk pendaftaran sa-bagai warganegara. Walau bagaimana pun sa-kira-nya Ahli Yang Berhormat itu dapat memberi sa-chara langsung dimana² pemeriksa yang tidak berke Layakan yang tersebut itu, saya akan mengadakan satu penyiasatan ka-atas perkara ini.

Tuan Haji Othman bin Abdullah (Hilir Perak): Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan. Masaalah beberapa pegawai² tiap² Lembaga Pemeriksa kapada kelayakan sa-saorang pemohon menjadi warganegara itu bukan sahaja berlaku di-negeri Sarawak tentang kurang-nya pengalaman orang di-antara beberapa orang tentang bahasa kebangsaan, tetapi juga boleh jadi berlaku di-Malaysia Barat ini. Bagaimana yang di-terangkan sa-bentar tadi kita dapat jawapan daripada Yang Berhormat Menteri bahawa lantekan kapada Lembaga itu tentang Anggota²-nya ada-lah terserah kapada kuasa Kerajaan Negeri dengan persetujuan Kerajaan Pusat. Jadi, tidak-kah dapat di-ambil satu tindakan yang lebeh tegas bahawa persetujuan yang akan di-berikan oleh Kerajaan Pusat itu berasaskan kapada pengalaman yang benar² boleh di-pertanggung-jawabkan oleh Kerajaan Pusat terhadap kemungkinan dan kebolehan Ahli² Lembaga itu bertutur di-dalam bahasa Melayu dan bahasa kebangsaan dengan benar-nya sa-hingga dengan demikian membolehkan dia

memeriksa orang yang hendak menjadi warganegara tentang bahasa kebangsaan itu. Kalau hal yang demikian ini berlaku erti-nya Kerajaan Pusat mempunyai kuasa yang lebih tinggi untuk mengesahkan sa-suatulantikan yang di-buat oleh Kerajaan Negeri tentang kemungkinan kebolehan Ahli² Lembaga itu, maka pada fahaman saya apa yang telah di-buat aduan oleh salah sa-orang daripada Yang Berhormat di-dalam Dewan ini semalam tentang tidak layak-nya beberapa orang Lembaga itu patut-lah di-ambil tindakan yang segera supaya tidak berlaku sa-suatulantikan yang tidak kita ingini. Dia menanya orang yang dia sendiri tidak tahu, macham semalam, Tuan Pengerusi, sa-orang Ahli Yang Berhormat kita di-sini mengatakan bila di-tanya kaki atau di-tanya hidong di-jawab-nya hidong saya tinggal di-rumah, itu orang yang kena tanya, barangkali ada di-antara Lembaga ini juga kalau kita tanya mana perut, dia kata perut ada tinggal di-atas langit yang ke-tujuh, sebab dia tidak tahu apa ma'ana-nya perut dan apa ma'ana-nya kaki. Tetapi, Tuan Pengerusi, saya suka menarek perhatian kapada Yang Berhormat Menteri supaya pemeriksa², kelayakan bagi menchapai sa-saorang itu layak menjadi warganegara, yang pertama sa-kali hendak-lah dia tahu Perlembagaan negeri ini, apa dia Perlembagaan negeri ini, dasar² Perlembagaan negeri ini. Yang kedua-nya, suroh orang² itu sa-belum orang yang hendak meminta menjadi warganegara itu kita pereksa, orang yang hendak menjadi Lembaga itu suroh dia nyanyi Lagu Kebangsaan, dia tahu atau tidak Lagu Kebangsaan negeri ini, dan kemudian dia suroh orang yang hendak menjadi warganegara itu menyanyi Lagu Kebangsaan hadapan dia, betul atau tidak. Kalau lagu itu sahaja dia tidak dapat melakukan bagaimana kita boleh memberi dia warganegara dan bagaimana dia hendak menghormati Lagu Kebangsaan itu. Jadi, saya menarek perhatian Menteri Yang Berhormat supaya di-kenakan syarat² ini, sama ada kapada Ahli Lembaga atau orang yang hendak menjadi warganegara; Lagu Kebangsaan dia tahu dan dia tahu juga Perlembagaan negara ini

mengikut fasal² yang mustahak dan yang penting.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah:

Dato' Pengerusi, saya berterima kasih kapada Ahli Yang Berhormat atas chadangan, tegoran ini, tetapi sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat barangkali sedia ma'alum, syarat², perengkat, standard bahasa kebangsaan yang di-perlukan ada terkandung di-dalam Perlembagaan. Jadi kita adalah terikat kapada Perlembagaan dalam mana ada tersebut di-bawah Perkara 16, ia-itu bagi orang² yang di-lahirkan di-negeri ini sa-belum Hari Merdeka ada-lah di-kehendaki mengetahui bahasa Melayu yang mudah sahaja, atau dengan Inggeris-nya elementary knowledge of Malay dan pemohon² di-bawah Perkara 19 dalam Perlembagaan, ia-itu bagi orang² yang di-luar negeri ini pula di-kehendaki mengetahui bahasa Melayu yang cukup—sufficient or adequate knowledge of Malay. Jadi perkara hendak mendrawkan line, hendak membuat garisan antara perengkat, atau standard yang tinggi, yang sederhana, yang kurang; itu ada-lah terpulang sa-mata² kapada Lembaga Pemereksaan berdasarkan kapada syarat² yang terkandung di-dalam Perlembagaan. Jadi kalau Lembaga itu membuat soalan yang payah² yang barangkali susah bagi sa-saorang yang bukan daripada asal bahasa Melayu menjawab-nya, saya bimbang boleh jadi kita terkeluar daripada syarat² yang terkandung di-dalam Perlembagaan yang telah kita terima dan persetujui.

Tentang lantikan ahli² Pemeriksa Lembaga ini, sa-bagaimana saya kata ini ada-lah dalam tangan Kerajaan Negeri masing², menerima chadangan, atau recommendation daripada tiap² kalau tidak salah saya Pegawai Jajahan di-mana di-tiap² daerah itu ada satu Lembaga Pemereksaan ini dan sama ada orang yang di-pelawa menjadi ahli itu layak, atau pun tidak layak menjadi pemeriksa dalam bahasa kebangsaan ini, terpulang-lah atau tergantung-lah sa-mata² kapada chadangan, atau recommendation pegawai² yang mengemukakan nama² orang² ini

kapada Kerajaan Negeri dan tanggungjawab-nya terpulang-lah kapada pegawai² ini mengemukakan orang² yang di-fikirkan layak sa-lepas berpuas hati menjadi Ahli Pemeriksa. Tinggal lagi dalam pada itu kalau sa-kira-nya ada timbul perkara dalam mana kata Ahli Yang Berhormat itu ada orang yang menjadi Ahli ini yang betul yang tidak layak menjadi Pemeriksa, saya menhadangkan sila berutus dengan Kementerian dan Kementerian akan mengambil tindakan supaya menyemak balek, menyasat, sama ada orang yang di-katakan tidak layak itu betul tidak layak dan kalau betul tidak layak tindakan yang sewajar akan di-ambil.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang ada juga membuat tegoran berkenaan dengan orang² yang mempunyai kad pengenalan Singapura yang beranak di-Malaysia yang tidak dapat memperolehi surat² perjalanan, atau pun travel document dan dia menhadangkan juga supaya surat² perjalanan atau pun travel document patut di-beri kapada mereka supaya senang mereka berjalan antara Singapura dan Malaysia. Saya mohon izin, Dato' Pengerusi, menjawab soalan ini, perkara² ini dalam bahasa Inggeris.

At a meeting held in Singapore in November, 1966, between officials of the Government of Malaysia and Singapore, it was *inter alia* agreed that the Singapore Government would be responsible for issuing travel documents to holders of Singapore identity cards residing in Malaysia, and likewise the Malaysian Government would be responsible for issuing travel documents to holders of Malaysian identity cards residing in Singapore. In accordance with this agreement, the Malaysian Immigration Department has, since the introduction of the Malaysian Restricted Passports and Restricted Certificates of Identity in April, 1967, been issuing travel documents to holders of Malaysian identity cards residing in Singapore and West Malaysia, irrespective of their places of birth, provided that these persons cannot obtain their National Passports and are not citizens of Singapore. The issuing of travel documents to holders of Singapore

identity cards residing in Singapore should, therefore, be the responsibility of the Singapore Government.

Tuan Tan Toh Hong (Bukit Bintang) (*dengan izin*): On a point of clarification. Sir, while I appreciate very much that our Malaysian Government is doing everything possible to honour its commitment by issuing travel documents to people born in Singapore, but with Malaysian identity cards, does it mean therefore that the Singapore Government is not honouring its part of the agreement made with our Government? If that were the case, Mr Chairman, Sir—we have heard so much from south of the Causeway about co-operation, about our destiny being indivisible—if they cannot honour a single agreement like that and are punishing people who were born in this country for holding Singapore identity cards, how could we further this spirit of regional co-operation? Our Government should make strong representation.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Mr Chairman, Sir, I leave it to the Honourable Member to draw his own conclusion as to what stand the Singapore Government is taking in this matter. In the event of the other Government not honouring a term of any agreement entered into between them and this country, there is, I am afraid, no way whereby we can force another foreign government to abide by the terms of any agreement that is entered into with our country.

Ahli Yang Berhormat daripada Sarawak ada juga membuat tegoran mengatakan notice, atau pun amaran patut di-bagi kapada pegawai² yang memegang jawatan di-sasuat pertubuhan sa-belum pejabat sa-suat pertubuhan itu di-tutup.

Di-sini, Dato' Pengerusi, saya suka menyatakan bahawa di-bawah syarat² Undang² Societies Act, 1966, tidak ada syarat² terkandung di-dalam-nya mengatakan Menteri itu terpaksa, atau wajib memberi notice, dia boleh menutup mana² suatu pejabat, jikalau dia berasa puas hati bahawa pejabat itu

telah di-gunakan untuk sa-suatu perkara yang akan mengancam keamanan dan ketenteraman dalam negeri ini.

Tuan Pengerusi: Persidangan ini di-tempohkan sa-lama 15 minit.

Persidangan di-tempohkan pada pukul 10.50 pagi.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 11.10 pagi.

Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa Perbekalan.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa Perbekalan*)

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah:

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kulim Utara ada membangkitkan dua perkara, pertama-nya mengatakan bahawa soalan yang di-tanya oleh Lembaga Ujian Bahasa bagi kawasan-nya, telah terlalu senang dan biasa-nya menggunakan bahasa Melayu pasar dan ini bukan merupakan ujian bahasa dalam erti kata yang sa-benar-nya. Tentang perkara ini, Tuan Pengerusi, jawapan yang telah di-beri sa-kejap tadi dan rasa saya tidak-lah payah saya mengulangkan balek jawapan yang telah di-berikan itu. Dia juga telah membangkitkan chara² Pejabat Pendaftaran membuat pembetulan butir² di-dalam surat beranak, atau mati saperti yang di-jalankan pada masa ini, kata-nya tidak memuaskan orang ramai, ia-itu butir² yang di-perbetulkan itu di-pangkah dengan da'awat merah dan butir² yang betul di-tulis di-atas butir² yang silap itu, sa-patut-nya surat beranak atau mati yang baharu di-berikan dengan tidak menunjokkan butir² yang silap itu.

Tuan Pengerusi, bagi menjawab tegoran ini saya suka menyatakan di-sini, chara membetulkan surat beranak atau surat mati saperti yang di-jalankan oleh Pejabat Pendaftaran sekarang ini ada-lah di-buat dengan tujuan supaya rekod² beranak dan mati dapat terpelihara, dan tidak mudah di-kuchar-kachirkan oleh orang² yang tidak bertanggung-jawab. Ini ia-lah untuk satu daripada sebab-nya untuk keselamatan negeri.

Ahli Yang Berhormat dari Batu ada juga membangkitkan berkenaan dengan perkara Kad Pengenalan bagi orang² yang berulang daripada Malaysia ka-Singapura, dan Singapura ka-Malaysia. Tegoran ini atau pun soalan ini telah juga saya jawab tadi, dan tidak-lah payah saya mengulangkan sa-kali jawapan yang saya telah beri. Ahli Yang Berhormat dari Batu juga membangkitkan berkenaan perkara kelewatan menchatet buku Hansard. Tentang ini, segala usaha, segala daya telah di-jalankan untuk mencheptakan perche-takan dan perbuatan buku Hansard dan pembayaran overtime allowance ada-lah di-beri mengikut Kepala Bekalan 36, Butiran (136) di-dalam Anggaran Perbelanjaan.

Ahli Yang Berhormat dari Batu juga membawa perkara kelewatan dalam perkara memberi sijil² kera'ayatan dan juga kelewatan dalam perkara memberi kad² pengenalan. Biasa-nya, Tuan Pengerusi, tidak ada kelewatan sangat di-dalam perkara mengeluarkan sijil² kera'ayatan, kalau sa kira-nya permohonan ini sa-chara terus, tetapi banyak permohonan yang di-terima ada-lah mengenai perkara² yang kosot, yang mesti di-siasat dengan halus sa-belum permohonan itu dapat di-timbangan dan di-luluskan. Ini ada-lah mengambil masa juga dan biasa-nya tempoh sa-lama 4 kapada 6 bulan mesti-lah di-kenakan, sa-belum permohonan² ini boleh di-jelaskan dan di-persetujui dan berkenaan dengan ini kaki-tangan² di-Pejabat ini telah di-tambah untuk tahun ini supaya menyegerakan, menyenangkan lagi kerja² mengeluarkan kad² pengenalan.

Ahli Yang Berhormat dari Batu juga membangkitkan perkara berkenaan dengan grade, atau pun pangkat Ketua Lembaga Rasuah. Tentang ini, Tuan Pengerusi, sa-bagaimana ma'alum Lembaga ini hanya bergerak berjalan sa-lama beberapa bulan sahaja dan kera-jaan tentu akan menimbangkan perkara ini memandangkan kapada tanggung-jawab tugas², kewajipan² yang di-jalankan oleh Lembaga ini dan khas-nya Ketua-nya atau pun Director-nya dan lain² kaki-tangan-nya dan barang-kali akan menimbangkan sama ada

pangkat, atau pun gaji Director-nya, atau pun kaki-tangan² yang bekerja itu patut di-timbangkan dan di-kajikan samula.

Ahli Yang Berhormat dari Batu juga membangkitkan perkara pembatalan majallah *Sanggamani* yang di-tulis di-dalam bahasa Tamil dan Telegu, ia-itu satu majallah kepunyaan National Union of Plantation Workers, tentang perkara ini, Kementerian telah menyiasati dengan halus-nya, dengan teliti-nya, atas kandungan² majallah ini dan telah mendapati majallah ini telah banyak kali mengeluarkan karangan², berita² yang menunjukkan ia-nya mengapi²kan perasaan perkauman yang tentu tidak menjadi elok bagi negeri ini. Dengan kerana itu terpaksa-lah tindakan di-ambil di-batalkan majallah tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Batu juga membangkitkan perkara berkenaan dengan Hospital Assistant di-bawah Butiran (20) dalam Kepala Bekalan 33 dan membuat tegoran juga di-atas layanan² yang tidak memuaskan yang di-bahagikan kepada orang² di-dalam tahanan.

Tentang perkara ini, Tuan Pengerusi, Hospital Assistant yang di-sebutkan di-dalam Butiran (20) Kepala Bekalan 33 itu yang sa-benar-nya adalah untuk Sekolah Henry Gurney di-Telok Mas, Melaka yang chuma-nya 7 batu sahaja daripada bandar Melaka dan yang ada di-dalam-nya budak² berjumlah lebih kurang 500 orang.

Berkenaan dengan tempat² tahanan lain di-Malaysia Barat, peratoran telah di-buat oleh Kementerian Kesihatan supaya sa-orang Hospital Assistant melawat di-tempat² tahanan ini pada tiap² hari. Dan jikalau sa-kira-nya ada daripada orang² yang di-tahan itu berkehendakkan rawatan, atau pun pemeriksaan daripada sa-orang Tabib, atau Medical Officer ia-nya akan di-hantar ka-Hospital Batu Gajah, atau pun Muar dengan recommendation, atau pun nasihat Hospital Assistant yang melawat tempat² ini. Dan tempat tahanan di-Batu Gajah dan di-Muar ada-lah berdekatan dengan Hospital di-Batu Gajah dan di-Muar. Dan lagi kalau sa-kira-nya ada orang² tahanan

ini berkehendakkan rawatan daripada satu² doktor, maka usaha akan di-ikhtiarkan supaya sa-orang Hospital Assistant, atau pun sa-orang Tabib boleh datang ka-tempat tahanan ini supaya di-pereksa orang² yang sakit itu. Jadi bilangan orang² tahanan di-dalam tempat² tahanan ada-lah berjumlah kechil sahaja dan kalau hendak di-tempatkan sa-orang Tabib atau Tabib khas di-tempat tahanan ini barangkali tidak memadai oleh kerana pekerjaan yang akan di-buat oleh Tabib² di-situ tidak-lah menchukupi bagi sa-orang Tabib di-tempatkan khas di-tempat² tahanan ini.

Di-Kuching pula di-tempat tahanan itu selalu, tempat tahanan ini selalu di-lawati oleh sa-orang Hospital Assistant dalam masa dua kali sa-minggu dan sa-orang Tabib dalam sa-kali sa-minggu. Dan jika ada orang² yang di-tahan berkehendakkan rawatan daripada sa-orang Tabib, atau pun Hospital Assistant, dia selalu di-bawa ka-Hospital Kuching untuk di-rawat.

Ahli Yang Berhormat dari Batu juga menegor atas anggaran \$400 yang di-bagi kerana orang² tahanan yang di-bebaskan di-bawah perkara 13, Kepala-kechil 25 dan menyatakan kepada Dewan ini bahawa jumlah \$400 ini ada-lah tidak menchukupi untuk orang² tahanan ini dan meminta supaya jumlah wang anggaran yang lebih besar lagi di-beri kepada untuk tujuan ini. Tuan Pengerusi, \$400 di-bawah anggaran ini yang di-bagikan kepada tempat tahanan Kuching ia-lah sa-mata² dengan tujuan untuk memberi pertolongan kepada orang² tahanan yang sunggoh² tidak berduit apabila mereka di-lepaskan. Dan sa-lain daripada itu di-tempat² tahanan ini ada berbagai² rupa kesenangan di-adakan sa-bagai buku² bacaan dan surat² khabar, khutub-khanah dan lain² perkara yang boleh menyenangkan kedudukan, atau pun perasaan orang² yang di-dalam tahanan.

Ahli Yang Berhormat dari Batu juga membuat tegoran bahawa di-dalam tempat² tahanan tidak chukup di-adakan berbagai² perkakas permainan, alatan permainan untuk orang² yang di-tahan. Sa-bagaimana saya katakan tadi, Tuan Pengerusi, di-

semua tempat² tahanan ada di-adakan berbagai² permainan sa-bagai basket ball, badminton dan di-dalam tempat tahanan sendiri banyak juga di-adakan permainan ping pong, atau pun table tennis. Dan sa-lain daripada itu juga di-adakan permainan sa-bagai chator, dam, dan di-satengah² tempat tahanan di-adakan juga permainan bola. Dan di-tempat tahanan ini ada juga di-adakan pertunjukan wayang gambar khas yang di-atorkan bagi orang yang ada di-dalam tahanan.

Ahli Yang Berhormat daripada Sarawak juga ada membangkitkan tegoran berkenaan dengan kekurangan perkara² yang di-sebutkan tadi bagi orang² yang di-tahan di-Sarawak. Ini tidak payah-lah saya ulangkan lagi, sa-bagaimana saya sebutkan tadi kemudahan² dan bermacam² permainan telah di-atorkan bagi orang² di-dalam tahanan.

Ahli Yang Berhormat dari Batu juga menegor kelewatan di-atas penyiapan buku yang di-namakan History of Emergency. Tentang perkara ini, buku ini akan di-jangka siap pada bulan June tahun ini dan mengikut orang yang mengarang nya, dia maseh ada lagi tiga bab untuk di-tamatkan.

Ahli Yang Berhormat daripada Sarawak juga ada membuat tegoran terhadap penembakan dan pembunuhan sa-orang perempuan komunis di-Sarawak. Tentang perkara ini, penyiasatan telah di-buat dan di-dapati perempuan yang di-bunuh ini telah di-dapati bersama² dengan tiga orang lain lagi di-suatu kawasan larangan, mereka sa-belum di-tembak telah di-chabar dan apabila telah di-chabar, mereka lari dan mengikut peratoran², apabila lari sa-lepas di-chabar dia di-tembak dan di-bunuh dan apabila di-siasati perempuan ini di-dapati ada mempunyai, menyimpan risalah², document² yang menunjukkan bahawa dia ada-lah sa-orang komunis.

Saya, Tuan Pengerusi, bersetuju sa-bagaimana kata Ahli Yang Berhormat itu wang patut di-gunakan untuk pelajaran, tetapi dalam pada itu sa-bagaimana kata saya dalam ucapan permulaan saya tadi perkara keselamatan di-dalam negeri ada-lah sama

mustahak juga dengan pelajaran. Kalau sa-kira-nya keamanan negeri, ketenteraman negeri, keselamatan negeri terancham, maka wang yang di-churahkan untuk pelajaran, untuk pembangunan akan terancham dan boleh jadi sia² sahaja.

Sakian-lah sahaja, Tuan Pengerusi, ulasan saya pada hari ini. Terima kaseh.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$3,615,370 untuk Kepala B. 30; \$147,218,200 untuk Kepala B. 31; \$3,767,408 untuk Kepala B. 32; \$10,967,794 untuk Kepala B. 33; \$5,576,126 untuk Kepala B. 34; \$410,971 untuk Kepala B. 35; \$3,719,638 untuk Kepala B. 36 dan \$1,191,167 untuk Kepala B. 37 di-perintah jadi sa-bahagian daripada Jadual.

Kepala² B. 38; B. 39; B. 40 dan B. 41—

Menteri Penerangan dan Penyiaran, dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Senu bin Abdul Rahman): Tuan Pengerusi, dengan izin tuan saya ingin mengemukakan dengan serentak Kepala² B. 38, B. 39, B. 40 dan B. 41 yang keseluohan-nya berjumlah \$36,452,386 bagi Jabatan² di-dalam Kementerian saya supaya di-jadikan sa-bahagian daripada Jadual.

Tuan, terlebih dahulu saya dengan sukachita-nya menyatakan bahawa sejak awal tahun lalu Kementerian saya telah bertugas mengusahakan kerja² menyatukan bahagian² yang sama di-dalam Jabatan² dengan tujuan mengelakkan berlapis²an kerja, menjimatkan kaki-tangan dan perbelanjaan untuk menuju matlamat melichinkan pentadbiran. Usaha² tersebut telah berjalan dengan lancar dan satu hasil yang terbesar ia-lah berupa, pentadbiran Jabatan Filem Negara yang dahulu-nya, di-bawah Jabatan Penerangan sekarang sudah di-ambil alih dan di-bawa ka-bawah pentadbiran Kementerian.

Dalam pada itu usaha² menyatukan bahagian² yang lain maseh dalam tindakan dan suka saya menerangkan bahawa oleh kerana bahagian² tersebut, ada-lah berpusat di-lain² bangunan

maka usaha² penyatuan telah menghadapi kesulitan². Tetapi sekarang ini suka-lah saya mengumumkan bahawa sa-bahagian bangunan baharu Kementerian di-Bukit Puteri telah pun siap untuk di-gunakan oleh pegawai² Kementerian dan Pengarah² Jabatan Penerangan, Radio, Talivishen dan Filem Negara dan mereka² semua akan pindah ka-bangunan ini sa-belum 17hb Februari ini. Saya juga dengan bangga-nya menyatakan bahawa bangunan baharu Kementerian ini, yang telah pun di-beri nama-nya akan dibuka dengan rasmi oleh Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri pada 17hb Februari, 1968 ini. Maka dengan siap-nya bangunan tersebut dan dengan berpindah-nya semua Ketua² Jabatan ka-sabua pejabat ada-lah di-harapkan bahawa usaha² penyatuan Kementerian saya akan berjalan dengan lebeh lancar.

Sa-lain daripada ini kemajuan yang terchapai oleh pehak Kementerian saya ia-lah dalam bidang kutipan hasil ia-itu hasil daripada jurusan lesen² radio dan talivishen dan daripada jurusan perniagaan (commercial) berupa iklan² melalui radio dan talivishen. Hasil daripada kutipan lesen radio dan talivishen bagi tahun 1967 telah bertambah sa-banyak 19.8% berbanding dengan kutipan dalam tahun 1966. Ini merupakan tambahan hasil sa-banyak \$1,064,628. Angka bagi tahun 1966 ia-lah \$5,362,933 dan bagi tahun 1967 ia-lah \$6,427,561. Kutipan hasil dalam bahagian perdagangan juga telah bertambah sa-banyak \$1,211,670 atau 20.8% berbanding dengan kutipan bagi tahun 1966. Jumlah kutipan bagi tahun 1966 ia-lah \$5,810,145 dan tahun 1967 ia-lah \$7,021,815.

Ini ada-lah membuktikan bahawa Kementerian saya yang tegas-nya di-tugaskan bagi memainkan peranan membena negara melalui pembangunan akhlak, semangat perpaduan, memberi kesedaran terhadap tanggung-jawab ra'ayat Malaysia yang berbilang bangsa ini, dapat-lah juga sedikit sa-banyak mengutip hasil daripada bahagian² yang saya sebutkan di-atas tadi.

Sekarang suka-lah saya memberi sedikit penjelasan terhadap kegiatan²

Jabatan² di-dalam Kementerian saya pada tahun ini dan keperluan² peruntukan kewangan-nya.

KEMENTERIAN PENERANGAN DAN PENYIARAN

Di-bawah Kepala B. 38, Kementerian Penerangan dan Penyiaran sa-jumlah \$4,058,401 ada-lah di-minta tahun ini dan ini merupakan tambahan sa-banyak \$2,253,307. Tambahan ini ada-lah akibat penyatuan bahagian Filem Negara ka-bawah Kementerian ini yang merupakan tambahan berjumlah \$2,049,088 kepada jumlah peruntukan Kementerian yang asal. Tambahan yang sa-benar bagi keperluan Kementerian pada tahun ini ia-lah \$204,219 seperti berikut:

- | | |
|---|-----------|
| (1) Gaji | \$117,764 |
| (2) Lain ² Perbelanjaan Berulang Tiap ² Tahun ... | 82,665 |
| (3) Lain ² Perbelanjaan Khas | 3,790 |

Tambahan \$117,764 untuk gaji ia-lah merupakan perbelanjaan kenaikan gaji biasa, dan juga bagi gaji 28 orang kakitangan baharu kebanyakan-nya dalam Bahagian Pemeriksa Lesen. Tambahan Lain² Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun \$82,665 itu juga merupakan tambahan biasa, tetapi sa-bahagian besar-nya ia-lah bagi pengangkutan oleh kerana bertambah-nya kakitangan² dan oleh kerana kegiatan yang sedang di-jalankan oleh bahagian lesen ini. Tambahan Perbelanjaan Khas \$3,790 ada-lah untuk pembelian perabut² pejabat.

JABATAN FILEM NEGARA

Berhubung dengan jabatan ini suka saya menjelaskan bahawa dalam tahun 1967 Filem Negara telah mencapai kemajuan yang baik walau pun mengalami kekurangan kakitangan² penerbitan filem semenjak dari 3 tahun yang lalu. Kerja penerbitan yang di-laksanakan pada tahun lalu telah melebihi semua rekod² yang sudah² semenjak bahagian ini di-tubuhkan 21 tahun yang lalu. Kemajuan telah dapat di-chapai dengan usaha yang kuat dan pengorbanan yang besar oleh pehak kakitangan² Filem Negara dalam usaha kenegaraan memperbaiki kesetiaan,

perpaduan dan menerangkan kepada ra'ayat² Malaysia mengenai kemajuan dalam negara kita.

Tahun lalu, Filem Negara telah membuat satu rekod berupa pengeluaran yang berjumlah 107 tajok² filem dengan perjalanan masa sa-banyak 23 jam dan 17 minit (di-banding dengan 58 tajok² filem dan perjalanan masa sa-banyak 15 jam dan 30 minit dalam tahun 1966) ia-itu satu kejayaan dua kali ganda pengeluaran dari tahun 1966. Ini sama-lah perjalanan masa sa-banyak 12 buah filem² wayang biasa (feature length). Tajok² filem ini termasuk-lah 52 keluaran "Malaysia Sa-Minggu" dan 5 pengeluaran khas bagi siri tersebut, 16 buah filem² jenis dokumentari, dan 4 buah jenis filem sa-paroh wayang derama dan lain². Tajok² filem ini meliputi aspek² sosial, pelajaran dan pembangunan. Satu chontoh filem pembangunan yang mencapai kejayaan yang amat memuaskan dan telah mendapat sambutan ramai ia-lah filem siri "Kampung Kita" dan filem "Tongkat Hitam" yang merupakan pendidikan akhlak. Ada-lah di-harapkan bahawa filem sa-umpama ini akan dapat lagi di-perbuat dengan banyaknya dalam tahun ini.

Meski pun dengan anggaran Perbelanjaan yang terhad, Filem Negara telah melebihi usaha² yang di-jangka. Tahun ini, perubahan perbadanan telah pun berlaku menaikkan taraf Filem Negara dari sa-buah chawangan Perkhidmatan Penerangan kepada sa-buah Jabatan di-bawah Kementerian Penerangan dan Penyiaran. Kajian sedang di-buat mengenai kemungkinan Filem Negara memperluaskan kegiatan-nya ka-dalam lapangan penerbitan filem² wayang dan berjalan sa-bagai sa-buah perbadanan atau corporation. Peruntukan berjumlah \$2,049,088 bagi keperluan Filem Negara seperti saya terangkan tadi ada-lah di-masokkan kepada peruntukan Kementerian dan keperluan ini tidak merupakan apa² tambahan besar melainkan untuk kenaikan gaji biasa sahaja.

JABATAN RADIO

Alat² siberan 'am atau "mass media" Kerajaan—Radio, Talivishen, Filem dan Perkhidmatan Penerangan—me-

rupakan alat pembinaan negara (nation building) yang amat berkesan. Alat² ini tidak boleh di-ukur sa-mata² dengan kewangan sahaja, walau pun hasil terus-menerus dari jualan lesen dan iklan perdagangan di-Radio dan T.V. Malaysia mencapai angka lebeh dari \$13,000,000 sa-tahun, seperti yang saya katakan tadi.

Pada keseluruhan-nya, angka peruntukan 1968 bagi Radio Malaysia merupakan tambahan sa-banyak \$363,216 berbanding dengan peruntukan tahun 1967. Ini ia-lah di-sebabkan kenaikan gaji tahunan biasa dan perbelanjaan biasa berulang tiap² tahun. Sa-banyak 14 jawatan telah di-kurangkan berbanding dengan tahun lalu. Ini merupakan satu langkah menjimat chermat.

Walau pun ada-nya langkah menjimat chermat, Radio Malaysia akan terus berkembang maju dalam segala bidang. Mithal-nya: steshen-nya di-Johore Bahru akan di-kuatkan kuasa pancharan-nya dari 10 kilowatt kepada 50 kilowatt tahun ini. Sa-buah steshen pemancar baharu sa-kuat 10 kilowatt telah di-rasmikan pembukaan-nya oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang pada 10hb Februari tahun ini di-Kuantan. Steshen baharu di-Limbang, Sarawak, akan di-siapkan tahun ini juga. Lain² perkembangan pada tahun 1968 ini ada-lah termasuk :

- (a) memperbaiki mutu ranchangan,
- (b) menambah siaran ka-sekolah² untok darjah menengah,
- (c) memperbaiki perkhidmatan siaran luar bandar,
- (d) menambahkan bilangan Warta Berita apabila semua jawatan pemberita dan penyunting berita di-isi,
- (e) merapatkan lagi perhubungan ra'ayat dengan Radio Malaysia dan sa-bagai menambah ke-ne'matan ra'ayat, dengan jalan mengadakan lebeh² kerap kali permainan Radio Orkes dan persembahan Anekaragam di-khalayak² ramai dan
- (f) memperbaiki lagi perkhidmatan Petekan Siaran atau "Monitoring" di-steshen baharu Radio

Malaysia di-Klang, untuk faedah Kementerian Luar Negeri, Dalam Negeri dan lain² Kementerian dan Pertubuhan² Kerajaan.

Saya juga berbangga, Tuan Pengerusi, melaporkan bahawa Kesatuan Penyiaran Asia (ABU) berchadang menubuhkan satu Pusat Latihan Penyiaran Kawasan (Regional Broadcasting Training Institute) di-Kuala Lumpur mulai pada tahun hadapan. Kuala Lumpur di-anggap tempat yang sesuai sa-kali di-seluruh benua Asia bagi mengadakan kursus² latihan untuk meninggikan mutu penyiaran. Pusat Latihan ini akan di-bantu oleh pihak Bangsa² Bersatu sa-lama 5 tahun.

JABATAN TALIVISHEN

Jabatan Talivishen yang mulai ditubuhkan sa-bagai perhubungan dalam tahun 1963 telah menjadi satu jabatan yang kekal 6 bulan daripada tarikh tersebut. Kesulitan yang terbesar sekali bagi menjalankan usaha memajukan perkhidmatan Talivishen ia-lah berhubung dengan kekurangan bangunan bagi studio² dan dewan² untuk berlatih hinggakan jabatan ini terpaksa menyewa Dewan Bandaran untuk mengadakan latihan² (rehearsal). Tetapi dengan siap-nya bangunan baharu Kementerian kesulitan ini akan dapat di-atasi dalam tahun ini juga. Sunggoh pun dewan dan studio di-bangunan baharu hanya akan boleh di-gunakan dengan penoh pada akhir tahun ini, tetapi dewan baharu itu boleh-lah di-gunakan buat sementara tanpa menyewa Dewan Bandaran seperti masa yang telah lalu. Dan apabila studio² dan dewan di-bangunan baharu ini siap kelak, maka usaha lanjutan bagi memperbaiki mutu persembahan ranchangan² di-Talivishen dapat-lah di-jalankan dengan lebih banyak dan terator.

Bagi tahun ini ranchangan² kema-juan yang akan di-jalankan oleh jabatan ini termasuk memperluaskan perkhidmatan talivishen di-Pantai Timor bagi negeri² Pulau Pinang dan Trengganu dan ka-negeri² Sabah dan Sarawak di-Malaysia Timor. Ada-lah di-harapkan bahawa perkhidmatan ini akan dapat di-adakan dalam tahun ini

juga bagi kawasan Pantai Timor dan dalam tahun hadapan bagi negeri² di-Malaysia Timor.

Satu lagi kegiatan jabatan ini yang sedang di-ranchangkan ia-lah berupa siaran pelajaran ka-sekolah². Pegawai² telah di-hantar ka-luar negeri untuk menjalani kursus latihan berhubung dengan penerbitan dan penyelenggaraan ranchangan ini dan sa-kembali-nya mereka ka-tanah ayer kelak, perkhidmatan dalam Bahagian Siaran Pelajaran ini akan dapat di-mulakan. Kementerian saya akan bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran dalam menjayakan ranchangan ini.

Usaha² membuat filem dalam bahasa kebangsaan dengan menggunakan filem² gambar asing (dubbing) juga akan diselenggarakan dalam tahun ini. Persiapan² telah di-buat bagi melaksanakan ranchangan ini dan ada-lah di-harapkan dalam pertengahan tahun ini filem² tersebut akan mulai di-tayangkan oleh Talivishen Malaysia.

Akhir-nya jabatan ini akan juga menimbangkan penubuhan Saloran Kedua (Second Channel) sa-baik sahaja kaki-tangan professional-nya berpindah ka-bangunan baharu di-Bukit Puteri.

Sekarang suka-lah saya menyatakan keperluan kewangan jabatan ini bagi tahun 1968. Di-bawah Kepala B. 40 peruntukan berjumlah sa-banyak \$8,136,870 ada-lah di-minta. Ini ada-lah merupakan tambahan sa-banyak \$632,822 berbanding dengan peruntukan bagi tahun 1967. Tambahan perbelanjaan ini ada-lah seperti berikut:

- (a) \$45,518 untuk kenaikan gaji biasa, dan tambahan 5 Pegawai Bahagian II dan III dan 4 orang daripada pegawai² ini ia-lah bagi negeri² Sabah dan Sarawak.
- (b) \$587,304 bagi O.C.A.R. merupakan tambahan bagi menyelenggarakan dan menjaga dua bangunan pejabat lama di-Jalan Ampang dan pejabat baharu di-Bukit Puteri dan juga bagi perbelanjaan program² dan sewa filem² Melayu dan filem asing.

- (c) Di-bawah O.C.S.E. peruntukan telah di-kurangkan sa-banyak \$32,006 berbanding dengan tahun 1967.

JABATAN PENERANGAN

Kegiatan Jabatan ini ka-araf pembe-naan negara, dengan chara menyebarkan ranchangan² Kerajaan kapada sa-genap lapisan masharakat terutama sa-kali di-kawasan luar bandar telah berjalan terus saperti di-masa lepas. Ranchangan Pelajaran Tata Ra'ayat, ia-itu satu daripada ranchangan ter-besar bertujuan memberi kesedaran kapada ra'ayat berhubung dengan tanggung-jawab mereka dalam negara, dan menanamkan semangat kesetiaan dan perpaduan akan di-perluas lagi dalam tahun ini, kerana ranchangan ini sentiasa mendapat sambutan yang amat memuaskan daripada kalangan ra'ayat di-mana² peringkat jua pun, sama ada di-peringkat bandar, daerah mahu pun kampung. Sa-lain daripada ini rancha-ngan sa-umpama ranchangan "psycho-logical warfare" juga di-beri keutamaan di-kawasan² yang di-jangka memerlu-kan-nya.

Perhubungan dengan Kementerian² dan Jabatan² telah di-perbaiki dengan mengadakan pegawai² perhubungan terutama berkaitan dengan berita² dan kemajuan di-semua pehak yang ber-kenaan. Jabatan Penerangan tidak ke-tinggalan dalam usaha melateh pega-wai² supaya mereka mahir dan chekap dalam tugas² mereka dan pada tahun ini kursus² istimewa akan di-atorkan untuk mereka sa-kalian.

Bagi membantu perlaksanaan tugas² Jabatan Penerangan di-Malaysia Timor yang maseh baharu Pegawai² Luar yang berpengalaman dari Malaysia Barat sentiasa di-hantar ka-Sabah dan Sarawak untuk memperkuatkan kegia-tan kerja² luar dan memberi panduan kapada pegawai² yang baharu di-lantek daripada negeri² tersebut supaya mereka boleh menjalankan tugas mereka dengan lancar pada masa akan datang.

Berikutan dengan penubohan Pusat Akhbar Tenggara Asia (South East Asia Press Centre) yang di-usahkan

oleh Jabatan ini pada tahun lalu, usaha² menampong kekurangan warta-wan² yang terlatah terus berjalan. Pusat ini sentiasa giat dalam usaha menguruskan seminar² dan kursus late-han bagi wartawan² baharu bukan sahaja untuk Wartawan² Malaysia bahkan untuk Wartawan² Tenggara Asia juga.

Akhir-nya suka saya menyentuh Bahagian Penerangan Luar ia-itu satu bahagian yang baharu di-tubuhkan. Bahagian ini sedang di-perkemaskan untuk bertugas dengan lebeh giat, dan pada tahun ini dua lagi jawatan Atase Penerangan Luar Negeri telah di-luluskan dan pegawai² ini akan di-lantek untuk bertugas di-Djakarta dan di-Medan. Intisari Akhbar Malaysia (Malaysian Press Digest) ia-itu satu keluaran bulanan yang mengandongi petekan² berita daripada akhbar² di-Malaysia telah mula di-terbitkan untuk di-hantar ka-luar negeri melalui Peja-bat² Pesurohjaya Tinggi dan Duta kita di-saberang laut. Ini ada-lah satu usaha untuk menambah lagi pener-bitan bagi kegunaan penerangan di-luar negeri.

Berbalek kapada Kepala B. 41, peruntukan bagi Jabatan ini bagi tahun 1968 merupakan kekurangan pada ke-seluruhan-nya, tetapi ini ada-lah di-sebabkan peruntukan bagi Jabatan Filem Negara berjumlah \$2,049,088 telah di-pindahkan dari peruntukan Jabatan ini ka-dalam peruntukan Kementerian.

Jumlah peruntukan yang di-minta oleh Jabatan ini ia-lah \$9,737,273 bagi tahun ini. Dan ini ada-lah merupakan tambahan sa-banyak \$356,054. Pada keseluruhan-nya semua tambahan ini ada-lah untuk kenaikan gaji biasa dan bagi keperluan perbelanjaan seranta dan penerbitan. Ini termasuk-lah juga perbelanjaan menyelenggarakan Pusat Akhbar Asia Tenggara (South East Asia Press Centre).

Tuan Pengerusi, saya pohonkan.

Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara): Tuan Pengerusi, saya bangun bagi menyokong perunto-kan² yang di-minta bagi Kementerian Penerangan dan Penyiaran. Saya dalam

memberi sokongan ini suka-lah, Tuan Pengerusi, memberi beberapa pandangan dalam Kepala² peruntukan Kementerian ini.

Perkara yang pertama yang saya hendak sentoh ia-lah bahawa saya suka mengambil kesempatan ini di-bawah Kepala B. 39—Radio. Saya suka mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan pujian saya kepada Radio Malaysia yang semenjak beberapa bulan yang lampau sudah menjalankan langkah² yang positive mengadakan Indok Berita dalam Bahasa Kebangsaan. Saya sendiri telah menyentoh perkara ini beberapa kali semenjak peruntukan Kementerian ini di-binchangkan pada tahun² yang lepas dan saya rasa patut-lah pada kali ini saya menyampaikan rasa penghargaan di atas usaha² yang sunggoh² ia-itu dijalankan dalam lapangan ini. Sunggoh pun perkara ini masih barangkali pada peringkat ini belum meliputi semua siaran warta-berita, tetapi sudah dapat bukti² tentang keazaman yang bersunggoh² dari Jabatan Radio dalam melaksanakan perkara itu.

Yang menjadi persoalan sekarang dalam melaksanakan perkara ini ia-lah sa-takat mana langkah² yang dijalankan bagi mendorong Penyunting² Berita di-Radio dan juga di-Talivishen; Penyunting² Berita yang bukan Melayu untuk mereka memahirkan diri dalam Bahasa Kebangsaan dengan tujuan supaya mereka dapat menyediakan warta-berita dalam Bahasa Kebangsaan dengan usaha mereka sendiri dan tidak hanya bergantung kepada Penyunting² Berita yang berbangsa Melayu sahaja. Saya rasa pihak Kementerian ini harus menentukan suatu target date atau suatu tarikh yang tertentu pada masa mana semua pegawai² yang berkenaan harus berusaha bersunggoh² untuk memenohi syarat² ini. Dengan tidak ada suatu target date saya rasa akan perlahan juga-lah usaha pegawai² ini untuk memahirkan diri mereka dalam Bahasa Kebangsaan.

Tuan Pengerusi: Masa sudah sampai sekarang. Meshuarat ini di-tanggohkan hingga pukul 4.00 petang ini.

Persidangan di-tanggohkan pada pukul 12 tengah hari.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 4.00 petang.

RANG UNDANG¹ PERBEKALAN, 1968

(Jawatan-kuasa Perbekalan)

Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa Perbekalan.

(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatan-kuasa)

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Pengerusi, menyambong sa-mula ucapan saya pada sa-belah tengah hari tadi, maka sa-bagaimana saya katakan tadi, Kementerian ini hendak-lah menetapkan target date bagi kaki-tangan berita di-Radio dan Talivishen bagi memahirkan diri mereka dalam Bahasa Kebangsaan sa-hingga kaki²-tangan yang bukan Melayu boleh menulis berita dan menyunting-nya dalam Bahasa Kebangsaan dengan baik. Dengan tidak ada target date kaki²-tangan itu boleh bermain², tidak bersunggoh² dan melambatkan terchapai-nya pelaksanaan penoh Bahasa Kebangsaan di-Radio dan di-Talivishen. Kita tidak patut terbawa² perangai tidak menentukan masa dan sikap yang tegas; kita biasa-nya selalu memegang sikap sa-boleh²-nya atau sa-daya upaya.

Kalau 10 tahun tidak berhasil pun, itu ia-lah sa-daya upaya yang dapat dijalankan. Ini tidak boleh di-benarkan lagi mengenai Bahasa Kebangsaan. Tempoh 10 tahun sudah di-beri dari tahun 1957. Kita tidak boleh menunggu 10 tahun lagi bagi pelaksanaan penoh Bahasa Kebangsaan itu. Usaha mesti di-jalankan dengan sunggoh². Bahasa Jepun dalam masa pendudukan Jepun dahulu boleh di-pelajari dengan penoh dalam masa enam bulan. Ini ada usaha² yang bersunggoh² sebab takutkan tempeling Jepun, kenapa Bahasa Kebangsaan tidak boleh di-pelajari penoh dalam tempoh 10 tahun yang telah diberikan oleh Perlembagaan itu. Sebab itu, Tuan Pengerusi, target date tadi perlu di-tetapkan oleh Kementerian. Ini tidak boleh di-tanggoh²kan lagi oleh Kementerian terutama dalam masa revolusi mental sekarang ini.

Bahagian Warta Berita mesti-lah tegas. Semua pemberita mesti di-arahkan menulis berita dalam Bahasa Kebangsaan sa-t-rapa yang boleh, tidak saperti sekarang, kerana saya diberitahu pemberita² sekarang di-bebas-kan menulis berita² itu dalam bahasa yang ia suka—Melayu atau Inggeris. Kebanyakan Pemberita² termasuk Pem-berita² Melayu sendiri dalam Radio dan Talivishen menulis berita dalam bahasa Inggeris. kerana lebih nyaman dan lebih biasa. Arahan penoh mesti di-keluarkan dalam perkara ini.

Tuan Pengerusi, saya tidak boleh memberi pujian yang lebih kepada Bahagian Warta Berita Talivishen dalam pelaksanaan Indok Berita dalam Bahasa Kebangsaan ini, kerana sa-tahu saya pelaksanaan Indok Berita dalam Bahasa Kebangsaan di-Talivi-shen lebih perlahan. Apa yang saya boleh katakan ia-lah Yang Berhormat Menteri hendak-lah memberi chamti yang lebih keras kepada Bahagian Warta Berita Talivishen dalam hal ini. Chamti mengenai target date itu tadi, chamti mengenai pelaksanaan yang lebih chepat tentang Indok Berita Bahasa Kebangsaan di-Talivishen.

Mengenaí Warta Berita, saya ber-harap bahawa Jabatan Radio dan Tali-vishen benar² mengutamakan Bahasa Kebangsaan. Tidak-lah adil dan sesuai dengan kedaulatan Bahasa Kebangsaan kalau taraf Bahasa Kebangsaan itu di-letakkan pada tempat kelas dua atau kelas tiga. Warta Berita Bahasa Ke-bangsaan sa-belah pagi di-siarkan sa-tengah jam lewat dari warta berita Bahasa Inggeris di-Radio. Warta Berita malam jam lapan di-siarkan satu jam sa-tengah lebih lewat dari siaran bahasa Inggeris dan berita jam sa-puluh malam, sa-tengah jam lewat dari bahasa Inggeris; sa-balek-nya terdapat perbezaan hanya sa-tengah jam warta berita bahasa Inggeris di-Radio dan Talivishen. Patut-lah di-jalankan per-ubahan masa ini untuk di-sesuaikan dari kepentingan mendaulatkan Bahasa Ke-bangsaan dan juga dari segi menyam-paikan warta berita yang terbaharu lebih dahulu dalam Bahasa Ke-bangsaan.

Menyebut tentang warta berita di-Talivishen, saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan tentang apa perlu-nya ada lima atau enam orang Penyunting yang bergaji hampir \$1,500 sa-bulan sa-orang ber-tugas sa-tiap² hari untuk menyiapkan warta berita 10 minit dalam tiap² bahasa. Mengapa perlu ada Line-up Editor, Assignment Editor, Duty Editor dan lain².

Sa-lain dari Editor terdapat pula Supervisors, Reporters, Translators dan lain² lagi. Saya dapat tahu kadang² Reporters di-Talivishen hanya menulis berita 15 atau 20 line sahaja sa-hari berbanding dengan gaji-nya hampir² \$700 sa-bulan. Warta berita 10 minit itu hanya mengandongi antara 110 dengan 120 baris berita sahaja. Di-Talivishen baris berita ini kurang lagi, oleh sebab banyak menggunakan filem dan khabar-nya pula suasana dalam Bilek Berita di-Talivishen sudah kurang aman di-sebabkan oleh ujud-nya sa-tengah komplot². Saya harap bahawa suatu penyiasatan di-adakan supaya tenaga² yang membadzir dapat di-hapuskan dan Kerajaan dapat men-jimatkan wang. Dan saya harap Development Administration Unit di-Jabatan Perdana Menteri tentukan supaya dapat menyiasat lebih teliti akan hal ini.

Berhubung dengan warta berita ini juga, Tuan Pengerusi, saya suka-lah hendak tahu sa-takat mana-kah se-karang ini telah terchapai usaha untuk menchantomkan perkhidmatan² yang sama dalam Jabatan² di-bawah Kement-erian ini. Chontoh yang paling mudah ia-lah mengenai pegawai² yang mengutip warta berita ini. Ada pegawai² berita di-Radio, di-Talivi-shen dan juga di-Jabatan Penerangan yang bekerja untuk memungut berita yang hampir sama sedangkan tenaga² ini dapat di-jimatkan dengan ada-nya koodinasi atau integerasi yang tertentu. Oleh sebab itu saya harap bahawa usaha menchantomkan perkhidmatan² yang sama ini yang saya tahu sekarang sedang di-jalankan siasatan akan di-percepatkan supaya akan dapat pehak Kementerian ini menchapai kejayaan dalam menjimatkan tenaga dan belanja

bagi mempersembahkan perkhidmatannya kepada ra'ayat dalam jurusan ini.

Tuan Pengerusi, dalam ranchangan talivishen maseh kedapatan sungutan² yang mengatakan ranchangan² sa-tengah²-nya maseh jauh dari memuaskan. Ini mungkin di-sebabkan oleh semangat kurang puas hati di-kalangan penerbit² ranchangan. Saya dapat tahu bahawa satu masa dahulu penerbit keturunan India di-suroh menerbitkan ranchangan bahasa China, Penerbit yang tahu bahasa China di-suroh menerbitkan ranchangan Tamil, Penerbit bukan Islam di-tugaskan menerbitkan ranchangan² pertandingan Kuran, Penerbit yang chendrong dalam hal drama di-tukarkan untuk menerbitkan ranchangan ugama; Penerbit yang chendrong dalam hal kebudayaan dan bahasa di-suroh-nya menerbitkan ranchangan sukan dan lain². Maka adalah sangat baik kalau Talivishen Malaysia dapat mengamalkan dasar menugaskan Penerbit² itu menurut lapangan yang mereka specialise.

Satu perkara yang saya suka meng-shorkan dalam perkara Talivishen ini, Tuan Pengerusi, ia-lah supaya dapat di-adakan suatu ruangan ekonomi yang boleh memberi pelajaran panduan kepada bumiputra, khusus-nya dalam segi ekonomi, kerana ini ada-lah perkara yang sangat mustahak dalam pembangunan ekonomi kita pada masa ini dan usaha Kerajaan hendak mempersaibangkan kedudukan ekonomi bumiputra dengan ekonomi bukan bumiputra. Dengan ada-nya ranchangan ini yang memberi panduan² yang mudah dan senang, maka akan dapat melangkah sa-langkah lagi usaha² bagi memandu bumiputra dalam kemajuan ekonomi.

Suatu perhatian lagi, Tuan Pengerusi, ia-lah saya nampak Talivishen mengamalkan suatu amal yang baik dengan mengadakan chogan² kata yang menyeru kepada perpaduan kebangsaan, kepada mengamalkan ta'at setia kepada negara dan sa-bagai-nya. Tetapi chogan² kata ini, Tuan Pengerusi, hanya di-buat dalam Bahasa Kebangsaan sahaja, sedangkan ra'ayat yang lebih utama hendak di-tujukan dengan chogan² kata ini ia-lah barangkali

pada pendapat saya ra'ayat yang bukan Melayu, maka dengan chogan² kata yang di-buat demikian dalam Talivishen banyak dari mereka itu kurang faham, maka ada-lah lebih baik jika-lah chogan² kata seperti itu di-sertakan sama dengan chogan kata yang sa-rupa dalam bahasa² lain di-samping Bahasa Kebangsaan supaya menafa'at dan faedah-nya dapat lebih meratakan.

Saya hendak beraleh, Tuan Pengerusi, kepada B. 41—Jabatan Penerangan. Jabatan Penerangan ini pada pendapat saya ia-lah alat Kerajaan, alat yang menjadi penghubung sa-chara langsung daripada Kerajaan dengan ra'ayat. Jabatan Penerangan dengan pegawai²-nya dan kereta² penerangan-nya yang merupakan suatu pertalian yang boleh merapatkan hubungan Kerajaan dengan ra'ayat, tetapi saya memandang kepada peruntukan di-sini, kereta² penerangan samenjak beberapa tahun ini tidak bertambah, Tuan Pengerusi. Tahun lepas 112 buah, tahun ini di-tambah kepada hanya 116 buah. Kita ada di-Malaysia ini, Malaysia Barat sahaja lebih daripada 80 district. Pada satu daerah, pada pendapat saya, sa-kurang²-nya dua buah kereta penerangan, baharu chukup. Kereta² Penerangan yang sa-ratus buah lebih yang ada sekarang ini pun menurut pengalaman saya sendiri yang pernah berkhidmat dalam Jabatan Penerangan ada yang telah berumur lebih kurang 10 tahun ada yang telah berumur 12 tahun dan selalu masuk workshop. Kereta² ini bila masuk workshop, kerana umur sudah tua, bila keluar daripada workshop lebih rosak daripada masa dia belum keluar daripada workshop. Jadi, saya berharap bahawa pehak Kementerian ini, kalau dapat pulas telinga pun, pulas-lah sedikit telinga Perbendaharaan kita ini supaya memberi pertimbangan yang lebih berat kepada peruntukan bagi menambah kereta² penerangan ini supaya dengan demikian, maka alat perhubungan yang sangat berkesan ini kepada ra'ayat akan dapat menjalankan tugas-nya dengan baik.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya suka-lah hendak menyatakan sedikit pujian saya kepada risalah² yang

di-keluarkan oleh Jabatan Penerangan bagi dalam dan luar negeri, dan saya ada tengok baharu² ini risalah² yang baik untuk siaran luar negeri yang di-keluarkan oleh Bahagian Penerangan Luar Negeri. Jabatan ini saya hanya hendak menhadangkan bahawa patut-lah Jabatan Penerangan juga mengeluarkan risalah² yang tidak panjang, yang pendek² ia-itu mengenai Parlimen ini umpama-nya, kerana Parlimen ini tidak kurang daripada 400 atau 500 orang satu hari yang datang melawat dengan bas, dengan kenaikan² lain dan berbagai² lagi. Tetapi tidak ada satu pun buah tangan, satu jenis penerangan, satu risalah kecil yang menerangkan sejarah Parlimen ini, yang menerangkan kedudukan Parlimen ini dan segala perkara dan segi² yang berhubung dengan Parlimen ini.

Saya merasa perkara ini mustahak dan di-buat oleh Jabatan Penerangan dan di-letakkan risalah itu di-Parlimen ini dan juga di-lain² tempat sa-hingga bila datang pelawat² dapat-lah di-beri risalah² penerangan ini sa-bagai kenang²an mereka melawat Rumah yang menjadi suatu bangunan kebangsaan di-Ibu Kota ini. Saya juga suka supaya pihak Jabatan Penerangan memikirkan ia-itu mengeluarkan risalah² kecil mengenai segala segi sejarah negeri kita ini. Barangkali Jabatan Penerangan ada mengeluarkan sa-tahun sa-kali buku Malaysia in Brief, atau Malaysia Sa-Pintas Lalu yang mengandungi segala jenis ma'lumat tentang Malaysia, tetapi ini terlalu umum. Saya ingat satu² aspect itu harus ada satu risalah yang tersendiri, yang tidak panjang, tetapi berguna sa-hingga sa-siapa yang hendak mengetahui segi² itu ada risalah-nya dan ada penerangan-nya dan ada penjelasan-nya.

Sa-lain dari itu, Tuan Pengerusi, saya tengok satu perkara yang memeranjatkan saya dalam peruntukan tahun ini ia-lah peruntukan tata-ra'ayat yang pada tahun lepas di-beri sa-banyak \$174,000 lebih, tahun ini di-turunkan kepada \$28,000 sahaja. Padahal saya rasa pelajaran tata-ra'ayat ada-lah suatu perkara yang sangat mustahak terutma di-masa ini. . . .

Tuan Pengerusi: Muka berapa?

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Muka 434, Pechahan-kepala 3, tahun lepas berjumlah \$174,150 tetapi tahun ini hanya \$28,000 sahaja. Kalau kurang sedikit \$50,000-kah, \$30,000 pun menasabah, tetapi turun \$150,000 lebih. Padahal tahun ini-lah tahun yang segala jenis anasir sabersif, segala Parti² Pembangkang yang dendam sangat yang tidak puas hati melancarkan kempen² mereka yang bukan² merachun fikiran ra'ayat; pada tahun ini-lah patut-nya peruntukan bagi tata-ra'ayat ini di-lebihkan supaya dapat di-hilangkan dan di-hapuskan segala rachun² yang akan di-tanam oleh ahli² politik yang tidak bertanggungjawab dalam negeri ini, tetapi sabalek-nya dengan sangat terperanjat saya melihat bahawa peruntukan diturunkan kepada \$28,000 sahaja.

Saya merasa ini suatu langkah yang akan merugikan kita dalam tahun ini dan kalau boleh di-buat pertimbangan sa-mula oleh pihak Kementerian ini dengan pihak Perbendaharaan supaya dapat di-tambah peruntukan ini bagi memenuhi keperluan negara kita dalam sa-panjang tahun 1968, tahun yang penting bagi masa depan negara kita ini.

Saya juga menengok pada tahun ini peruntukan Pengangkutan Kementerian ini pun berkurangan juga sedikit dan saya rasa sa-patut-nya perbelanjaan pengangkutan ini pun di-tambah, kerana memang-lah kerja² yang akan di-hadapi oleh Jabatan Penerangan pada tahun ini bertambah banyak dan berlipat-ganda daripada tahun² yang lepas.

Tuan Pengerusi, saya suka beredar pada akhir-nya kepada langkah yang di-jalankan oleh Kementerian ini bagi memperhebatkan kempen menangkap tuan² punya radio dan talivishen yang tidak ada lesen dan saya rasa langkah yang di-jalankan oleh Kementerian ini, langkah yang sangat berjaya, yang patut di-puji sa-hingga dapat tambahan hasil baharu lebih daripada \$1 million. Tetapi saya suka menhadangkan supaya di-jalankan langkah² yang lebih berkesan bagi menentukan tiap² tuan punya peti radio dan talivishen

mempunyai lesen sa-rentak dengan masa mereka membeli. Maka saya suka menhadangkan supaya di-ambil langkah bahawa tiap² orang yang membeli radio dan talivishen hendak-lah mengambil lesen terlebih dahulu sabagaimana orang yang hendak membeli pistol atau senapang, maka dengan demikian tidak ada lagi orang dapat lari daripada mempunyai lesen bagi tiap² peti talivishen atau peti radio yang di-punyai-nya. Jadi pihak Kerajaan atau Kementerian ini hendak-lah mengadakan kerjasama yang rapat dengan penjual² radio dan talivishen ia-itu dengan meminta mereka membuat return tiap² bulan mengenai senarai nama² orang yang membeli talivishen atau radio dari kedai mereka masing².

Pada akhir-nya, Tuan Pengerusi, saya suka hendak berchakap sedikit tentang Minggu Perpaduan yang nampak-nya menjadi tugas kepada Menteri dan Kementerian Penerangan ini sa-tiap tahun. Saya ingin menhadangkan bahawa kejayaan yang baik yang di-chapai itu di-tambah dengan usaha² lain lagi supaya bertambah² besar kejayaan yang di-chapai oleh Minggu Perpaduan ini pada tiap² tahun. Kita harus mengakui bahawa perpaduan kaum yang kita kehendaki belum lagi ujud sa-penoh-nya. Kalau sudah ujud sa-penoh-nya tentu tidak perlu di-adakan kempen perpaduan lagi. Maka ada baik-nya supaya hal ini di-berikan perhatian yang berat dan di-tentukan untuk mendapat kesan yang betul² berkesan. Maka satu secretariat khas perlu di-bentok, bagi menjalankan dan mengawasi segala kerja² yang mendorongkan ra'ayat bersatu dan berpadu. Tidak-lah ada erti-nya kalau kerja² ini di-lakukan sa-bulan sa-belum minggu itu dan sa-bulan sa-sudah minggu itu dan kemudian-nya semangat bersatu dan berpadu itu hilang lenyap sementara, hingga datang tahun baharu dan datang Minggu Perpaduan yang baharu. Dengan tidak ada penyeliaan yang tetap daripada satu bahagian yang khas yang di-bentok kerana ini, saya merasa bahawa faedah yang lebih besar daripada Minggu Perpaduan itu tidak dapat di-chapai. Saya juga hendak memberi pandangan sedikit atas usaha

baik yang di-jalankan pada tahun ini yang memestikan tiap² pegawai Kerajaan, sekolah² dan pejabat² menyanyikan Lagu Negara-Ku sa-tiap pagi, dan sa-panjang masa Minggu Perpaduan di-jalankan. Saya sendiri sempat menghadiri salah satu daripada hari Minggu Perpaduan ini, turut bersama² berkumpul dengan pegawai² di-sabua pejabat, dan saya dapati bahawa pembesar suara di-sambong dengan radio yang menyanyikan lagu Negara-ku itu, dan di-buka dengan sa-kuat²-nya supaya orang mengikut, tetapi saya nampak sa-bahagian besar daripada pegawai² itu hanya mengkumitkan bibir-nya sahaja, kerana radio sudah chukup kuat dengan lagu Negara-ku itu. Jadi sampai sekarang saya rasa kalau sa-tengah² pegawai daripada kakitangan Kerajaan ini di-suruh mereka menyanyikan lagu Negara-ku atau menyebutkan seni kata-nya pun, mereka maseh tidak ingat, kerana mereka tidak sungoh² bernyanyi pada tiap² pagi yang di-langsungkan upacara menaikkan bendera menyanyikan lagu Kebangsaan itu. Saya rasa perkara ini harus ditinjau sa-mula pada tahun hadapan ini supaya tiap² kakitangan Kerajaan dan kanak² sekolah yang menyanyikan lagu ini betul² menyanyikan lagu itu, tidak hanya mengkumitkan² bibir-nya asal jangan tidak sahaja.

Dato' Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar (Sabak Bernam): Dato' Pengerusi, saya bersama² menyokong peruntukan Kementerian Penerangan yang sedang di-bentangkan di-hadapan kita pada petang ini, ya'ani berjumlah \$36,452,386. Di-samping ini juga saya suka-lah menyampaikan puji-pujian kepada Kementerian ini, dan dalam masa beliau membentangkan Anggaran Kementerian-nya tadi banyak-lah rancangan yang akan di-jalankan dan ini ada-lah menunjukkan betapa besar-nya hasrat Kementerian ini untuk bergerak lebih maju dan lebih chergas lagi daripada masa² yang lalu. Jadi oleh kerana Kementerian ini bukan sahaja mempunyai tanggung-jawab untuk menyampaikan penerangan untuk memperhubungkan di-antara ra'ayat dengan Kerajaan, tetapi juga saya berpendapat bahawa Kementerian ini mempunyai

tanggung-jawab untuk memberi gambaran negara kita ini kepada negara² luar. Jadi, oleh kerana itu saya suka-lah menyentoh kepada muka 401, ia-itu berkenaan Jabatan Filem Negara.

Kita telah pun lama mempunyai Filem Negara yang di-bangunkan dengan bagitu indah di-Petaling Jaya, tetapi saya belum nampak lagi bahawa Filem Negara ini dapat membuat satu filem yang mengandongi sejarah² negara kita, oleh kerana negara kita ini sa-buah negara yang baharu, negara yang muda dan negara yang banyak mempunyai sahabat di-dalam dunia ini, saya rasa sangat-lah mustahak kalau boleh Kementerian ini dapat membuat satu filem yang mengandongi sejarah negara, ia-itu daripada mula keagongan Kerajaan Melayu Melaka dahulu kepada bagaimana pula Portugis dapat menyerang dan memerintah Melaka, British datang menjajah negara ini dan kedatangan Kerajaan Jepun dan keganasan komunis dalam negara ini, dan bagitu juga Parti Perikatan dengan Raja² Melayu memohon kemerdekaan, dan bagaimana indah-nya Yang Teramat Mulia Tunku mengishtiharkan kemerdekaan di-Stadium Merdeka sana; dan bagitu juga sa-terus-nya perjalanan pilihanraya² yang telah kita jalankan sa-lama ini dan jangan lupa pula di-samping itu dapat menggambarkan betapa terok-nya Parti Pembangkang telah kalah dalam pilihanraya². Filem² yang sa-rupa ini, kalau dapat kita gambarkan, bukan sahaja dapat kita simpan untuk pengetahuan anak chuchu kita di-masa yang akan datang, tetapi boleh kita bekalkan kepada seranta di-luar negeri untuk memberi gambaran lebeh dekat kepada orang² di-luar negeri supaya mereka itu mengetahui yang sa-benar²-nya keadaan sejarah negara Malaysia ini, daripada mula sa-belum merdeka hingga mencapai kemerdekaan, hingga kita menjalankan Rancangan² Raksaksa Pembangunan Negara. Jadi, ini saya rasa sangat memberi faedah yang besar, kerana di-dalam masa kita maju, di-dalam masa kita menjalankan pembangunan raksaksa ini banyak juga di-antara ra'ayat negeri ini yang suka menyampaikan gambaran² yang salah kepada negara² luar, ada yang me-

nyatakan bahawa Kerajaan Malaysia ini ada-lah Kerajaan Melayu, ada yang mengatakan bahawa Kerajaan Malaysia ini Kerajaan yang di-tekan oleh Polis, pilihanraya yang di-jalankan di-sini ada-lah dengan desakan dan Kerajaan Perikatan menggunakan semua alat² Kerajaan untuk menekan parti² lawan; ini ada-lah merupakan satu perkara yang patut di-nafikan oleh ada-nya filem sejarah negara yang patut di-buat oleh Kementerian Penerangan dan Penyiaran ini, dan kalau perlu filem yang sa-rupa ini dapat kita simpan di-Pertubuhan Bangsa² Bersatu di-sana untuk pengetahuan mereka itu dan sa-lain daripada itu juga kepada pelanchong² yang akan menjalankan lawatan di-dalam negara kita, sa-belum mereka itu menjalankan lawatan di-seluruh pelusok negeri kita, kita patut tayangkan lebeh dahulu filem² yang mengandongi sejarah yang sa-rupa ini supaya mereka itu mengetahui yang sa-benar-nya keadaan negara ini sa-belum mereka itu dapat menyaksikan dengan mata kepala-nya sendiri.

Dato' Pengerusi, sa-lain daripada itu, saya hendak bawa kepada satu Kepala lagi ia-itu kepala Perkhidmatan Filem dalam talivishen. Di-sini saya sa-kali lagi menyampaikan pujian kepada Kementerian ini, kerana telah dapat membuat satu dua cherita² pendek yang dapat di-tayangkan di-dalam talivishen yang selalu kita dapat tengok, ini menunjokan satu daya usaha Kementerian ini chuba membuat sendiri cherita² pendek untuk mengisi kekosongan² cherita² Melayu di-dalam talivishen. Tetapi yang menyedehkan sedikit mutu cherita yang di-buat di-dalam talivishen itu ada-lah sangat² rendah. Pernah saya tengok satu chon-toh ia-itu satu cherita pendek yang bertajok "Che' Minah Sayang". Ini cherita "Che' Minah Sayang", Tuan Pengerusi, saya rasa sangat tidak sesuai dengan negara kita pada masa ini. Kita sedang membangun, kita sedang pesat maju ka-hadapan, tetapi kita maseh tinggal lagi dengan cherita "Che' Minah Sayang" ia-itu sa-orang pemuda yang chuba menchari jalan untuk membawa sa-orang gadis bagi menuntun wayang; pemuda itu tidak mempunyai pekerjaan dan mengaku menjadi orang kaya.

Ini, saya rasa tidak begitu sesuai kita tayangkan pada masa ini, kerana tujuan daripada alat negara yang ada pada masa ini bukan kita membawa kepada pemikiran ra'ayat pergi mundor ka-belakang, tetapi apa yang kita kehendaki ia-lah membawa pada pemikiran ra'ayat lebeh maju dan lebeh progressive lagi. Ini-lah saya harap Yang Berhormat Menteri supaya chuba mengubah dari satu masa ka-satu masa di-atas kemajuan dan pertunjukan² yang di-fikirkan akan dapat memberi kesan dan faedah kepada negara ini. Saya rasa itu-lah serba ringkas, Tuan Pengerusi, terima kaseh.

Tuan Ramli bin Omar (Krian Darat): Tuan Pengerusi, saya ingin juga turut serta dalam membahathkan peruntukan bagi Kementerian Penerangan dan Penyiaran ini. Saya hanya hendak berchakap dalam muka surat 405, Pechahan-kepala 9 sahaja.

Sa-benar-nya kalau hendak saya bahathkan berhubung dengan Kementerian ini, Tuan Pengerusi, memang-lah banyak juga, tetapi oleh memandangkan banyak rakan² saya yang akan turut sama berchakap dalam Kementerian ini, maka saya akan menyentoh tentang mana² yang saya fikir yang paling sesuai untuk di-bahathkan didalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi, saya tidak berlengah lagi berchakap pada muka surat 405, Pechahan-kepala 9 ia-itu Rakaman dan Kelengkapan Filem khas-nya dalam Bahagian Talivishen.

Tuan Pengerusi, di-satengah² negara yang maju talivishen ini ada-lah merupakan suatu alat yang dapat menyalorkan beberapa kebaikan kepada ra'ayat guna menuju ka-arrah kesempurnaan hidup yang lebeh dynamic dan progressive. Tetapi apa yang terjadi di-Jabatan Talivishen kita ada-lah bertentangan dengan tujuan yang sa-patut-nya, namun begitu saya tidak-lah juga dapat menafikan bahawa sa-tengah² ranchangan talivishen kita itu boleh di-banggakan, tetapi kebaikan yang di-temui itu tidak dapat memadamkan beberapa kekerohan yang terdapat pada sa-bahagian besar Ranchangan² Talivishen yang di-tayangkan

kapada masharakat kita di-Malaysia ini.

Tuan Pengerusi, tentu-nya kita semua faham bahawa kita di-dalam Malaysia ini terdiri dari berbagai² gulongan dan keturunan, maka dengan kerana itu sudah sa-wajar-nya-lah kita menyediakan ranchangan² itu sesuai dengan selera tiap² kaum dan bangsa dalam Malaysia ini.

Malang-nya, Tuan Pengerusi, didalam menuju ka-arrah maksud ini, nampak-nya pihak Jabatan Talivishen telah dapat menyampaikan kehendak² bangsa² lain di-dalam tanah ayer kita ini, tetapi untuk bangsa Melayu boleh di-katakan kechewa langsung untuk menikmati satu² ranchangan yang boleh di-katakan sesuai dengan kehendak rohani dan jasmani mereka. Saya tidak mengerti ini, Tuan Pengerusi, apa-kah ini di-lakukan untuk satu² tujuan tertentu, atau pun bagaimana.

Sa-bagai sa-orang yang memandang jauh untuk kesempurnaan masharakat dan penduduk² di-dalam negara ini, saya sungguh merasakan sa-suatu yang belum pernah saya rasakan bila saya menyaksikan tayangan² di-layar Talivishen Malaysia. Umpama-nya tayangan filem² yang berchorak ka-Malaysian bukan sahaja berkurangan malah filem² yang di-impot dari barat yang kerap di-tayangkan oleh pihak Talivishen Malaysia itu kerap kali membawakan sa-suatu yang tidak begitu sesuai bagi masharakat di-dalam negara kita ini apa lagi kalau filem² itu di-tuntun oleh kanak² yang maseh mentah, yang belum dapat membedzakan sa-suatu yang baik dan sa-balek-nya.

Penayangan² filem saperti yang berchorak pembunohan, keganasan kedzaliman, penipuan ada-lah di-khuatirkan di-suatu masa kelak jenerasi² kita yang akan datang akan terpengaruh dengan keadaan² yang tidak di-ingini itu. Filem itu sa-benar-nya memang baik mempunyai beberapa perbandingan dan persendirian, tetapi bagi kanak² yang maseh mentah tidak dapat menangkap tujuan maksud cerita itu, hanya pandai terikut² dengan kejahatan² yang pernah di-lihat-nya itu, tetapi segala sendiran dan pembenaan yang terdapat

di-dalam filem tersebut tidak di-hiraukan-nya sama sa-kali.

Saya bimbang, Tuan Pengerusi, kalau chara² yang demikian terus di-lakukan oleh pehak Talivishen Malaysia, maka suatu problem akan terpachak di-hadapan kita kelak di-mana anak² muda, atau jenerasi² muda yang pernah menuntun talivishen itu lebeh kenal dengan nama² hero² saperti dalam filem U.N.C.L.E., The Saint, The Fugitive, daripada mengenal pejuang² atau patriot² negara kita yang lebeh banyak berjasa, atau berjaya kapada negara ini dapat hero² tersebut.

Pernah saya di-fahamkan bahawa oleh sebab banyak-nya filem² barat itu di-tayangkan ada-lah di-sebabkan sewanya lebeh murah daripada sa-tengah² filem Melayu dan sa-bagai-nya. Kebenaran ini dapat kita terima, Tuan Pengerusi, tetapi di-samping itu hendaklah juga kita fikirkan bahawa demi untuk menjimatkan wang, kita tidak sa-harus-nya membiarkan masharakat di-dalam negara ini khayal dengan cherita² yang saya sebutkan tadi. Akibat-nya bukan sahaja kita tidak mempunyai pemuda-pemudi yang berjiwa kebangsaan malah masa hadapan masharakat kita akan kuchar kachir di-sebabkan hal yang sa-demikian.

Sa-perkara yang perlu di-ambil perhatian oleh Kementerian ini, Tuan Pengerusi, ia-lah berhubung dengan penayangan² cherita² bangsawan yang pernah di-tayangkan oleh Talivishen Malaysia sa-minggu sa-kali. Saya bukan-nya menentang penayangan cherita² yang bagini, tetapi dalam kita berada di-zaman kemajuan ini, kita hendaklah lebeh banyak menumpukan cherita² bangsawan atau drama² moden yang berchorak sesuai dengan zaman yang mana kita berada sekarang.

Kita rasa saya tidak perlu membawa masharakat kita berkhyal² dengan cherita² bangsawan saperti Lela Manja dan juga drama² jenaka yang tidak mempunyai apa² perbandingan dan pengajaran, melainkan kerosakan dan kehanchoran.

Ada-lah menjadi harapan saya agar pehak Kementerian ini akan mengambil perhatian yang lebeh tegas ter-

hadap pandangan saya ini. Walau pun beberapa penyentohan telah saya buat, tetapi pada hakikat-nya, Tuan Pengerusi, saya ada-lah menyekong penoh peruntokan yang di-kehendaki oleh Kementerian ini. Terima kaseh.

Dato' Abdullah bin Abdulrahman (Kuala Trengganu Selatan): Tuan Pengerusi, B. 39 saya perhati bukan sahaja warta berita bahasa Inggeris di-utamakan daripada warta berita Bahasa Kebangsaan bahkan juga laporan Dewan Ra'ayat di-beri keutamaan di-dalam bahasa Inggeris daripada Bahasa Kebangsaan. Mithal-nya, pada masa sekarang laporan Dewan Ra'ayat di-dalam bahasa Inggeris ia-lah pukul 9.45 malam, dan yang berbahasa kebangsaan ia-lah pada pukul 10.15 malam. Saya rasa ini patut-lah di-tukar, dan Bahasa Kebangsaan di-beri keutamaan. Ini sangat-lah mustahak, Tuan Pengerusi, sa-kira-nya Bahasa Kebangsaan hendak di-letakkan di-tempat yang sa-wajar di-mata umum.

Saya beraleh kapada B. 41, saya telah melawat beberapa buah negeri di-dalam dunia ini dan saya nampak maseh banyak lagi orang² di-luar negeri yang jahil tentang pembangunan dan kemajuan yang ada di-Malaysia ini. Saya sunggoh berharap Kementerian ini akan mengeluarkan lebeh banyak lagi risalah² untok di-edarkan kapada orang² di-negeri² asing melalui Kedutaan² kita. Saya perchaya dengan jalan ini, kita dapat mengharumkan lebeh lagi nama baik negara kita sa-lain daripada menambah lagi kemajuan kita di-lapangan pelajaran dan lain².

Pada akhir-nya, Tuan Pengerusi, saya juga sokong kuat dengan pendapat saudara saya Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara tentang target date atau pun ketentuan tarikh untok pemberita² atau pun penyunting² berita daripada radio dan talivishen mengetahui dengan sachukup-nya Bahasa Kebangsaan supaya mereka dapat menjalankan tugas dengan lebeh sempurna dengan tidak sa-mata² bertumpu kapada pertolongan pekerja² daripada orang² Melayu.

Akhir-nya, berkenaan dengan B. 40. Saya berharap kapada Kementerian

ini mengadakan kemudahan talivishen dengan sa-berapa segera di-negeri Trengganu.

Tuan Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Pengerusi, saya juga bangun sa-bagaimana yang di-buat oleh rakan² saya dahulu daripada ini ia-itu menyokong perbelanjaan yang diminta oleh Menteri yang berkenaan ini.

Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap dalam perkara yang telah di-chakapkan oleh Menteri Penerangan dan Penyiaran tadi berhubung dengan pembukaan bangunan baharu yang akan di-buka pagi esok, ia-itu satu bangunan untuk kegunaan Kementerian ini. Apa yang saya hendak bangkitkan yang patut-lah Yang Berhormat Menteri ini mengambil perhatian atas satu tegoran yang di-buat dalam akhbar pada hari ini berhubung dengan ada menggunakan perkataan Inggeris. Jadi, perkara ini kita baharu hendak buka orang sudah tegor. Kita hendak mengutamakan Bahasa Kebangsaan, tetapi bahasa Inggeris sudah di-tunjukkan pada bangunan kita *Angkasapuri* itu. Nama-nya bukan main baik, Tuan Pengerusi, nama asli betul, tetapi timbul pula perkataan Inggeris telah menjulang di-Angkasapuri bangunan itu. Saya harap Yang Berhormat Menteri akan dapat mengambil perhatian diadakan dalam Bahasa Kebangsaan.

Kemudian, Tuan Pengerusi, berhubung dengan Siaran Radio. Saya mengharapakan Kementerian ini supaya mengadakan Siaran Daerah di-Selatan Malaysia di-negeri Johor. Saya fikir sangat penting, Tuan Pengerusi, sa-kurang² sa-lain daripada negeri Johor boleh meliputi negeri Melaka. Kita ada mempunyai sempadan dengan negara jiran kita, kadang² sa-kali sa-kala siaran daripada negeri jiran kita itu membuat satu pandangan yang berlawanan dengan kehendak² kita. Jadi dengan ada-nya Siaran Daerah di-ujudkan di-Selatan Malaysia di-Johor Baharu itu akan memberi faedah kepada Kerajaan kita dan akan memberi faedah kepada Kementerian.

Kemudian saya menyentoh kutipan hasil negara, saya sangat bangga, ia-itu telah dapat menghasilkan \$13 juta sa-tahun, dan usaha ini juga saya

bersama dengan rakan saya Ahli dari Kuala Trengganu Utara yang memberi pujian kepada pegawai² yang bertugas dalam Jabatan ini. Apa yang saya harapkan pada masa yang akan datang, sebab kita lihat banyak juga manusia² yang liar yang mereka tidak mahu, atau melarikan diri daripada membayar chukai radio dan talivishen. Manusia² ini kadang kala-nya, Tuan Pengerusi, bukan-nya datang daripada orang² susah, tetapi orang senang. Saya harap dengan ketegasan Jabatan ini supaya di-seret mereka ini ka-mah-kamah; perkara itu akan menjadi satu ajaran kepada orang² yang merengankan pembayaran chukai radio dan talivishen.

Satu perkara lagi, Tuan Pengerusi, berhubung dengan muka 434—Pelajaran Tata-Ra'ayat. Ini juga telah di-chakapkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara tadi saya juga sama menyekali peruntukan ini dikurangkan, padahal ini sangat mustahak, Tuan Pengerusi. Kita hendak berikan semangat kepada ra'ayat luar bandar. Dengan ada-nya Pelajaran Tata-Ra'ayat yang di-berikan kepada ra'ayat, Jabatan Penerangan ini boleh memanggil Jawatan-kuasa Kemajuan Kampong memberi semangat mereka itu, ia-itu pada semangat pembangunan, tetapi dengan tidak ada wang macham mana mereka hendak panggil ahli²-nya.

Lagi satu dalam Jabatan Penerangan ini, saya nampak, Tuan Pengerusi, supaya Jawatan-kuasa Muhibbah itu di-letakkan di-bawah Jabatan Penerangan, sebab muhibbah ini satu perkara yang sangat penting dalam negara kita ini, Tuan Pengerusi. Jangan bila mana ada huru-hara, ada gelora, baharu kita hendak tubuhkan Jawatan-kuasa Muhibbah. Jawatan-kuasa Muhibbah ini supaya kita kekalkan, kita hidupan di-bawah jagaan dan peliharaan Kementerian ini. Dengan itu dapat-lah kita membentok ra'ayat negeri ini dengan keadaan hidup-nya yang harmony dengan masa yang panjang. Kalau ada satu perkara yang menyentoh perhubungan antara kaum, maka Jawatan-kuasa Muhibbah di-bawah Jabatan Penerangan akan dapat memanggil pegawai² di-tiap² daerah.

Saya fikir sangat penting Jawatan-kuasa Muhibbah ini di-letakkan di-bawah Jabatan Penerangan.

Satu perkara lagi, Tuan Pengerusi, saya nampak kita telah mengadakan hubungan perjanjian dengan Kerajaan Indonesia berhubung dengan kebudayaan. Saya harap, kalau boleh Kementerian ini bertukar² pegawai² radio dan talivishen di-antara jabatan² yang penting antara Indonesia dengan Malaysia, sebab daripada sini dapat-lah terlaksana perhubungan rapat yang benar².

Tuan Pengerusi: Kalau Ahli hendak berchakap berdua sahaja, di-luar daripada masa Parlimen boleh—kalau hendak berchakap antara dua orang sahaja. Jadi, di-arahkan perchakapan itu kepada saya-lah.

Tuan Ahmad bin Arshad: Terima kaseh. Saya tertarek, saya berchakap dia memerhatikan saya, jadi antara dua mata berpandangan sudah terlekat, Tuan Pengerusi, terlupa kepada Tuan Pengerusi (*Ketawa*). Maksud saya dapat-lah kita mengisikan tujuan² yang kita mengadakan Perjanjian Persahabatan dengan Kerajaan Indonesia itu. Kita boleh tambah lagi, Tuan Pengerusi, dengan pertukaran filem² daripada Indonesia boleh kita muatkan kepada talivishen kita, sa-bagaimana yang di-suarakan oleh rakan sa-jawat saya tadi kita boleh masukkan filem² itu bagi tayangan talivishen kita. Tidak-lah kita muatkan talivishen kita filem² yang datang dari Amerika, filem² yang datang dari barat. Saya suka juga ada filem yang datang dari Republik Arab Bersatu (Masir) dapat-lah orang² Malaysia ini mengukor macham mana kedudukan filem antara filem Malaysia dengan filem Masir. Kita tengok filem Masir itu ada lebeh kurang dengan filem barat, Tuan Pengerusi, pada sa-tengah² babak itu. Jadi, saya harap filem dari Indonesia itu dapat kita bawa supaya di-tayangkan di-talivishen kita, dan termasuk-lah filem² Jepun.

Lagi satu, Dato' Pengerusi, di-radio ini saya fikir, menurut hemat saya, supaya di-adakan satu Ranchangan Keluarga atas Ruangan Siaran Perniagaan. Sa-saorang keluarga yang hilang itu, kita siarkan dalam radio dengan di-

bayar oleh keluarga itu. Kadang² orang itu hilang anak, hilang isteri, hilang suami di-siarkan dalam surat akhbar, Kalau di-siarkan dalam radio, lekas orang ini boleh kembali, keluarga itu kena membayar kepada Jabatan Radio. Ini, Siaran Keluarga nama-nya, atau pun sa-saorang mati yang mengejut yang mustahak dia balek, boleh kita siarkan, sama ada melalui Radio Pusat atau pun Radio Daerah.

Pada akhir-nya, Dato' Pengerusi, tadi Yang Berhormat Menteri telah mengatakan satu perubahan dalam Filem Negara yang akan menerbitkan lapangan Penerbitan Filem² Wayang. Ini satu perkara yang sangat baik dan membolehkan Filem Negara ini membuat satu Perbadanan Filem Malaysia, dengan menjual saham-nya sa-banyak 50% bagaimana yang saya tahu kepada orang ramai. Ini satu usaha yang kena pada tempat-nya. Kalau tidak perbelanjaan \$5 juta itu kerana Filem Negara ini, hanya dapat Filem Penerangan sahaja, kerana dengan di-jadikan Perbadanan ini menurut dasar-nya akan mengeluarkan filem yang berchorak bagaimana yang di-katakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Usaha ini di-sambut baik oleh seniman dan seniwati kita yang mutu filem kita dan pasaran-nya dalam satu keadaan yang kementerian. Faedah-nya sangat besar, kerana akan melahirkan kebudayaan dan kesenian Malaysia yang tulin. Apa perkara yang saya harap pada masa yang akan datang dalam Perbadanan ini supaya filem² itu di-buat menurut peredaran masa. Jangan kita mengikut keadaan kaku di-Malaysia. Kalau filem² di-India dia boleh membuat satu² filem yang tidak boleh di-ambil filem itu di-India umpama-nya babak berchium tetapi di-ambil gambar itu di-luar negeri. Jadi, kalau filem kita di-Malaysia ini hendak menjadi satu tarekan daripada dunia luar, hendak jadikan Filem Antara Bangsa, hal² masaalah ini juga patut kita ikut. Kalau tidak filem kita juga tidak maju.

Saya fikir itu sahaja-lah, Dato' Pengerusi. Dengan ini saya menyokong penoh atas permintaan yang di-buat oleh Yang Berhormat Menteri itu. Terima kaseh.

Tuan Abdul Karim bin Abu (Melaka Selatan): Dato' Pengerusi, saya menyokong peruntukan Kementerian Penerangan dan Penyiaran, wang yang sa-banyak \$36,452,386 ini. Rasa saya tidak-lah rasa keterlaluan, patut-lah Dewan ini memberi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan kakitangan² Kementerian ini berhubung dengan kemajuan² yang telah di-chapai semenjak Kementerian ini di-jalankan. Dalam pada itu, tegoran² tentu-lah ada sedikit sa-banyak. Ini untuk membena daripada baik kepada lebih baik lagi.

Dato' Pengerusi, berhubung dengan Penerangan ini, rasa saya Pegawai² Rendah-lah yang mengambil bahagian yang penoh bagi menjalankan tugas bagi menjayakan di-Kementerian ini. Saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri supaya mendapatkan pertimbangan Pegawai² Rendah supaya dapat gaji yang baik, kerana saya tahu umpama-nya dalam Negeri Melaka didalam Daerah ada sa-orang yang menjadi driver dia juga yang menayangkan wayang gambar dan bermacam² kerja lagi yang dia buat. Jadi, ini saya harap mendapat perhatian daripada Yang Berhormat Menteri.

Sa-lain daripada itu, apa yang diterangkan oleh sahabat saya tadi, harapan Yang Berhormat Menteri hendak mengadakan Lapangan Filem Wayang. Saya berharap tidak-lah Yang Berhormat Menteri dapat melupakan kepada seniman dan seniwati daripada Singapura yang telah di-berhentikan oleh majikan-nya supaya mereka dapat mengambil bahagian berkerja di-tanah ayer kita.

Dato' Pengerusi, saya hanya berchakap sedikit berhubung dengan muka 434, Pechahan-kepala 11—Penggantian Kereta Motor. Saya sama² hadir didalam satu majlis perayaan yang dibuat di-Bangunan Parlimen ini tempoh hari, kerosakan alat² pembesar suara berlaku. Jadi, ini di-harapkan supaya dapat bagi pehak yang bertanggung-jawab, kalau-lah Majlis yang bagini besar kita dapat sediakan alat yang lebih baik, kalau rosak satu, ada lagi satu.

Juga di-daerah saya kereta wayang gambar ini chuma ada sa-buah. Sa-

buah kereta ini dia menjelajah seluroh Daerah Jasin, tiap² kampung chuma boleh dapat tengok wayang gambar dalam masa tiga bulan sa-kali. Maksud saya, biar-lah Jabatan ini dapat memperbanyakkan kereta² wayang gambar dengan kita mengurangkan penerbitan², siaran² terutama sa-kali dalam siaran bahasa Inggeris yang di-hantarkan ka-kampung², kerana saya ada pergi di-salah sa-buah pejabat menimbun² surat siaran ini di-simpan sahaja. Jadi, ini menjadikan kerugian kepada Kementerian ini, kalau kita banyakkkan siaran² yang tidak dapat di-bacha oleh ra'ayat di-luar² bandar.

Akhir-nya saya berchakap pada muka surat 435, Pechahan-kepala 18—Charum kepada BERNAMA Dato' Pengerusi, saya ingin-lah tahu daripada Yang Berhormat Menteri sa-takat mana-kah kemajuan yang telah di-chapai oleh BERNAMA ini semenjak ia di-tubuhkan dan sudah-kaun puas hati Yang Berhormat Menteri atas kemajuan² yang telah di-jalankan oleh BERNAMA ini. Saya maseh lagi ragu², kerana BERNAMA ini ada dengan Pengurus Besar-nya, Setia-usaha Besar-nya, tetapi Pengerusi-nya pula ada juga dengan di-beri elaun yang lumaian. Tidak silap saya dekat \$2,000 atau lebih. Jadi maksud saya, Tuan Pengerusi, kalau kita telah mengadakan BERNAMA ini dengan perbelanjaan yang bagini banyak dan kita beri bayaran yang sa-bagitu banyak, sudah-kaun BERNAMA ini dapat menghebahkan berita² yang sa-benar²-nya bertanggung-jawab keluar negeri dan dengan kedudukan gaji-nya bagitu besar, ada-kaun kaki-tangan BERNAMA ini puas hati di-atas apa yang saya sebutkan.

Saya memandang Pengerusi Tabong Haji chuma di-beri elaun sa-banyak \$500 sa-bulan, pada hal tugas Pengerusi Tabong Haji itu lebih berat, lebih banyak perhubungan dengan kewangan.

Jadi dengan ini saya berharap pada Yang Berhormat Menteri dapat menimbangkan pada menjayakan BERNAMA ini dengan memikirkan kewangan yang telah di-beri bagitu banyak supaya BERNAMA ini betul² memberikan pandangan yang berguna

dan berfaedah kepada mata dunia. Terima kasih.

Tuan C. V. Devan Nair (Bungsar): (dengan izin) Mr Chairman, Sir, I refer to Head B. 41, page 434, where under Sub-head 7 (3) there is provision for *Warta Malaysia* to the tune of \$700,000 for 1968. I do not see any provision for 1967. Perhaps that is because *Warta Malaysia* was known as *Suara Malaysia* or something like that. Anyway, that expenditure has been hidden somewhere. But what I am really interested in, Mr Chairman, is this: the printing of the English and the Rumi editions of the *Suara Malaysia*, later named *Jaya Malaysia* and subsequently changed again, as it is now, to *Warta Malaysia*.

Sir, I shall make some critical observations on this and describe the matter as scandalous, but I shall not, of course, cast any aspersions on the person of the Honourable Minister himself. I am going to submit that this is a brazen example, not only of wanton waste of public funds, but of self-enrichment at the taxpayer's expense, and here, I would also submit is a case which the Anti-Corruption Agency might well investigate.

I will deal first of all with the year 1966. Tender notice for the printing of the English and the Rumi editions, treated as one printing contract for the year 1966, was at first made known to a select number of five printers in December 1965. After complaints by other printers the tender was *gazetted* and made open to all printers. Seven printers submitted tenders—in ascending order of lowest quotations they are:

AZY Press tendered @ \$58 per thousand copy;
 Life Printers tendered @ \$65 per thousand copy;
 Standard Engravers tendered @ \$70 per thousand copy;
 Solai Press tendered @ \$77 per thousand copy;
 Lai Than Fong Press @ \$85 per thousand copy;
 Kum Printers @ \$91.50 per thousand copy; and
 Art Printers, around \$100 per thousand copy.

The printers with the lowest quotation, AZY Press, was not awarded the tender, nor was the second lowest, nor the third lowest, nor even the fourth lowest. The second highest of the seven printers was awarded the contract. We are aware, Sir, that the Department of Information was not bound to accept the lowest tender, but one would expect sound reasons for the rejection of the lowest tender, let alone four other with lower quotations, and this is surely an inexplicable departure from what ought to be the proper practice. Sir, when what this means is considered in money terms, the enormity of the financial irresponsibility and recklessness becomes abundantly clear.

Let us take, Sir, the case of the lowest quotation and that of Kum Printers' prices, which are \$58 per thousand copy and \$91.50 per thousand copy respectively. The difference is \$33.50 per thousand copy or \$1,340 for 40,000 copies—the minimum printed every issue. For one year, or 52 issues, this will come to roughly \$69,680. It must be remembered, however, Sir, that the printing order per issue is often more than 40,000. We understand that in some cases it has even reached close to 100,000 copies per issue. This would mean double the charge. Furthermore, the quotation was in respect of 8 pages per issue. But if there are 16 pages per issue, for instance, this would again involve another double charge, and this was precisely what did happen. Very often *Suara Malaysia* had 10, 12 and as much as 16 pages. Sir, taking 8 pages as equivalent to one issue, the calculation shows that there were in effect about 70 issue or, in other words, over 500 pages for the year 1966. If we average the circulation at 80,000, then the extra expenditure involved in accepting Kum Printers' tender in 1966 works out to 70 x \$1,340 x 2, which comes to \$187,000. In other words, Sir, Kum Printers, when compared to AZY Press which submitted the lowest tender made a clean rake-off of \$187,000 from printing *Suara Malaysia* in both the English and the Rumi editions. Mr

Chairman, Sir, \$187,000, as the Honourable Minister of Finance will agree is no small sum in our present set of circumstances. What I would like to know, Sir, is, is there collaboration between Kum Printers and certain person or persons in the Information Department? One can well conceive that a cut in this profit would be a sum that many months of honest salary earned by honest means would take. The answers that the nation and the taxpayers have a right to know are.

- (i) Why were the other tenders with lower prices rejected in favour of Kum Printers?
- (ii) As there is a penalty clause requiring a successful tenders to deposit \$5,000 which would be forfeited for failure to carry out the contract, why did not the Government avail itself of this clause and accept lower tenders and save the country a sum of around \$187,000?

What I have just spoken refers to 1966, and 1967 is just as enlightening.

The tender for the year 1967 was phrased in such a manner as to eliminate most printers, as it required that an applicant printer should have four printing machines. The reason behind this appears to be that the Department felt that only a printer with four machines could handle the English and the Rumi editions together. Apart from Kum Printers, only Solai Printers tendered for the contract, but although Kum Printers tendered at a higher price than Solai, Kum Printers were again awarded the contract. Kum Printers' price was \$76.25 per thousand, a reduction from the 1966 figure after they had raked a clean profit of \$187,000 while Solai's was \$56 per thousand copies. We understand, Sir, that this matter was taken up with the highest quarters in the Finance Ministry and quite rightly—congratulations to whoever was responsible—and as a result, the Information Department was overruled—quite rightly again—and the Solai Printers was given the contract to print the Rumi edition while the Kum Printers continued to print the English edition at a higher

charge. This only happened, however, after the 17th issue in 1967. We will calculate that in the first 17 weeks total pages were equivalent to 26 issues of 8 pages each. Again average at 80,000 copies, the financial damage comes to \$42,000. Now, Sir, the printing of the English and Rumi editions have always been treated as one printing contract. Hence the insistence for four printing machines for the printer who intends to tender for the contract. But in this case the English and Rumi editions were split up into two separate private assignments. It is obvious that if the English and Rumi editions had been allowed to be tendered separately, without the unreasonable condition of having four machines, more printers might have tendered and with lower prices. There seems to be a pattern in the stipulation of tender conditions and the award of tender, which is calculated to clear the way for Kum Printers to get the contract. If this is the case, the motivating factor can hardly be one which one can take pride in: the motivating factor, the suspicion arises, can only be money and a share in the profit. Equally interesting is payment to the Solai Press. The printing of the English and Rumi editions have all along been regarded as the same nature of job with the same price quotations, but when Solai was given the Rumi edition, it was at the price of \$56 per thousand copies, while the Kum Printers for publishing the English edition gets \$76.25 per thousand copies. Surely, this calls for an explanation. Why? Solai is doing the same type of printing job as Kum Printers, but is being paid a lower price. A somewhat sinister picture is built up when one retraces the manner Kum Printers became printer of the English and Rumi editions of *Suara Malaysia*. When *Suara Malaysia* was first started in 1965, Solai Press printed the first issue at \$130 per thousand copies. The second and third issues were printed by Malaya Printers at \$93.30 per thousand after the order was submitted to public tender. For reasons best known to the Information Department, the Department was dissatisfied with the Malaya Printers and removed the

printing to Lai Than Fong which printed the 4th to 8th issues. Now at this time—and this is interesting—the present proprietor of Kum Printers was the Manager of Lai Than Fong Printers. This particular person left Lai Than Fong Printers, set up his own printing press and was given the *Suara Malaysia* printing contract. This is a most irregular practice and what one would like to know is whether there has been collusion between Kum Printers and person or persons in the Information Department to have made this arrangement. We want to know:

- (i) why the printing order was removed from Lai Than Fong to Kum Printers and whether Lai Than Fong was informed of the reasons;
- (ii) the date Kum Printers was registered as printers;
- (iii) on what grounds was the *Suara Malaysia* printing order given to Kum Printers which was then a new printing firm with no experience of past printing record with the Printing Department.

We want clear and unequivocal answers. There is more than a *prima facie* case that there has been some corruption in high places in the Information Ministry with regard to the printing of the *Suara Malaysia* English and Rumi editions since the paper was started in 1965. Taking 1965, 1966 and 1967 into consideration, about \$250,000 must have gone to oil the wheels of perfidy. The Cabinet's action on this case will help to show the people and the nation as to whether the Government is genuinely dedicated in its determination to stamp out anything which smells of corruption, or whether the Government is merely interested in lip service to the need for cutting down, curbing recklessness with public funds and whether the Government does really intend to provide an anti-corruption machinery which has teeth which can bite and bite deep. Much obliged, Sir.

Tuan Pengerusi: Persidangan ini di-tempohkan sa-lama 15 minit.

Persidangan di-tempohkan pada pukul 5.20 petang.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 5.40 petang.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

WAKTU MESHUARAT DAN URUSAN YANG DI-BEBASKAN DARIPADA PERATORAN MESHUARAT (USUL)

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan:

Bahawa perjalanan Meshuarat Dalam Jawatan-kuasa Perbekalan hari ini hendak-lah di-kechualikan daripada sharat² peratoran meshuarat 12 (1) sa-hingga pukul 7.30 malam, dan apabila tamat meshuarat Majlis ini hendak-lah di-tanggohkan sa-hingga pukul 10 pagi hari Isnin, 19-2-1968.

Tuan Senu bin Abdul Rahman: Saya sokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa perjalanan Meshuarat Dalam Jawatan-kuasa Perbekalan hari ini hendak-lah di-kechualikan daripada sharat² peratoran meshuarat 12 (1) sa-hingga pukul 7.30 malam, dan apabila tamat meshuarat Majlis ini hendak-lah di-tanggohkan sa-hingga pukul 10 pagi hari Isnin, 19-2-1968.

RANG UNDANG² PERBEKALAN, 1968

(Jawatan-kuasa Perbekalan)

Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa Perbekalan.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa Perbekalan*)

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Tuan Pengerusi: Saya suka hendak mengingatkan Ahli² Yang Berhormat chuma sa-orang atau berdua sahaja boleh di-beri peluang mengshorkan apa², dan lepas itu Menteri di-jemput menjawab.

Tuan T. Mahima Singh (Port Dickson): Mr Chairman, Sir, with your permission, I will speak in English and touch on Head B. 39, sub-head 24, Programmes. As we are aware, Sir, Malaya is a multi-racial country and Radio has to put up various programmes in English, Malay, Chinese and Tamil, but the programmes are

over at 11 o'clock at night. I would like to appeal to the Ministry to consider whether it will be possible to extend the programmes up to 12 midnight, so that more time and opportunity will be given to include more programmes and thus be more helpful to various other people.

Speaking under Head B. 40, sub-head 16, Programmes for Television, we are very happy to hear this morning that the Ministry has the intention of opening up a second channel as early as possible. We hope that it would be as early as possible. Here again, the television programmes have, out of necessity to be in various languages. We can easily imagine, when the programme is being given in one language, other than the National Language, many listeners are not able to enjoy the programme or benefit by it and as such they are perhaps forced to close down their television sets. However, if we have a second channel, they would be able to enjoy the programme on the second channel. Sir, last year I made the suggestion that in television programmes there were too much of murder and romance, and I am happy to say that there has been a slight improvement in this respect and more educative and adventure films have been shown. I quite realise the difficulty of the committee of officers in charge of programmes. It is not easy to arrange a programme, if you take away excitement, where there has got to be murder and romantic programmes, but I do hope that the programmes could be improved and programmes with robberies and murders could be reduced. We do not want our young generation to have the impression that that is the way of life.

Speaking under Head B. 41, there was a suggestion, Sir, earlier, that patrons who go to the cinemas and do not show respect to the National Anthem should be penalised. I do not support this suggestion of penalising people. We cannot force people to have religion and patriotism. Religion and patriotism come from the feelings, come from the heart, and I am sure the Information Department would be able to give out the correct type of litera-

ture, and make the people feel proud of being citizens of this country, so that anybody in the cinema, who does not stand up, when the National Anthem is played, would be looked upon with contempt by other people and would be regarded as somebody not fit to mix with. He should be regarded as somebody who is not sufficiently civilised to be a member of a civilised society, and I am sure that this contempt from his fellow members of the society will act as a very strong force and make him come out and show his patriotism to the country. So, I would suggest, Sir, that rather than use force and compulsion, we would try to give the people more information and our Information Department should be able to help us in that.

Coming to our Film Unit, Sir, the Film Unit has been producing some excellent pictures which have been highly commended upon during various competitions, but I have been informed—and I am subject to correction, Sir—that the number of films being produced lately—the number, I am not saying the quality—has been a bit less. The public had expected that with new buildings, new studios, the number of films produced would be greater and I have been informed, particularly Chinese and Tamil films produced have been very much less than expected. In this, Sir, I stand corrected. We would also like to see films bringing out the historical features of Malaya as did the picture we saw lately, "Raja Bersiong", which was an excellent picture. That should be a model for Film Negara to copy. I know that they cannot afford to spend \$2 million on every picture, but I am sure that that would be a sort of milestone for our people to look upon. Thank you.

Tuan Abdul Ghani bin Ishak (Melaka Utara): Tuan Pengerusi, saya suka berchakap dalam Kementerian ini. Yang pertama Jabatan Penerangan. Sa-kali lagi saya bagi mewakili orang ramai terutama sa-kali dalam kawasan saya meminta sunggoh² pada Kementerian ini sa-suatu yang berlaku yang mengakibatkan hal² yang besar dalam negara kita ini hendak-lah daripada Kementerian ini dengan segera

memberi penerangan dengan jelas kepada penduduk² sama ada melalui apa sa-kali pun, kerana hal ini walau pun telah di-sebut, tetapi patut diingat ra'ayat boleh jadi kelamkabut, negeri kita boleh jadi huru-hara kalau tidak dapat penerangan yang jelas dalam sa-suatu perkara yang timbul di-negeri kita ini. Mithal-nya, dalam hal penurunan matawang yang lalu sahinggakan Pegawai² Penerangan Negeri tidak dapat memberi penerangan ketika saya sendiri berhubong, atau pun kawan² saya yang lain berhubong untuk menanya perkara ini biar mendapat penjelasan. Jadi sa-suatu perkara yang akan timbul pada masa akan datang, saya rasa tentu ada, sebab tiap² Negeri atau tiap² negara mesti-lah dalam satu² masa dan dalam satu² sa'at timbul juga perkara yang menjadi soal yang besar dalam negeri itu. Saya rasa patut Kementerian ini mengambil perhatian berat dan sa-lepas sahaja keputusan di-dapati, sama ada Menteri Kewangan, atau Perdana Menteri mengumumkan sa-suatu perkara, hendak-lah di-sambut dengan chepat oleh Kementerian ini dan mesti di-sampaikan keseluruh ra'ayat di-tanah ayer kita ini bagi menjaga ketenteraman, atau lain² pada ra'ayat seluruh-nya.

Saya beraleh sedikit berkenaan dengan hal B. 41, Pechahan-kepala 3—Pelajaran Tata-Ra'ayat. Perkara ini sungguh mendukachitakan kerana peruntokan pada tahun ini di-kurangkan terlampau banyak daripada \$174,150 pada tahun yang lalu, tahun ini tinggal \$28,000 sahaja. Ada-kah Kementerian akan memberi tahu Dewan ini bahawa tata-ra'ayat ini tidak berguna kepada negeri kita, atau pun pada ra'ayat seluruh-nya. Perkara ini peruntokan-nya makin lama makin kechil. Saya rasa tidak patut langkah ini di-buat. Saya harap Kementerian ini akan menyemak sa-mula dan dapat mengkaji, kerana peruntokan \$28,000 ini sangat-lah sedikit, kalau kita hendak mengadakan Pelajaran Tata-Ra'ayat dalam tahun² yang akan datang.

Tuan Pengerusi, berchakap dalam hal ini, pegawai² yang sa-tengah²-nya pula kita dapati ada yang tidak dapat

chukup pelajaran daripada Kementerian ini. Umpama-nya sa-orang pegawai di-tugaskan menjadi Pegawai Penerangan baik peringkat mana, peringkat kechil-lah, saya katakan, dilantek mereka ini kemudian dia sendiri hendak menerangkan pun tidak tahu satu perkara, tetapi dia jadi pegawai dalam Kementerian ini. Membawa orang melawat, dia sendiri pun tidak erti, tidak tahu apa yang hendak di-chakap, atau apa yang hendak diterangkan kepada orang ramai. Jadi, ini saya rasa patut tiap² tahun sa-kurang²-nya, kalau tidak ada peruntokan sa-tahun sa-kali pegawai² yang bagini hendak-lah di-lateh dan hendak-lah di-beri penerangan dengan sa-sungguh-nya dan mereka ini akan dapat berusaha dengan sa-daya upaya-nya, atau dengan daya-nya sendiri ka-tempat² yang menjadi tanggung-jawab pada beliau ini atau pun kepada mereka ini. Jadi, tidak-lah mereka ini ragu² atau pun tidak berguna dalam hal memberi penerangan kepada orang ramai.

Saya suka masuk sedikit lagi berkenaan dengan hal persurat-khabaran. Saya rasa saya pun tidak tahu mana silap-nya surat khabar yang di-terbitkan di-tanah ayer kita ini terlampau banyak memuatkan berita² Singapura. Ada-kah satu tekanan, atau macham mana chara-kah hal ini berlaku saya pun tidak tahu, dan nampak-nya perkara² yang timbul ini tidak-lah boleh kita biarkan begitu sahaja dan patut-lah di-ambil pengetahuan sedikit oleh Kementerian ini supaya surat khabar yang ada di-tanah ayer kita terutama di-Malaysia ini elok-lah menitek-beratkan banyak sungguh hal² yang ada hubungan-nya dengan negeri kita sendiri.

Pada akhir-nya, saya berchakap sedikit lagi, walau pun perkara ini di-timbulkan oleh sahabat saya ia-itu berkenaan BERNAMA. Saya menguchapkan tahniah kerana ini-lah sa-buah Sharikat Berita yang kita harap akan dapat menyuara, atau meng-gambarkan berita² yang benar berchorak kebangsaan daripada negeri kita dari satu masa ka-satu masa. Kita menguchapkan banyak² terima kaseh

pertama kepada Jawatan-kuasa Lembaga ini sa-belum lagi di-lancharkan dahulu dan kita harap juga kita akan dapat buah-nya pada bulan Mei akan datang sa-bagaimana pengistiharan yang telah sama² kita lihat dan yang sama² kita dengar, tetapi saya dukachita mendengar hal² bersangkut pentadbiran didalam hal BERNAMA ini. Saya hendak membandingkan ini peruntokan ada-kah perkara ini hendak di-jalankan terus, atau pun hendak di-kaji sa-mula. Saya mengshorkan supaya perkara ini di-kaji sa-mula, ia-itu pendapatan kepada Pengerusi Lembaga ini. Pengerusi Lembaga ini kerja-nya hanya mengurusikan meshuarat. Kalau mithal-nya banyak meshuarat dua kali-lah sa-bulan, kadang² sa-kali sahaja mithal-nya sa-bulan. Kita Ahli² Dewan Ra'ayat ini datang meshuarat \$35 sahaja elaun, tetapi kalau orang ini dia jadi Pengerusi yang akan hadir meshuarat satu bulan dapat \$2,000 sama gaji dengan Tuan Speaker kita yang bekerja penoh. Jadi, macham mana gaya-nya kita menggunakan wang negara. Jadi hal² ini patut di-semak sa-mula dan perkara ini saya rasa tentu-lah bagi pehak Menteri yang berkenaan bersetuju dengan saya, ia-itu walau pun mereka ini memberikan tugas-nya kepada kita dengan chara yang baik dan kita harap kita akan menguchapkan terima kaseh, tetapi kalau terlampau chara bagini, saya rasa tentu-lah susah. Orang lain nanti membandingkan, sa-buah Jawatan-kuasa yang di-Pengurusikan oleh si-polan dapat \$500 meshuarat-nya sa-rupa, tanggung-jawab-nya sa-rupa, ada pula bertanggung-jawab kewangan yang hendak menjaga wang umpama-nya Tabong Haji, FAMA hendak meranchang itu, dan hendak meranchang ini dan fikiran baharu yang hendak di-keluarkan dapat \$1,000 sahaja, dan berapa banyak lagi Pengerusi² barangkali tidak sampai bagini. Gaji Tuan Speaker kita pun \$2,250. Sekarang orang sa-bulan sa-kali datang meshuarat kita beri dia \$2,000. Kalau hari ini kita beri Pengerusi yang macham itu \$2,000 yang akan datang kalau hilang sa-orang mati-kah atau bersara-kah datang lagi Pengerusi baharu dia kita hendak beri \$500 tidak guna. Masa itu kita hendak beri juga

\$2,000. Jadi perkara ini hendak-lah kita tegaskan dari sekarang dan patut di-kaji sa-mula. Jadi, bagi pehak kami, kalau mithal-nya ada parti² Pembangkang yang hendak berchakap, senang juga kami berchakap, jadi kalau macham ini di-biarkan kalau kena begitu bagini, Kerajaan hendak-lah membetulkan perkara ini. Jadi, itu-lah sebab saya terus terang

Tuan Pengerusi: Naikkan gaji Pengerusi sahaja-lah.

Tuan Abdul Ghani bin Ishak: Tidak dengar, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Naikkan gaji Pengerusi sahaja-lah.

Tuan Abdul Ghani bin Ishak: Itu-lah yang saya maksudkan sekarang. Perkara ini, Tuan Pengerusi, patut-lah di-kaji sa-mula supaya jangan berlanjutan perkara² yang tidak dapat sa-imbang dengan keadaan yang sa-benar-nya.

Tuan Haji Ahmad bin Saaid (Seberang Utara): Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian sedikit sahaja ia-itu di-muka 400—Bahagian Pemereksa Lesen. Saya dengar daripada Yang Berhormat Menteri tadi bahawa pendapatan daripada lesen² radio dan talivishen bertambah dari satu masa kasatu masa maseh lagi ada beberapa kesulitan mengenai mengeluarkan lesen.

Saya ingin mengshorkan untuk membebankan, untuk membaiki lagi perkara pengeluaran lesen ini patut-lah pehak Kementerian mengadakan satu syarat, atau pun satu peratoran yang di-keluarkan kepada penjual² radio dan talivishen, ia-itu sa-siapa juga yang ingin hendak membeli radio, atau talivishen mesti-lah orang itu mengambil lesen dahulu daripada Pejabat Pos manakala mereka ini bawa lesen kepada penjual itu baharu-lah dia boleh jual radio dan talivishen kepada orang yang hendak membeli radio dan talivishen, kerana kerap kali kita dapati penjual² ini mereka hantar radio dan talivishen, mereka jual kepada orang yang membeli-nya tidak mempunyai lesen sehingga berbulan², sa-hingga bertahun². Ini ada-lah satu perkara yang dapat membaiki lagi chara² mengeluarkan lesen.

Yang kedua, Dato' Pengerusi, saya ingin mengshorkan, ia-itu Kementerian ini mengadakan chara lesen sa-bagai-mana yang di-kenakan oleh Kementerian Pengangkutan kepada kenderaan², ia-itu satu bulatan yang satu bulan warna-nya hijau, satu bulan warna-nya kuning dan sa-bagai-nya dan bulatan lesen ini di-lekatkan kepada talivishen, kalau lesen itu di-keluarkan kepada talivishen, dan kepada motokar yang ada radio di-lekatkan kepada chermin sa-belah hadapan motokar supaya dengan chara ini Pegawai² Pemeriksa manakala mereka ini masok ka-dalam sa-sabuah rumah dan manakala mereka lihat talivishen ada di-lekatkan lesen di-talivishen itu sendiri satu bulatan lesen, maka tidak payah-lah dia soal jawab kepada tuan rumah, "di-mana ada lesen?" Bapa tidak ada, bapa belum pulang ka-rumah, kena datang lagi, kerana bapa keluar dan lain² lagi dan ini akan merumitkan lagi. Bagitu juga jikalau sa-saorang itu ada radio di-motokar-nya, tetapi aerial-nya di-tekan, turun, dia berjalan, bila polis bertanya, mana lesen radio, terpaksa dia mengeluarkan daripada kocek, terpaksa dia mengeluarkan daripada beg-nya. Kalau ada kad lesen di-lekatkan di-sana daripada jauh sahaja Pegawai² Polis, atau Pegawai Pemeriksa itu dapat mengetahui motokar ini ada lesen radio-nya dan juga di-rumah² ada lesen talivishen dan juga radio. Dengan chara yang macham ini dapat menyenangkan lagi pegawai². Sekian-lah Tuan Pengerusi.

Tuan Ismail bin Idris (Pulau Pinang Selatan): Tuan Pengerusi, saya hanya ada dua perkara untuk di-kemukakan dalam Majlis ini. Tetapi sa-belum itu, saya menguchapkan berbanyak terima kaseh kepada Tuan Pengerusi kerana telah memberi peluang kepada saya untuk beruchap. Saya menyokong Anggaran perbelanjaan bagi Kementerian ini dan Kepala B. 40—Bahagian Talivishen, Programmes. Saya tertarek benar kepada programme² "Dunia di-Sana Sini" dan juga di—"Sekitar Tanah Ayer". Saya rasa masa yang di-untokkan kepada kedua² perkara ini sangatlah pendek, kerana kita dapati dengan ada-nya cherita² berkenaan di—"Sekitar Tanah Ayer", maka dapat-lah peminat²

daripada talivishen itu boleh memerhatikan bagaimana-kah perjalanan dan kedudukan di-tempat² di-dalam negara kita ini. Bagitu juga di-dalam programme "Dunia di-Sana Sini". Kita dapati masa di-untokkan itu sangat pendek, kerana di-masa yang kita menengok perkara² itu, tayangan itu, di-dalam masa kita menengok itu kadang² habis, di-tulis situ "sekian-lah" dan sa-bagai-nya. Ini nampak-nya tidak bagitu tertarek. Kita sangat² suka hendak tengok keadaan² di-luar² negeri, kepada orang² yang tidak biasa ka-luar negeri. Kepada orang yang biasa keluar negeri itu, tidak-lah menjadi hal, kerana banyak orang² kampong terutama sa-kali yang tidak pernah keluar negeri langsung, tetapi kalau mereka dapat melihat dan menengok perkara², cherita² yang berlaku di-dalam talivishen itu, maka tentu-lah mereka dapat melapangkan dan meluaskan pandangan dan pelajaran di-dalam hati mereka.

Kemudian saya beralah kepada B. 39 Pechahan-kepala 9—Belanja Rancangan, atau pun Programme Expenses yang di-untokkan \$975,000. Pada tahun sudah \$850,000. Ini saya menyokong, kerana boleh jadi dengan kelebihan peruntukan ini, maka Kementerian ini dapat menjalankan programme² luar negeri juga. Saya suka memberi satu fikiran dalam Majlis ini, ia-itu Radio biasa menyiarkan programme Uchapan Tahun Baharu, Uchapan Selamat Hari Raya, Uchapan Krismas, dan sa-bagai-nya daripada ra'ayat Malaysia yang di-luar negeri, terutama sa-kali bukan-lah di-luar negeri sangat, di-Malaysia Timor umpama-nya, Uchapan Selamat Hari Raya daripada askar², daripada keluarga² askar dan sa-bagai-nya.

Saya suka sa-kira-nya Kementerian ini boleh menjalankan, atau pun memberi peluang kepada ra'ayat² Malaysia terutama sa-kali penuntut² di-luar negeri yang tidak dapat balek ka-negara mereka sendiri di-waktu hari² besar, umpama-nya dalam Hari Raya, Hari Krismas dan Kong Hee Fatt Choy ini, macham Hari Raya China ini dan masa Depavali dan sa-bagai-nya. Jadi, mereka dapat-lah menyalorkan perasaan kaseh sayang mereka itu kepada ibu bapa dan keluarga-nya menerusi siaran radio. Harus barangkali Kementerian ini rasa

susah hendak membuat perkara demikian, kerana ma'alum-lah dia tidak tahu, umpama-nya ada ra'ayat kita di Jerman Barat, di-Denmark, di-India, di-Pakistan, dan sa-bagai-nya. Ini saya rasa tidak susah, Tuan Pengerusi, kerana kita ada mempunyai Consulate, atau Kementerian Luar sendiri dan Pejabat² Kementerian Luar di-tempat mereka itu, hanya kalau Kementerian ini dapat berhubung dengan pejabat² tersebut dan pejabat² tersebut dapat mengistiharkan pada *warta* dan sa-bagai-nya, dia tentu tahu siapa² dia ra'ayat Malaysia yang ingin hendak memberi siaran Selamat Hari Raya, Selamat Tahun Baharu dan sa-bagai-nya kepada kaum keluarga dan sanak saudara mereka.

Berhubung dengan itu juga perkara programme ini juga saya mengikut programme radio ini di-sabelah pagi dan satu programme untuk Pak tani. Uchapan² atau pun cherita² luar bandar untuk Pak tani yang selalu-nya yang dijalankan pada pukul 6.15 pagi. Ini saya rasa, Tuan Pengerusi, pukul 6.15 pagi ini maseh awal lagi untuk pak tani² hendak bangun untuk hendak mendengar, kerana ini satu perkara yang mustahak ini. Jadi, saya rasa, kalau boleh supaya masa yang di-untukkan pukul 6.15 pagi yang di-untukkan kepada pak tani yang hendak mendengar itu di-ubah kata-lah pukul 7 pagi umpama-nya. Jadi di-beri peluang kepada pak² tani kita ini mendengar sa-belum mereka hendak turun ka-sawah, turun ka-ladang dan sa-bagai-nya. Kalau ini dapat di-ubah saya rasa ada-lah lebeh sesuai kepada pak² tani boleh mendengar segala apa juga berita berkenaan dengan pak tani ini sa-belum dia dapat menjalankan usaha² di-dalam bendang dan sa-bagai-nya.

Dan akhir-nya saya minta-lah sa-kira-nya kalau menayangkan filem² di-talivishen ini di-mana U.N.C.L.E., The Fugitive dan sa-bagai-nya. Ini sudah menjadi kegemaran budak² terlampau banyak, murid² sekolah terutama sa-kali, murid² yang belasan tahun yang dalam sekolah memang menjadi kegemaran mereka yang chukup. Jadi, saya rasa kalau ini dapat di-kurangkan sedikit, saya tidak-lah berkata ta' usah langsung, kalau di-kurangkan sedikit

tayangan cherita² yang sa-macham ini, saya agak ada-lah memberi faedah kepada murid² kita, atau pun penuntut² kita yang maseh di-bangku sekolah dan mereka ini dapat-lah memberi masa mereka ini kepada membacha buku² dan pelajaran di-waktu² malam. Itu-lah permintaan saya kalau boleh. Sekian, Tuan Pengerusi.

Dr Mahathir bin Mohammad (Kota Star Selatan): Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian sedikit di-dalam perbahathan di-atas Perbekalan bagi Kementerian Penerangan dan Penyiaran, ia-itu dalam muka 400 berkenaan dengan Bahagian Pemereksaan Lesen.

Kita telah dengar dalam Rumah ini bermacam² chara untuk mengutip lesen itu supaya senang kepada orang ramai yang menggunakan radio² dan talivishen². Saya ingin mengeshorkan kepada Yang Berhormat Menteri, ia-itu kita buangkan sama sa-kali lesen untuk radio dan talivishen. Saperti mana kita tahu radio dan talivishen ini ia-lah satu alat mass media yang mana boleh mendatangkan pelajaran kepada orang ramai dan kita sendiri menggunakan. Kerajaan sendiri menggunakan alat ini untuk memberitahu kepada ra'ayat berkenaan dengan perusahaan² dan perkembangan² di-dalam negeri. Kalau ini ia-lah tujuan satu Jabatan yang digunakan oleh Kerajaan maka patut-lah orang² yang terpaksa mendengar siaran² daripada Kerajaan ini dapat mendengar dengan tidak payah membayar apa² bayaran sama sa-kali.

Jadi saya harap-lah dengan di-buangkan sama sa-kali lesen ini, maka soal macham mana hendak menangkap orang yang tidak berlesen ini tidak akan timbul lagi. Kalau ini mengurangkan perolehan Kerajaan, ini dapat di-atasi kalau kita lebehkan sedikit tentang siaran² advertisement yang ada di-dalam radio dan talivishen. Dengan melebehkan sedikit sahaja, saya perchaya kutipan daripada lesen² ini dapat di-samakan dengan perolehan daripada siaran² advertisement.

Dalam muka 401, ia-itu berkenaan dengan Pusat Latihan Tata Negara. Saya perchaya bahawa Pusat ini di-dalam tahun sudah tidak langsung

berjalan dan sungguh pun peruntukan di-buat dalam Budget pada tahun ini, nampak-nya jawatan², terutama sa-kali jawatan yang pertama Pengetua ini tidak ada lagi orang yang menjawat-nya dalam jawatan itu. Jadi saya ingin bertanya kepada Menteri Yang Berhormat, ada-kah Kerajaan maseh lagi bertujuan untuk mengadakan Pusat Latehan Tata Negara ini oleh kerana pada fikiran saya ini ia-lah satu Pusat yang mustahak untuk menerangkan kepada ra'ayat dengan tata tertib di-dalam negara tentang macham mana menyesuaikan diri di-dalam negara kita yang mana banyak daripada warga negara terdiri daripada macham² bangsa dan kalau mereka ini ingin faham apa-kah tujuan Kerajaan dan chara mana-kah dapat kita mendirikan satu masyarakat yang baik di-dalam negara kita ini, maka kita mustahak-lah adakan Pusat Latehan Tata Negara ini untuk memberi latehan kepada sa-tengah² orang yang menjadi ketua di-dalam gulungan² masing².

Di-bawah Head ini juga di-dalam muka 401 berkenaan dengan Jabatan Filem Negara. Saya kurang tahu ada-kah Jabatan Filem Negara ini mengambil bahagian di-dalam usaha yang di-namakan Gerakan Maju yang mana banyak daripada kampong² terutama sa-kali di-sabelah kawasan saya telah mengambil bahagian dan dengan ada-nya usaha ini nampak-nya chara hidup orang² di-kampong telah berubah. Chara yang kolot, yang lama, yang mana tidak ada kebersehan kampong, tidak ada jamban² yang elok telah pun di-gantikan dengan chara² yang baharu. Ini ia-lah satu usaha yang chukup mendatangkan faedah kepada orang² kampong. Kalau ini dapat di-beri lebeh banyak lagi penerangan oleh Jabatan ini, maka ini akan menarek orang² dalam kampong² lain yang tidak mengambil bahagian di-dalam gerakan maju meniru chara² yang telah di-buat di-tempat² ini. Chara² ini sangat-lah baik dan kalau bahagian ini di-ambil oleh Jabatan Filem Negara, maka tentu-lah kita dapat mengubah chara hidup orang² di-dalam kampong.

Di-bawah Head B. 39, ia-itu Radio Bahagian Warta Berita. Saya ingin menarek perhatian Menteri Yang Ber-

hormat berkenaan dengan satu perkara yang agak-nya kecil tetapi pada diri saya ia-lah satu perkara yang besar ia-itu berkenaan dengan title yang kita beri kepada orang² yang nama mereka di-sebutkan di-dalam warta berita kita. Nampak-nya telah menjadikan satu polisi bagi radio dan talivishen memanggil orang² di-dalam negeri dengan title "Enche'" tetapi orang² luar negeri di-panggil "Tuan". Kalau kita perhatikan senarai nama² Ahli Dewan Ra'ayat, kalau dahulu di-panggil "Yang Berhormat Enche'" sekian², tetapi sekarang ini telah di-panggil "Yang Berhormat Tuan". Kalau penukaran ini telah di-buat saya perchaya ia-lah dengan kerana Ahli² Dewan Ra'ayat ini menganggap diri mereka "Tuan", bukan "Enche'". Jadi "Tuan" lebeh sedikit daripada "Enche'", apa-kah salah-nya kalau kita memanggil orang² dalam negeri kita ini tuan dan orang² daripada luar negeri tidak payah-lah kita panggil "tuan" kepada mereka saperti dahulu dalam zaman penjajah, tetapi kita berikan title yang patut kepada mereka. Kalau-lah orang puteh, orang Inggeris, kita panggil "Mr" kalau orang Jerman kita panggil "Herr"-kah apa-kah, yang di-panggil atau pun "Monsieur" itu tidak apa-lah bagi orang luar negeri. Tetapi kalau kita pertuan-kan semua orang daripada luar negeri, maka ini ia-lah sa-macham juga dengan zaman penjajah yang mana orang puteh yang menjadi penjajah di-sini mengambil title "Tuan" itu sa-bagai hak mereka, ia-itu kita di-sini di-perhambakan, mereka-lah yang menjadi tuan. Kita sekarang sudah merdeka sa-lama 10 tahun lebeh, maka patut-lah kita jadikan tuan di-dalam negeri kita sendiri.

Saya ingin menarek perhatian Menteri Yang Berhormat di-negeri Burma, keadaan ini telah juga terjadi, ia-itu orang² dari luar negeri di-panggilkan "Thakin" dan orang² dalam negeri di-anggap sa-bagai hamba kepada tuan yang datang daripada luar negeri dan apabila orang² Burma menggubahkan satu political party maka semua ahli² political party itu di-panggil "Thakin" ia-itu "Tuan". Berma'ana orang² Burma ingin menjadi tuan di-dalam negeri mereka sendiri. Jadi kita di-sini

juga mesti ada perasaan yang samacham itu, ia-itu kalau kita sebutkan orang² di-dalam negeri ini biar-lah semua di-panggil tuan, kita boleh lupakan pangkat "Enche" itu dan kalau ada orang² dari luar negeri yang kita ingin menghormati, kita panggil dia dengan title yang ada pada diri mereka di-sini.

Yang saya dengar di-dalam siaran radio, kalau di-dalam negeri di-panggil Enche' Lee Siok Yew, kalau di-luar negeri Tuan Lee Kuan Yew. Ini nampak satu perbedzaan yang tidak patut sama sa-kali kapada orang kita sendiri. Jadi saya harap-lah Menteri Yang Berhormat mengambil bahagian berkenaan dengan perkara ini. Terima kasih.

Tuan Edwin anak Tangkun (Sarawak): Mr Chairman, Sir, touching on Head B. 41—Field Section, Sarawak—I would like to draw the attention of the Honourable Minister of Information and Broadcasting to some miscellaneous activities carried out by some Information staff who often travel to the rural areas in Sarawak. Many complaints have been made by the rural people against some members of the mobile unit.

First, the people complained that these people sometimes write letters requesting the kampong dwellers to attend their shows at certain places. When the kampong people come, the shows are screened for ten or fifteen minutes only and then stopped without showing the whole of the film.

Secondly, the rural people commented that the films shown to them were too monotonous and also too electioneering. Besides, the team of the mobile unit often campaign for the Alliance. This, I believe is contrary to the policy prescribed by the Ministry of Information and Broadcasting in respect of its mobile units. So I wish to suggest that the Ministry concerned should see to it that the Mobile Unit Section must carry out their duty properly by having a good selection of films for both the urban and the rural people, so that the audience can be benefited by the mobile units.

In conclusion, Sir, I do hope this time the Honourable Minister of Information and Broadcasting will listen a little more carefully and will answer me in his reply. I regret that the Assistant Minister of Education is not here now who failed to reply to my speech concerning the subject of education in Sarawak. Thank you.

Tuan Senu bin Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, bagi menjawab soalan² dan pandangan² yang di-buat oleh Ahli² Yang Berhormat, yang pertama ia-lah Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara yang tadi telah menyebut berkenaan dengan indok berita. Saya maseh ingat Ahli Yang Berhormat itu telah berkali² di-dalam Rumah yang berbahagia ini berchakap berkenaan indok berita, dan pehak Kementerian saya memang berusaha dengan sa-daya upaya dengan kebolehan yang ada kapada kita supaya indok berita itu dapat di-buat di-dalam Bahasa Kebangsaan sa-berapa chepat yang boleh. Di-dalam Rumah Yang Berbahagia ini, saya telah berjanji dalam persidangan yang lepas akan menchuba supaya indok berita ini di-mulakan dalam Bahasa Kebangsaan dan sekarang ini pun sudah di-mulakan.

Saya suka-lah memberi pangakuan kapada Ahli Yang Berhormat dan Rumah yang berbahagia ini, ia-itu bagi pehak Kementerian saya dan terutama sa-kali Jabatan Radio dan Talivishen saya akan menchuba sa-daya upaya semua indok² berita ini di-buat di-dalam Bahasa Kebangsaan sa-berapa chepat yang boleh.

Ahli Yang Berhormat tadi juga menchadangkan supaya di-adakan target date, ia-itu bila-kah masa yang patut indok berita ini di-tetapkan di-buat dalam Bahasa Kebangsaan. Saya rasa susah sadikit hendak di-adakan target date, kerana kalau kita tetapkan target date, kata sa-tahun, barangkali boleh di-buat dalam tempoh enam bulan, atau pun tiga bulan, tetapi perchaya-lah saya akan chuba sa-berapa chepat yang boleh supaya di-buat indok berita ini di-dalam Bahasa Kebangsaan.

Ahli Yang Berhormat tadi juga mengatakan berkenaan dengan Pembacha Berita yang di-ambil daripada

orang² luar dan pada pandangan-nya ada-lah membadzirkan wang, ia-itu beribu ringgit di-belanjakan sa-bulan padahal ada pegawai² ia-itu Penyunting Berita dan Pemetek Berita dan sa-bagai-nya patut di-beri juga tanggong-jawab membaca berita, tetapi sa-benar-nya Pemetek Berita itu bukan-lah tanggong-jawab-nya sa-mata² sa-bagai Pemetek Berita, tetapi mereka juga bertanggung-jawab di-dalam ranchangan² lain seperti Dunia Sa-Minggu, Sekitar Tanah Ayer, dan berbagai² tanggong-jawab yang lain, bukan memikul satu tanggong-jawab itu sahaja. Jadi, tanggong-jawab mereka sudah terlalu berat; kalau sa-kira-nya hendak di-letakkan lagi beban untuk membaca warta berita, saya rasa warta berita itu tidak akan dapat di-jalankan dengan sa-penoh²-nya. Dengan sebab itu-lah walau pun di-ambil dari tenaga luar, kerana di-pandang supaya ada tanggong-jawab yang tertentu. Membaca warta berita ini pun bukan boleh di-berikan kepada sa-siapa, mereka terpaksa di-pilih dan ada berbagai² syarat yang mesti di-penohi sa-belum dapat sa-sorang itu di-ambil sa-bagai Pembaca Warta Berita. Kerana ma'alum-lah pendengar² mempunyai sangat banyak tegoran² terutama sa-kali berkenaan dengan Pembaca Berita ini ada sahaja salah-nya kadang² suara pemberita itu tidak sedap, kadang² rupa pembaca itu tidak menarek, kadang² gigi-nya tidak betul. Saya menerima bermacam² surat yang berbagai² daripada pendengar² mengenai Pembaca Warta Berita ini. Bagitu juga Ahli Yang Berhormat tadi hendak mengetahui berkenaan dengan tujuan, atau ranchangan hendak menchantumkan Jabatan² yang ada di-dalam Kementerian ini, terutama sa-kali kata-nya kalau sa-kira-nya dapat di-chantumkan sa-berapa chepat, dapat-lah umpama-nya berita² dalam TV dan Radio ini di-satukan. Ini memang menjadi ranchangan dan tujuan Kementerian saya, Tuan Pengerusi, ia-itu menchantumkan semua Jabatan² yang ada di-dalam Kementerian Penerangan dan Penyiaran.

Saya telah menyebutkan berkali² di-dalam Rumah yang Berbahagia ini, ia-itu manakala berpindah sahaja

Kementerian ini ka-bangunan yang baharu manakala semua Jabatan² yang ada di-bawah Kementerian ini berpindah ka-bangunan yang baharu ini, maka akan dapat-lah di-lancarkan chara² hendak menchantumkan Jabatan² ini termasuk-lah juga Jabatan² Berita dan sa-bagai-nya.

Ahli Yang Berhormat itu menchadangkan juga bahkan menegor berkenaan dengan pertukaran Penerbit² Ranchangan. Kata-nya, ada penerbit² daripada orang Melayu, atau pun daripada orang China, atau India menerbitkan ranchangan, atau progrem dalam Bahasa Kebangsaan dan sa-bagai-nya. Jadi, Ahli Yang Berhormat itu menchadangkan supaya di-adakan specialisation ma'ana-nya di-tetapkan penerbit ini di-khaskan untuk perkara² yang tertentu sahaja. Memang chara itu pun berjalan juga di-dalam Jabatan Talivishen, umpama-nya Penerbit Drama, Penerbit Muzik, Penerbit Ranchangan lain² ada juga. Tetapi dalam masaalah penerbit dalam ranchangan bahasa² ini, memang saya galakkan supaya penerbit umpama-nya yang berasal daripada orang China, dapat menerbitkan ranchangan² dalam Bahasa Kebangsaan. Pendek-nya dalam Jabatan Talivishen dan Radio dan Kementerian saya juga kita sedang menuju ka-arrah Malaysia. Jadi saya tidak mahu di-dalam Jabatan² ini pada satu masa yang akan datang ada lagi Bahagian China, Bahagian Tamil, Bahagian Melayu, tetapi seluruh-nya ranchangan Malaysia. Pendek-nya boleh bertukar². Kalau pun Producer itu orang China, dia dapat mengeluarkan ranchangan dalam Bahasa Kebangsaan dan sa-balek-nya. Jadi ini bukan sahaja menguntongkan perbelanjaan pada masa akan datang, tetapi juga akan dapat menchapai tujuan kita menuju kepada perpaduan.

Ahli Yang Berhormat juga menchadangkan supaya patut di-adakan satu Ranchangan Ekonomi Bumiputra. Perkara ini saya berjanji-lah akan diselidek dan akan chuba mengadakan ranchangan tersebut sa-berapa chepat yang boleh. Lagi satu berkenaan dengan chogan-kata. Mengikut Ahli Yang Berhormat tadi chogan-kata itu kebanyakan-nya di-dalam Bahasa Ke-

bangsaan, kata-nya banyak chogan-kata yang bersemangat dan sa-bagai-nya, tetapi sayang kebanyakan-nya didalam Bahasa Kebangsaan. Tetapi saya tidak fikir begitu. Sa-panjang yang saya tahu ada chogan-kata dalam Bahasa Inggeris, dalam Bahasa Inggeris pun ada yang membangkitkan semangat yang suroh kita bersatu dan sa-bagai-nya. Jadi bukan sahaja kita buat itu dalam Bahasa Kebangsaan.

Dalam Jabatan Penerangan pula, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara tadi yang nampak-nya bersimpati dengan Kementerian ini dengan kerana memanglah tujuan Kementerian ini hendak memperbanyakkan sa-berapa banyak yang boleh terutama sa-kali kereta², atau pun *mobile unit* yang pada hari ini sangat-lah tidak mencukup. Kalau boleh mengikut kehendak saya beratus lagi *mobile unit* ini akan di-minta untuk kegunaan supaya dapat-lah *mobile unit* ini menunjukkan gambar dan melawat tempat² bukan sahaja tiap² tiga bulan sa-kali, tetapi tiap² minggu, kalau dapat. Tetapi dengan keadaan kedudukan kewangan kita pada hari ini, nampak-nya benda itu tidak dapat-lah hendak saya jalankan, tetapi insha' Allah saya akan chuba dari sa-masa ka-samasa mendapatkan kelulusan daripada Kementerian Kewangan terutama sa-kali supaya dapat di-berikan lebih banyak kereta², atau *mobile unit* ini pada masa akan datang.

Berkenaan dengan risalah Parlimen yang di-chadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya berjanji-lah Jabatan Penerangan akan menerbitkan risalah² mengenai Parlimen, mengenai Masjid Negara dan mengenai lain² lagi yang di-fikirkan mustahak. Sunggoh pun begitu itu kita pernah keluaran daripada satu masa ka-satu masa umpama-nya masa pembukaan Parlimen, atau masa pembukaan Masjid Negara, tetapi kalau berkehendakkan lebih lagi saya akan arahkan Jabatan Penerangan supaya mengeluarkan risalah² yang tersebut. Kalau berkehendakkan satu sejarah yang panjang, saya rasa bukan-lah daripada Jabatan Penerangan. Saya boleh menchadangkan Dewan Bahasa dan Pustaka menge-

luarkan buku khas untuk sejarah Parlimen dan sa-bagai-nya.

Saya ucapkan terima kasih juga kepada Ahli Yang Berhormat dan ramai lagi Ahli² Yang Berhormat lain yang telah bersimpati dengan peruntukan yang di-dapati oleh Kementerian ini mengenai tata ra'ayat ia-itu chuma \$28,000 tahun ini berbanding dengan \$174,150 tahun yang lepas. Ini juga ia-lah oleh kerana kedudukan kewangan kita; tetapi walau bagaimanapun saya berjanji-lah kepada Ahli Yang Berhormat supaya tidak merasa hampa berkenaan dengan perkara ini kerana dari sa-masa ka-samasa saya akan bawa lagi terutama sa-kali didalam supplementary dan sa-bagai-nya daripada sa-masa ka-samasa. Dan saya suka terangkan juga di-sini kepada Ahli² Yang Berhormat ia-itu peruntukan yang di-masokkan di-dalam Perbekalan ini ia-lah peruntukan daripada Kerajaan Pusat. Tetapi sa-lain daripada apa yang di-untokkan oleh Kerajaan Pusat, Kerajaan² Negeri juga ada menguntokkan wang untuk tata-ra'ayat ini. Dan kalau Ahli² Yang Berhormat suka mendapat tahu barangkali boleh-lah di-selideki bahawa sa-tengah² negeri mengeluarkan perbelanjaan untuk tata-ra'ayat ini lebih banyak, berlipat-ganda banyak-nya daripada yang di-keluarkan melalui Kementerian ini.

Berkenaan dengan Lesen Radio dan Talivishen seperti yang di-chadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dan juga oleh Ahli² Yang Berhormat yang lain, saya suka menyatakan di-sini bahawa pihak Kementerian saya menchuba sa-berapa yang boleh supaya lesen² ini di-pungut, bayaran lesen² ini di-pungut dengan sa-berapa yang boleh dan berkenaan dengan chadangan supaya lesen ini di-kenakan sa-bagai lesen motokar, atau pun lesen ini di-samakan dengan masa membeli radio di-kedai² radio, talivishen dan sa-bagai-nya. Perkara itu memang ada di-dalam timbangan Kementerian saya dan saya akan chuba-lah melihat sama ada boleh di-jalankan atau tidak.

Ahli Yang Berhormat itu juga menyebut berkenaan dengan kempen mengenai Minggu Berjaya, kata-nya

memang kempen ini belum berjaya, memang kerana belum berjaya-lah maka kita adakan minggu ini tiap² tahun. Dan minggu ini juga akan diteruskan pada tahun² yang akan datang dan akan di-chadangkan daripada satu masa ka-satu masa supaya di-chari perkara² yang boleh menolong, atau pun memperkuat lagi kempen untuk menjayakan Minggu Perpaduan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam menchadangkan supaya Filem Negara ini membuat sa-buah filem sejarah yang panjang meliputi sejarah daripada zaman Kerajaan Melaka dahulu sampai-lah kepada zaman penjajahan, sampai zaman kita mendapat kemerdekaan maka Tunku mengishtiarkan kemerdekaan dan sa-bagai-nya. Saya rasa chadangan ini susah-lah hendak di-buat, biar-lah saya berterusterang di-sini oleh kerana kalau hendak masukkan segala²-nya itu bukan-lah menjadi filem lagi, boleh menjadi satu buku sejarah yang barangkali berbuku², berjilid², tetapi walau bagaimana pun Filem Negara telah membuat dan ada di-dalam rekod kita semua gambar², terutama sa-kali semenjak Filem Negara di-tubuhkan; sa-belum itu tidak ada. Semenjak Filem Negara di-tubuhkan, memang ada gambar², walau pun sa-belum kita merdeka dahulu, sampai masa kita menchapai kemerdekaan, masa dharurat dan berbagai² lagi, semua-nya itu ada. Tetapi kalau hendak di-buat satu filem sejarah yang akan memakan masa paling tinggi 1½ jam, atau 2 jam. Kalau lebih daripada itu, orang pun tidak mahu lihat kerana berasa jemu dan dalam dua jam pun tidak dapat hendak kita masukkan segala²-nya sa-bagai-mana yang kita kehendaki. Tetapi ada Documentary Filem yang saya katakan tadi memang ada, dan barangkali kalau Ahli Yang Berhormat hendak ini di-perbanyakkan, atau di-susun sa-mula, itu boleh-lah saya timbangkan, kalau dapat di-susunkan di-jadikan satu filem yang pendek di-namakan filem sejarah.

Ahli Yang Berhormat itu mengatakan juga tentang Jabatan Talivishen ia-itu dalam Perkhidmatan Filem katanya mutu filem² ini rendah terutama

sa-kali mutu filem² keluaran kita sendiri. Memang saya tidak dapat napikan, saya tidak boleh mengatakan mutu filem² kita itu tinggi, kerana ma'alum-lah kita baharu, pengeluaran² atau producers kita pun baharu. Talivishen chuma beberapa tahun sahaja ada di-negeri kita, tetapi saya rasa dengan memandang kepada sengkatnya masa kita mempunyai talivishen di-Malaysia ini, dan dengan kemajuan yang di-buat oleh pegawai² dan kaki-tangan talivishen saya rasa patut mereka di-beri pujian dan terima kasih. Ahli Yang Berhormat membawa satu chontoh sa-bagai Che' Minah Sayang, barangkali Ahli Yang Berhormat itu tidak suka tengok gambar yang tersebut, tetapi gambar yang tersebut sa-benar-nya salah satu daripada gambar yang di-suka—ada orang² yang suka.

Jadi, susah sedikit mengenai gambar² talivishen ini, kerana bukan-lah senang kita hendak mendapat persetujuan daripada berbagai² gulungan, berbagai² pehak. Kita suka, tetapi orang lain tidak suka; kita tidak suka, orang lain suka. Kadang² ada yang tidak suka kepada rupa, tidak suka kepada perchakapan, tidak suka kepada ini; orang lain suka pula. Jadi susah saya. Yang sa-benar-nya beratus² surat yang saya terima tiap² bulan menyebut hal ini ada yang tidak suka itu, tidak suka ini, minta di-pendekkan, ada yang minta di-panjangkan lagi program, macham² ada—tiap² bulan ada. Jadi, ini-lah masalaah-nya, tetapi walau bagaimana pun saya ucapkan terima kasih kepada perhatian yang di-buat oleh Ahli² Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat dari Krian Darat mengatakan ranchangan² filem di-talivishen berlawanan, atau pun tidak memberi faedah kepada tujuan kita dalam masa hendak membangun ini. Saya rasa, apa yang di-sebut oleh Ahli Yang Berhormat itu terlebih-lah sedikit, kerana memang menjadi tujuan talivishen, baik radio, baik alat² penerangan, bukan sahaja memberi penerangan kepada ra'ayat, tetapi juga menchari jalan dan berusaha, berikhtiar supaya menuju perpaduan, kepada ta'at setia dan sa-bagai-nya. Ini

memang menjadi satu daripada tujuan Kementerian saya ini. Jadi, kalau sa-kira-nya ada satu dua filem umpamanya yang tidak sesuai jangan-lah diborongkan semua sa-kali talivishen itu tidak mengeluarkan filem² yang berfaedah atau tidak berguna langsung, dalam masa kita bergerak terhadap pembangunan ini.

Saya rasa banyak juga filem² yang kita buat, yang kita adakan dalam talivishen, yang kita buat melalui Filem Negara dan sa-bagai-nya yang sesuai di-katakan filem² pembangunan. Tetapi walau bagaimana pun saya mengaku-lah di-sini, Tuan Pengerusi, oleh kerana kekurangan² yang ada kapada kita hari ini. Kalau Ahli² Yang Berhormat melawat ka-Studio Talivishen kita hari ini akan dapat melihat sendiri apa kekurangan²-nya, bagaimana pegawai² dan kaki-tangan ini bekerja di-dalam tempat yang sabagitu sempit, bekas tempat simpan kereta dahulu; ini-lah yang di-jadikan studio hari ini. Tetapi kerana dahulu masa Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri hendakkan supaya talivishen itu di-adakan juga, kerana hendak memberi perkhidmatan talivishen kapada ra'ayat Malaysia, walau pun bekas tempat simpan kereta, terpaksa juga di-buat studio. Chuba-lah melawat sa-kali di-Studio Talivishen, sebab itu-lah kita hendak pindah ka-studio baharu hari ini. Studio yang tua, yang kechil itu akan berganti dengan satu tempat studio yang besar. Jadi, kalau berpindah ka-studio baharu nanti, saya harap akan dapat-lah mengeluarkan filem² yang berguna. Suka juga saya berchakap lagi ia-itu ramainya Ahli² Yang Berhormat berchakap berkenaan dengan filem² mengapa tidak banyak filem² Melayu dan sa-bagai-nya. Memang betul, saya sendiri mengaku, tetapi filem² Melayu yang kita ada hari ini kita terpaksa beli daripada Shaws, daripada Cathay dan daripada lain. Dan mereka² ini pula tidak dapat hendak menjualkan filem² itu kapada kita, apa lagi filem² baharu yang belum di-tunjokkan di-tempat² lain. Jadi, filem² yang boleh di-jualkan kapada kita selalu-nya keluaran lima tahun sampai sa-puloh tahun dahulu. Marah pula orang ramai, fasal apa tunjok gambar P. Ramlee maseh kurus

kata-nya. Jadi, kalau tidak tunjok pun salah, kalau tidak ada gambar Melayu pun salah pula kata-nya, mengapa tidak ada gambar Melayu langsung. Jadi, kita terpaksa tunjok juga, dan kalau kita hendak buat sa-suatu filem hari ini, Tuan Pengerusi, bukan sahaja kita tidak ada kelengkapan, tetapi kalau kita hendak buat—boleh, berpuluh ribu dan beratus ribu ringgit satu filem.

Ini memang dalam peringatan dan dalam perhatian saya, dan juga dengan sebab itu-lah saya kata manakala Filem Negara ini sekarang ini sudah di-masokkan di-bawah Kementerian dan akan di-jadikan Perbadanan satu hari kelak; mudahan² manakala jadi Perbadanan dapat-lah badan ini menjadi sa-buah badan pengeluaran filem² kebangsaan sa-bagaimana yang kita maksudkan, dan sa-bagaimana yang kita chita²kan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Selatan tadi mengatakan berkenaan laporan Dewan Ra'ayat di-Radio, kata-nya bahasa Inggeris di-laporkan pada pukul 9.45 malam manakala Bahasa Kebangsaan di-laporkan pada pukul 10.15 malam. Sebab²-nya kita buat begitu bukan-lah kerana kita pandangan Bahasa Kebangsaan rendah dari bahasa Inggeris, atau hendak mendewa²kan bahasa Inggeris—tidak. Yang pertama sa-kali laporan itu di-buat sa-lepas news, atau warta berita. Warta berita Inggeris pukul 9.30 malam, lepas 9.30 malam di-buat-lah laporan Dewan dalam bahasa Inggeris, kemudian pada pukul 10.00 malam warta berita Melayu pukul 10.15 di-buat laporan Parlimen dalam Bahasa Kebangsaan; itu-lah sebab-nya, bukan ada sebab² lain, hendak melebehkan bahasa Inggeris. Lagi satu sebab-nya ia-lah oleh kerana laporan ini di-salorkan ka-Sabah dan ka-Sarawak. Ini satu daripada sebab² teknikal, jadi oleh kerana hendak di-salorkan ka-Sabah dan ka-Sarawak, maka sebab itu-lah terpaksa di-buat begitu.

Ahli Yang Berhormat menchadangkan supaya banyak lagi di-keluarkan risalah² keluar negeri, terutama sa-kali untuk mengenalkan negara kita,

memang-lah menjadi tujuan kita melalu Jabatan Penerangan Luar Negeri kita dalam Kementerian Penerangan dan Penyiaran kita sentiasa mengeluarkan risalah² dan sa-bagai-nya. Sa bagai mana Ahli² Yang Berhormat telah lihat dua tiga hari yang lalu ada dibentangkan di-dalam Dewan ini kapada tiap² Ahli² Yang Berhormat chontoh² risalah yang kita keluarkan dalam sadikit masa ini kapada Kedu-taan² kita di-luar negeri.

Berkenaan dengan talivishen di-Trengganu, saya juga sebut dalam ucapan saya tadi, manakala siap microwave system yang pada hari ini sedang di-buat sampai ka-Pantai Timor, insha' Allah saya rasa sa-belum akhir tahun ini penduduk² kita Pantai Timor akan dapat-lah menekmati siaran talivishen.

Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara tadi menyentuh sadikit berkenaan dengan perkataan dalam bahasa Inggeris yang telah di-siarkan dalam *Utusan Melayu* sa-malam di-masa bangunan baharu ini di-beri peluang kapada pemberita² surat khabar melawat dan pada hari ini nampak-lah satu berita di-dalam surat khabar *Utusan Melayu* sa-lain berita² lain yang di-masokkan ia-lah ada satu tanda yang mengatakan "Exit" dan "Out" di-dalam bahasa Inggeris dan di-Tingkat Ketujuh di-bilek yang akan saya pindah besok. Yang sa-benar-nya kalau di-tanyakan kapada pegawai-nya, lampu pun baharu yang di-pasang dalam sa-hari dua ini; itu yang asal-nya "Exit" dan "Out". Pagi kelmarin juga saya telah melawat ka-sana dan saya telah terangkan, ini akan di-tukar sa-benar-nya petang ini pun telah di-tukarkan, bukan-lah kerana *Utusan Melayu* siarkan pada pagi ini, tetapi memang ranchangan kita hendak tukarkan. Tetapi oleh kerana memang "Exit" dan "Out" ini pun sudah di-chadangkan untuk di-tukar memang tidak betul, tetapi kerana hendak dipercepatkan, jadi di-masokkan untuk sementara waktu.

Berkenaan dengan Siaran Daerah ini tadi Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara menchadangkan, saya ucapkan terima kaseh, memang sudah ada

ranchangan daripada pehak Jabatan Radio, ia-itu bagi station pemancar kita di-Johor dan di-Melaka bahawa saya telah mempersetujukan dalam tempoh tiga empat hari ini ia-itu ranchangan ini mulai dari pukul 10.30 malam sa-hingga 12.00 tengah malam, mulai 1 haribulan Mach akan di-adakan Siaran Daerah bagi Studio di-Melaka dan di-Johor Baharu, dan bagi Studio kita di-Pulau Pinang mulai daripada bulan April akan di-adakan juga daripada pukul 10.30 sampai pukul 12.00 malam.

Lain² perkara berkenaan dengan tata-ra'ayat, saya telah sebutkan tadi dan tentang lesen juga saya sudah sebut tadi dalam jawapan kapada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara. Ahli Yang Berhormat itu juga menchadangkan supaya Jawatan-kuasa Muhibbah patut di-masokkan di-bawah Jabatan Penerangan. Saya rasa itu elok juga-lah, walau pun untuk menambahkan kerja Pegawai² Penerangan kita, tetapi pada hari ini, saya ingat Jawatan-kuasa Muhibbah itu adalah di-bawah pentadbiran Negeri² atau Daerah² atau pun di-bawah Pegawai² Daerah. Saya ingat walau pun tidak di-masokkan, memang-lah Pegawai Penerangan juga yang bekerja di-Daerah², di-Negeri², kebanyakan Pegawai Penerangan-lah juga yang bekerja bermatian² baik dalam Jawatan-kuasa Muhibbah, atau pun Minggu Perpaduan atau sa-bagai-nya.

Ahli Yang Berhormat juga menchadangkan, ia-itu supaya di-adakan pertukaran pegawai di-antara pegawai² kita dengan Pegawai² di-Indonesia. Perkara ini saya tidak dapat-lah hendak katakan dalam sadikit masa ini boleh-kah kita buat kerana tentu-lah banyak masaalah² yang kita mesti selesaikan terlebih dahulu. Tetapi memang menjadi harapan kita terutama sa-kali kita telah mempunyai Perjanjian Kebudayaan dan Persahabatan dengan Indonesia, dan melalui Perjanjian Persahabatan dan Kebudayaan ini-lah kita akan chuba buat pertukaran² termasuk filem dan berbagai² lagi pada masa akan datang dan saya perchaya yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri akan melawat Indonesia sadikit hari lagi dan satu daripada perkara yang

akan di-binchangkan oleh Yang Teramat Mulia Tunku ia-lah mengenai perjanjian ini juga, bagaimana chara hendak membuat, atau melaksanakan perjanjian yang telah di-tandatangani di-tahun² dahulu itu.

Ahli² Yang Berhormat itu men-chadangkan juga filem², filem² Masir hendak-lah di-tunjokkan sa-berapa banyak yang boleh. Kita memang menunjokkan filem² luar negeri termasuk-lah filem² Masir di-dalam talivishen, kalau tidak salah saya saminggu sa-kali di-tukar²kan, tetapi walau bagaimana pun memang ada chadangan saya dahulu juga hendakkan sa-berapa banyak filem² daripada Masir, atau daripada Indonesia supaya dapat mengisi kekurangan filem² Melayu yang kita tidak dapat keluar-kan pada masa ini.

Dan berkenaan dengan Berita² Kehilangan, Berita Kematian dan sa-bagai-nya, saya rasa perkara itu juga ada juga complication-nya, yang susah-nya kadang² ada juga orang yang suka memainkan berita² ini, jadi berita yang tidak betul di-beri-nya umpama-nya. Jadi ini pun satu masaalah juga yang mesti di-halusi sa-belum dapat di-jalankan dengan sa-penoh-nya. Walau bagaimana pun saya ucapkan terima kaseh kapada Ahli Yang Berhormat kerana men-chadangkan perkara ini.

Berkenaan dengan chadangan supaya di-berikan sa-bahagian daripada share Filem Negara yang di-jadikan Corporation ini kapada orang ramai. Perkara itu tidak dapat-lah saya hendak sebutkan lagi, kerana maseh lagi di-dalam pertimbangan dan belum lagi di-tentukan bagaimana chara-nya Corporation yang di-chadangkan itu akan di-jalankan.

Ahli Yang Berhormat dari Melaka Selatan, Tuan Pengerusi, telah meminta timbangan supaya pegawai² rendah mendapat gaji lebeh baik. Saya per-chaya seruan daripada Ahli Yang Berhormat ini akan di-junjong dan di-sambut dengan sa-penoh²-nya oleh pegawai² dan kaki-tangan Jabatan Penerangan, tetapi sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat sedia ma'alum tangga-gaji dan sa-bagai-nya memang sudah

tetap dan sekarang ini pula terta'alok kapada Laporan Suffian dan sa-bagai-nya, tetapi walau bagaimana pun saya ucapkan terima kaseh kapada Ahli Yang Berhormat kerana bersimpati dengan Pegawai² Penerangan yang bekerja bagitu terok di-Daerah² dan sa-bagai-nya.

Berkenaan dengan kerosakan alat pembesar suara yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat ini, saya pun tidak dapat hendak menyiasat apa sebab-nya, saya juga hendak meminta ma'af-lah dalam Majlis ini, kerana saya dapat tahu memang pada hari kita mengadakan Minggu Perpaduan itu pehak di-sabelah kiri tempat itu tidak dapat dengar dengan sa-penoh-nya. Saya rasa itu ada-lah satu kesilapan dan kesilapan itu patut di-betulkan sa-berapa chepat yang boleh, tetapi apa boleh buat perkara itu telah berlaku, saya harap tidak akan berlaku lagi pada masa yang akan datang.

Berkenaan dengan BERNAMA, Ahli Yang Berhormat dari Melaka Selatan juga hendak tahu apa-kah BERNAMA ini sa-jauh mana-kah kemajuan BERNAMA ini telah berjalan. Saya harap mudahan² kalau tidak ada apa² gendala pada bulan Mei ini BERNAMA akan dapat-lah mengeluarkan hasil sa-bagaimana yang di-tunggu²kan. Dan saya tahu memang banyak perbelanjaan yang telah di-buatkan untuk menyediakan alat² membuat persediaan² untuk BERNAMA ini, kerana ini adalah satu perkara yang mustahak, Tuan Pengerusi, badan pemberita sa-bagai BERNAMA ini bukan-lah satu perkara yang senang, bukan-lah sa-bagai sa-buah surat khabar, tetapi satu badan yang sangat besar dan mustahak yang berkehendakkan persediaan² yang sangat rapi. Saya tahu ada juga sungutan² berkenaan dengan gaji, atau elaun untuk Pengerusi dan sa-bagai-nya. Biar-lah saya terangkan di-sini, kerana ada beberapa Ahli² Yang Berhormat juga menyebutkan tadi. Berkenaan dengan Pengerusi BERNAMA ini memang elaun yang di-berikan kapada-nya itu banyak sedikit, kalau di-bandingkan dengan jawatan-nya sa-bagai Pengerusi. Tetapi hal itu sudah di-persetujukan oleh Lembaga BERNAMA dengan kerana pada masa itu

tidak ada satu orang pun pegawai² yang ada di-dalam BERNAMA sa-lain daripada Pengerusi dan Penasihat-nya. Jadi, Pengerusi ini-lah yang menjalankan semua kerja daripada mula sampai-lah kita dapati hari ini beberapa orang pegawai² termasuk-lah General Manager. General Manager baharu sahaja mulakan pekerjaan-nya. Jadi, pada hari ini Lembaga BERNAMA ini sedang menimbangkan kedudukan Pengerusi ini, kerana kedudukan Pengerusi ini akan di-timbangkan dalam masa sa-tahun dan saya minta akan di-timbangkan sa-berapa chepat yang boleh, kerana kita sudah ada General Manager dan ada pegawai² lain.

Ahli Yang Berhormat dari Port Dickson tadi ada menyebut berkenaan dengan programme, kalau saya tidak salah, Programme Talivishen. Ahli Yang Berhormat menyebutkan berkenaan dengan Indian Programme. Can I ask you, I did not get your statement just now?

Tuan T. Mahima Singh: I wanted the programmes to continue up till 12.00 midnight.

Tuan Pengerusi: What programmes?

Tuan T. Mahima Singh: Television and Radio.

Tuan Senu bin Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, berkenaan dengan programme, memang pada masa ini chuma programme dalam Bahasa Kebangsaan, bahasa China, dan bahasa Inggeris sahaja yang terus-menerus sampai pada pukul 12.00 tetapi dalam bahasa Tamil belum lagi. Itu ia-lah kerana tidak chukup transmitter kita dan tidak chukup pegawai², tetapi saya harap perkara ini biar-lah saya kaji dahulu sama ada akan dapat di-jalankan pada masa akan datang atau tidak.

Berkenaan dengan National Anthem Ahli Yang Berhormat itu menandatangani juga supaya Jabatan Penerangan menjalankan kempen sa-chara besar²an untuk memasokkan semangat kebangsaan dan sa-bagai-nya kepada orang ramai supaya dengan sendiri-nya orang ramai manakala mendengar

Lagu Kebangsaan itu di-mainkan di-panggung² wayang akan berdiri. Saya rasa memang sa-lama ini pun Jabatan Penerangan, Radio dan Talivishen sentiasa menjalankan kempen ini men-chuba menanam semangat menghormati Lagu Kebangsaan dan Bendera Kebangsaan, semangat ta'at setia dan sa-bagai-nya. Tetapi apa boleh buat, walau bagaimana pun maseh ada juga lagi orang² yang tidak mahu menghormati Lagu Kebangsaan dan Bendera Kebangsaan ini, terutama sa-kali mana-kala di-mainkan di-panggung² wayang. Perkara ini juga telah menjadi perbincangan dari pehak Jema'ah Menteri dan barangkali satu² langkah akan di-ambil sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh Timbalan Perdana Menteri sa-lepas daripada Jema'ah Menteri bermeshuarat malam tadi.

Ahli Yang Berhormat mengatakan Filem Negara telah mengeluarkan lebih sedikit filem daripada tahun lepas; itu tidak betul, kerana dalam ucapan saya tadi, saya telah sebutkan tahun 1967 Filem Negara telah mengeluarkan dua kali ganda banyak-nya Filem² dan juga masa tayangan filem itu dua kali ganda lebih banyak daripada tahun 1966.

Ahli Yang Berhormat dari Melaka Utara menchadangkan supaya perhatian berat di-ambil berkenaan dengan mempercepatkan berita², penerangan² kepada ra'ayat terutama sa-kali kata-nya contoh yang di-bawanya ia-lah masa pertukaran mata wang baharu² ini. Saya rasa memang kewajipan Kementerian ini, Jabatan² di-dalam Kementerian saya, baik Radio, Talivishen, dan Penerangan akan men-chuba sa-berapa boleh manakala ada sahaja berita² pehak Kerajaan akan men-chuba sa-berapa boleh di-siarkan berita itu dengan sa-berapa chepat yang boleh, tetapi kadang² dengan kerana ada masaal²ah yang maseh belum dapat di-jelaskan dengan sa-penoh-nya, jadi terpaksa benda itu di-tanggohkan sedikit dengan kerana ma'alum-lah daripada pehak Kerajaan ini, kalau sa-kira-nya pegawai² kita tersalah memberi penerangan kesalahan itu kesalahan daripada pehak Kerajaan yang merupakan

daripada pihak Kerajaan sendiri. Jadi, selalu-nya saya juga meminta supaya pegawai² kita berhati² terutama sa-kali Pemberita Radio, atau Talivishen ini terlalu anxious hendakkan berita itu lebih chepat berlawan² dengan surat khabar. Saya kata tidak boleh dengan kerana kita mewakili Kerajaan. Jadi, kalau sa-kira-nya tersalah umpama-nya memberi penerangan², nanti penerangan itu di-pandang oleh penerangan yang salah daripada pihak Kerajaan. Walau bagaimana pun perhatian Ahli Yang Berhormat itu saya ucapkan terima kasih banyak

Tuan Abdul Ghani bin Ishak: Minta penjelasan. Penerangan yang di-keluarkan dalam warta berita dalam satu² masaalah tidak-kah boleh di-tukar, umpama-nya ranchangan radio itu daripada pukul berapa hiburan, jadi perkara yang besar umpama hal mata wang sa-sudah berita di-keluarkan, tetapi ulasan lanjut yang hendak di-dengar, yang hendak di-fahamkan oleh orang ramai itu dapat di-terangkan dengan satu penerangan yang terus khas berkenaan dengan hal yang tersebut, itu maksud saya supaya jelas dan orang tidak tertanya².

Tuan Senu bin Abdul Rahman: Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Saya ingat perkara itu bolehlah di-timbangkan pada masa akan datang. Dan Ahli Yang Berhormat itu juga telah berchakap berkenaan tata-ra'ayat, saya juga telah sebut berkenaan dengan hal itu, Pegawai² Penerangan; lagi satu Ahli Yang Berhormat telah berchakap berkenaan dengan surat khabar, kerana kata-nya beliau tidak tahu bagaimana duduk-nya perkara surat khabar ini, sama ada barangkali Ahli Yang Berhormat hendak tahu Kementerian ini-kah yang bertanggung-jawab, atau Kementerian mana-kah yang bertanggung-jawab, kerana kata-nya banyak surat² khabar mengeluarkan berita² Singapura. Dalam masaalah ini saya suka-lah sebutkan, kita tidak dapat hendak menahan surat² khabar itu mengeluarkan berita² sama ada tentang Singapura, atau pun Malaysia, tetapi apa yang kita berharap kepada surat khabar yang mengaku sa-bagai

surat khabar kebangsaan yang sa-patut-nya bekerja untuk Malaysia kita ini, mengeluarkan lebih banyak berita² berkenaan dengan Malaysia daripada berita² daripada negeri lain. Dan Ahli Yang Berhormat patut juga-lah faham, ia-itu bagi pihak Kerajaan kita telah meminta semua sa-kali surat² khabar yang ada di-Malaysia ini supaya mengadakan badan Editorial Board—Lembaga Penyunting dan sa-bagai-nya dan juga penchetak-nya sa-kali di-Kuala Lumpur. Bukan macham sa-tengah² surat khabar pada hari ini maseh ada lagi yang Lembaga Penyunting-nya atau badan penyunting-nya di-Singapura dan perchetakan-nya di-Kuala Lumpur.

Tuan Abdul Ghani bin Ishak: Oleh kerana Malaysia kita sa-buah negeri merdeka, Singapura pun begitu juga, tidak-kah ada perundingan, atau pun chara bagaimana hendak di-atasi, umpama-nya kata-lah *Straits Times* yang di-terbitkan di-Singapura itu biar penoh²-nya 100 peratus hal Singapura di-terbitkan daripada Singapura, di-bagikan; tinggal lagi hendak sampai ka-mari, itu soal lain. Di-Malaysia pun begitu juga, kalau mithal-nya *Straits Times* yang untuk Malaysia biar penoh² perkara hal Malaysia sahaja yang hendak sampai satu dua naskhah, atau berapa naskhah di-Singapura; itu soal lain. Jadi sekarang ini kita hendak tahu macham mana keadaan-nya ada masa-nya banyak sangat hal Singapura sahaja yang lebih di-keluarkan oleh surat khabar yang di-terbitkan di-negeri kita ini atau yang di-daftarkan di-sini.

Tuan Senu bin Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, berkenaan dengan perkara ini saya harap bagi pihak *Straits Times* akan mendengar-lah fikiran daripada Ahli Yang Berhormat itu, kerana bagi pihak saya dan bagi pihak Kerajaan tentu-lah tidak dapat hendak memaksa. Tetapi apa yang telah kita buat saya perchaya *Straits Times* pun pada hari ini telah mempunyai bukan sahaja Editorial Board-nya di-sini, bahkan perchetakan pun di-sini. Begitu juga kita harap surat² khabar yang lain akan berbuat demikian. Soalan² yang lain saya rasa saya

sudah jawab kepada Ahli Yang Berhormat dari Melaka Utara.

Kapada Ahli Yang Berhormat dari Seberang Utara juga berkenaan dengan lesen radio, saya telah menjawab tadi, saya rasa tidak payah saya panjangkan.

Ahli Yang Berhormat dari Pulau Pinang Selatan menhadangkan supaya programme Dunia Di-Sana Sini itu ditambah lagi. Jadi memang-lah tujuan kita hendak tambah dari satu masa kasatu masa mengikut kehendak dan kemahuan dan kebolehan dari pehak Jabatan Talivishen. Juga sa-bagaimana saya katakan tadi studio sekarang ini berlainan sangat, melainkan kalau sudah siap studio baharu kita di-bangunan yang baharu kelak. Berkenaan dengan masa programme untuk Pa' Tani itu pun, saya akan timbangkan berkenaan dengan perkara itu, kerana saya juga memang dapat beberapa permintaan daripada pehak² orang ramai berkenaan dengan programme ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Star Selatan menhadangkan supaya lesen radio dan talivishen ini di-mansokhkan sama sa-kali. Tadi beberapa orang Ahli Yang Berhormat berchakap meminta di-perkuatkan lagi lesen ini dengan chara tangkapan, di-denda dan berbagai² lagi, tetapi Ahli Yang Berhormat dari Kota Star Selatan minta supaya lesen ini di-hapuskan sama sakali dengan kerana beliau mengatakan bahawa radio dan talivishen ini ia-lah alat penerangan dan alat² perpaduan pendek-nya patut-lah di-beri peluang kapada ra'ayat Malaysia ini supaya dapat menekmati alat² siaran 'am dengan sa-penoh²-nya. Perkara ini saya tidak dapat memberi pengakuan dengan kerana kedudukan kewangan kita pada hari ini dan bagi pehak Kementerian ini juga sa-kurang²-nya terpaksa juga dalam masa kita hendak meminta bekal-kal kita daripada Treasury. Kita hendak tunjukkan apa yang kita keluarkan, apa yang kita boleh dapatkan, selalu jadi pertimbangan, sama ada kita dapat, atau tidak daripada hasil² dan sa-bagai-nya. Saya rasa perkara ini susah-lah sedikit hendak di-timbangkan, tetapi saya perchaya ber-

kenaan hendak memperkuatkan lagi supaya lesen² ini boleh dapat dengan mengadakan berbagai² chara itu, chara yang saya rasa kita akan lakukan pada masa yang akan datang.

Ahli Yang Berhormat itu berchakap berkenaan dengan Pusat Latehan Tata Negara ia-itu satu pusat latehan yang telah berjalan beberapa tahun dahulu dan pada hari ini terpaksa di-berhentikan sementara oleh kerana tempat atau bangunan yang di-gunakan untok tempat itu telah di-serahkan balek kapada Kedutaan Indonesia, kerana Bangunan itu milek Kedutaan Indonesia sendiri. Saya sendiri pun sedang menchari tempat yang lain yang sesuai dan juga sedang mengkaji sa-mula berkenaan dengan pelajaran² yang di-beri didalam Pusat Latehan Tata Negara supaya sesuai dengan kehendak² dan tujuan² kita bersama. Jadi bukan-lah Pusat Latehan Tata Negara ini di-mansokhkan atau di-matikan, ia akan di-hidupkan balek manakala bangunan baharu-nya di-dapati.

Ahli Yang Berhormat itu juga menhadangkan supaya di-banyakkan lagi filem² menunjukkan Gerakan Maju dan sa-bagai-nya. Itu saya akan ambil ingatan dan akan chuba sa-berapa boleh di-buat filem² yang demikian.

Berkenaan dengan bahasa "Enche" dan "Tuan", itu juga saya ingat memang-lah kadang² ada juga kesalahan tetapi kerana kita belum ada lagi standard yang betul berkenaan dengan bahasa ini, kadang² ada gunakan perkataan "Enche" kadang² "Tuan". Jadi, bukan-lah berma'ana-nya kalau kapada orang lain daripada orang Melayu, atau orang luar di-panggil "Tuan", kapada kita orang Melayu, atau Malaysia pun di-panggil "Tuan" juga, tetapi kadang² saya rasa tersalah sedikit kaki-tangan talivishen dan radio tentang perkataan "Enche" dengan "Tuan" itu tidak ada perbedzaan-nya, kalau sudah di-buat perbedzaan-nya besok barangkali, atau di-tetapkan sama ada di-gunakan perkataan "Enche" sahaja, atau "Tuan" sahaja; ini boleh jadi kita tidak tersasul lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Sarawak tadi telah berchakap berkenaan dengan

filem. Tuan Pengerusi, saya minta kebenaran berchakap dalam bahasa Inggeris.

But, unfortunately, I did not really get what the Honourable Member mentioned about the Film Unit just now. Can the Honourable Member repeat it again?

Tuan Edwin anak Tangkun: I spoke concerning screening of films. The films after being screened for ten or fifteen minutes only, and then stopped without showing the film in the areas.

Tuan Pengerusi: Faham-kah? Saya ta' faham. Ulang lagi sekali.

Tuan Edwin anak Tangkun: I spoke concerning the complaints from the rural people. Sometimes the supervisors of the Mobile Units write letter advising the kampong dwellers to attend their shows at certain places, but when the kampong people come, the shows start screening for ten or fifteen minutes only and they are stopped without showing the film accordingly.

Tuan Pengerusi: Dia berchakap berkenaan dengan Mobile Unit.

Tuan Senu bin Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, if the Honourable Member would allow me, I will look into the matter, and I will inform our State Information Officer in Sarawak to try to improve the defects, if any, as mentioned by the Honourable Member.

Tuan Pengerusi, saya mohon izin berchakap dalam Bahasa Inggeris kerana Ahli Yang Berhormat dari Bungsar tadi beruchap dalam Bahasa Inggeris juga.

I think it is very unfair when the Honourable Member made the allegation in the House, but when I am about to reply to him, he is not in the House; but of course, it is natural for him and also for most of the Opposition Members to do that. It is most unfair on the part of the Honourable Member for Bungsar to cast aspersions against the officers involved in the production of the weekly newspaper *Warta Malaysia*, originally known as *Suara Malay-*

sia. Tenders were invited from all registered printers for the printing of the weekly, and it is not confined to a selected few as alleged by the Honourable Member. In the first instance, the Government Printer was approached to print the weekly and when he replied that he was unable to do so, tenders were called. The Departmental Tenders Board considered all tenders received and awarded tender based on the ability of the printing firm to complete the linotyping, composing, setting and printing practically within twenty four hours. It is manifestly impossible for a small printing firm with one linotype machine and one or two printing machines to undertake this assignment. Hence after the first tender, subsequent tenders were rewarded to meet the requirement of the printing task and not to exclude small printers. In fact, the first issue of *Suara Malaysia* was given to AZY Printers, as mentioned by the Honourable Member for Bungsar. The Printer had only one linotype machine and he could not prepare even one page a day; and the task was then given to Solai Press. Fresh tenders were called and the tender was awarded to the Malayan Printers. This printing firm had only one linotype and two printing machines. The Rumi version came out one day late, despite the fact that the editorial staff worked round the clock and, in consequence, it was necessary to change the printer. M/s Lai Tang Fong had two linotypes, one large printing machine and two smaller machines. The firm too could not print satisfactory, and the editorial staff had to work also round the clock. Hence it became necessary to change the printers again to Kum Printers, which firm was, in fact, the former Printcraft. This firm had three linotype machines and six large printing machines. The editorial staff was satisfied with the printing equipment and recommended continuance with this printer. In the light of experience, it was necessary to stipulate in the tender notice the minimum machines required of the tender. I assure the Honourable Member for Bungsar that there is nothing untoward, that tenders had been properly called, that no firm was excluded from tendering, and that the

Tenders Board, which considered this tender, included a member of the public as well as a Treasury representative. This Tenders Board made its recommendation to the Treasury and, on receipt of the Treasury's approval, the award was made. That is my reply to the Honourable Member for Bungsar, Mr Chairman, Sir.

Tuan Pengerusi, saya rasa tidak ada lagi apa² yang hendak saya sebutkan di-sini, dan sa-bagai penutup-nya saya menguchapkan terima kaseh kepada Ahli² Yang Berhormat yang telah membuat tegoran² dan memberi fikiran² berkenaan dengan Kementerian saya dan sa-bagai penutup-nya saya suka juga-lah mengambil peluang ini, Tuan Pengerusi, menyebutkan yang dengan kerana ini juga berkenaan dengan Kementerian saya akan berpindah ka-bangunan baharu yang akan dirasmikan oleh Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri pada pukul 10.30 pagi besok, yang saya perchaya Ahli² Yang Berhormat juga mempunyai pandangan yang berat di-atas Kementerian saya ini. Jadi, saya harap Ahli² Yang Berhormat akan hadir bersama² di-dalam upacara pembukaan bangunan Kementerian ini besok pada pukul 10.30 pagi, terima kaseh.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$4,058,401 untok Kepala B. 38; \$14,519,842 untok Kepala B. 39; \$8,136,870 untok Kepala B. 40 dan \$9,737,273 untok Kepala B. 41 diperintah jadi sa-bahagian daripada Jadual.

Kepala² B. 60; B. 61; B. 62; B. 63; B. 64; B. 65 dan B. 66—

Tuan Pengerusi: Saya suka hendak menerangkan sedikit oleh sebab yang tertentu persetujuan daripada Menteri² di-dapati, kita mengambil Perbekalan Kementerian Pengangkutan sekarang.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Pengerusi, dengan izin tuan, saya menerangkan peruntukan Belanjawan Biasa tahun 1968 bagi Kementerian Pengangkutan dan Jabatan² Persekutuan di-Malaysia Barat dan Timor yang di-

bawah Kementerian ini daripada Kepala B. 60 sa-hingga B. 66 supaya di-ambil sa-kali gus.

B. 60—Kementerian Pengangkutan dan Bahagian Peranchang dan Penyelidikan	\$ 1,929,669
B. 61—Penerbangan 'Awam, Malaysia Barat	2,743,039
B. 62—Penerbangan 'Awam dan Perkhidmatan Kajichuacha Malaysia Timor	3,306,274
B. 63—Perkhidmatan Kajichuacha, Malaysia Barat	1,586,662
B. 64—Jabatan Laut, Malaysia Barat	2,758,583
B. 65—Jabatan Laut, Malaysia Timor	3,329,831
B. 66—Pengangkutan Jalan	2,910,766
Jumlah	\$18,564,824

Jumlah peruntukan ini ada-lah bertambah sa-banyak \$499,492 daripada Anggaran Belanjawan tahun 1967. Sabelum saya menerangkan dengan lanjut-nya peruntukan bagi sa-tengah² Kepala Bekalan di-bawah kawalan Kementerian saya, saya pohon izin tuan menerangkan kepada Rumah yang mulia ini berkenaan dengan dasar, tugas² dan chara² pentadbiran Kementerian Pengangkutan.

Tugas Kementerian ini ia-lah menyamakan pengangkutan kemudahan dan perkhidmatan semua jenis pengangkutan supaya kita dapat mengadakan sistem pengangkutan yang chekap terutama menentukan supaya pengangkutan mengikuti rail, perayeran dan udara dapat di-jalankan dan di-baiki dengan tujuan mencapai kecekapan dan ekonomi yang sa-habis² baik. Apabila dasar ini di-tentukan, maka ada-lah menjadi tugas² Jabatan/Badan Berkanun yang berkenaan, saperti Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Penerbangan 'Awam, Jabatan Laut, Jabatan Kajichuacha, Pertadbiran Keretapi dan Lembaga Pelabohan Swettenham serta Surohanjaya Pelabohan Pulau Pinang melaksanakan dasar² itu.

Pejabat Kementerian ini di-bahagikan kepada lima chawangan dan tiap² satu chawangan itu ada-lah di-bawah jagaan sa-orang pegawai daripada Perkhidmatan Dalam dan Luar Negeri. Chawangan Kewangan dan Perkhidmatan mengawal sa-penoh perkara² kewangan dan perkhidmatan di-dalam Jabatan Penerbangan 'Awam, Malaysia Barat, Jabatan Kajichuacha dan

Jabatan Pengangkutan Jalan. Berkenaan dengan jabatan² yang lain pula kawalan sa-chara tidak langsung tetapi juga berkesan di-kenakan terhadap perkara² kewangan dan perkhidmatan. Badan² yang berkanun seperti Pertadbiran Keretapi dan Lembaga² Pelabohan ada-lah bebas berkenaan dengan kewangan. Menteri Pengangkutan mengawal badan² ini sa-chara mengguna kuasa² yang di-beri kapada beliau mengikut Undang² bagi badan² itu.

Chawangan Penerbangan 'Awam dan Kajichuacha ada-lah di-bawah jagaan Timbalan Setia-usaha yang memainkan peranan-nya sa-bagai Pengarah Besar Penerbangan 'Awam di-Malaysia Timor dan Barat. Setia-usaha Kementerian dan Timbalan-nya ada-lah menjadi pengarah berganti² di-dalam Lembaga Pengarah² Sharikat Penerbangan Malaysia/Singapura Berhad dan semua perkara² berkait dengan Perjanjian Perkhidmatan Udara dan Antara Bangsa ada-lah sa-bahagian daripada tugas² mereka.

Chawangan pengangkutan jalan di-dalam Kementerian ini menjaga semua perkara² yang berkaitan di-bawah Undang² Pengangkutan Jalan dan juga mempengerusikan ulang² bichara daripada Majlis Pelesen kapada Menteri yang bertanggung-jawab berkenaan dengan pohonan lesen² kereta motor. Chawangan keretapi, Jabatan Laut dan Pelabohan² menjaga berkenaan dengan perlantekkan pegawai², Lembaga² dan Jawatan²-kuasa di-bawah Undang² Keretapi, Undang² Perkapalan Perdagangan dan juga tambahan kapada Undang² tersebut, menjalankan kerja² yang berkaitan dengan Pertubohan Perundingan Hal Laut Antara Kerajaan dan perkara² berkaitan dengan Undang² Pelabohan, perkhidmatan dan Persatuan² Pekerja² Pelabohan dan Keretapi.

Sa-lain daripada chawangan tersebut ada sa-orang Pakar Ranchangan Colombo yang memegang jawatan Pegawai Penyama (Bahagian Pelabohan). Ia menasihatkan Kementerian ini berkenaan dengan pembangunan dan membaiki pelabohan di-dalam Malaysia termasuk juga pelabohan² besar Pulau Pinang, Pelabohan Swettenham, Kuching dan Kota Kinabalu.

Chawangan Penyelidek dan Peranchang, Kementerian Pengangkutan ini telah di-tubuhkan pada 1hb Mei, 1967, dengan mempunyai sa-banyak 6 orang Pegawai dan 3 orang daripadanya terdiri daripada Pegawai² yang mempunyai pengalaman iktisad dan sa-orang pegawai pengangkutan. Keempat² mereka ini ada-lah daripada Perkhidmatan Dalam dan Luar Negeri. Yang lagi dua itu ia-lah terdiri daripada sa-orang Jurutera Meknik dan sa-orang Jurutera 'Awam. Chawangan ini berhubung rapat dengan chawangan pengangkutan. di-Pejabat Peranchang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan juga Badan Peranchang Jalan, Kementerian Kerja Raya, Pos dan Talikom.

Chawangan ini ada-lah di-dalam urusan sa-orang Pegawai Penyelidek Kanan yang bertanggung-jawab terus kapada Setia-usaha, Kementerian Pengangkutan dan menentukan semua kerja² yang di-buat oleh chawangan ini ada-lah mengikut dasar dan kemahuan Kementerian serta juga menentukan perhubungan yang baik di-antara chawangan ini dengan badan Peranchang Ekonomi dan juga Badan Peranchang Jalan serta berbagai² chawangan Pengangkutan di-Jabatan Kerajaan.

Tugas² yang penting di-chawangan ini ia-lah memberi nasihat dan juga menolong Kementerian ini mengadakan dasar, mengatorkan keutamaan² dan melaksanakan projek² pembangunan dan program² pembangunan. Sunggoh pun tujuan yang besar chawangan ini ia-lah menasihatkan Kementerian, ia juga boleh memberi pertolongan kapada semua Jabatan² Pengangkutan, jika perlu, berkenaan dengan tugas² peranchang mereka. Chara ini akan menolong Kementerian menjalankan kewajipan²-nya dengan sempurna. Chawangan Penyelidek dan Peranchang ini pula di-bahagikan kapada tiga bahagian, ia-itu:

- (a) Bahagian Program Ranchangan.
- (b) Bahagian Dasar dan Perlaksanaan.
- (c) Bahagian Perangkawan dan Analisa.

Sa-belum sampai-nya kedatangan kumpulan pakar² Kajian Pengangkutan

di-dalam bulan September, 1967, chawangan ini membuat penyediaan bahan² yang di-kehendakki bagi Kajian Pengangkutan. Pegawai² Tempatan ini ia-lah menjadi pasangan kepada pakar² itu atau pun counter-part dan mereka bersama² menjalankan kajian tersebut. Dengan ini pegawai² kita boleh mendapat faedah² daripada pengalaman dan kebijaksanaan teknik oleh pakar² itu di-dalam pekerjaan menjalankan kajian ini bagi menentukan keperluan² pengangkutan. Pegawai² tempatan sa-lepas itu dapat-lah menjalankan kerja² itu dengan sendiri.

Kajian Pengangkutan ini sa-bagai-mana Ahli² Yang Berhormat semua ma'alum ada-lah meliputi semua jenis pengangkutan di-dalam Malaysia Timor dan Malaysia Barat yang mempunyai peranan penting di-dalam segi ekonomi Malaysia sa-bagai Jalan Raya, Keretapi, Pelabuhan dan Perkapalan, Lapangan Terbang dan Penerbangan 'Awam serta juga saluran² paip. Ada-lah di-harapkan dengan ada-nya chawangan Penyelidek dan Peranchang ini di-dalam Kementerian ini kita boleh menchapai sistem pengangkutan yang chekap dan boleh mengadakan penyediaan pembangunan pangangkutan sa-laras dengan tujuan² dan kehendak² pembangunan Negara. Penubohan chawangan ini juga boleh mengutamakan daya usaha Kementerian saya meranchangkan dasar-nya yang sangat² penting jika sa-kira-nya pekerjaan peranchang ini hendak di-jalankan sentiasa dan dengan baik.

MAJLIS KESELAMATAN JALAN RAYA

Kementerian saya sangat²-lah khuatir dengan berlaku-nya kemalangan di-jalan raya yang berakhir dengan banyak kematian dan kechederaan kepada manusia. Ahli² Yang Berhormat terlebih sedia ma'alum bahawa soal² keselamatan jalan raya ada-lah sangat rumit dan kena di-uruskan dengan kerjasama daripada Kementerian²/Jabatan yang lain dan juga kena mendapat sokongan dan kerjasama yang baik daripada orang ramai. Langkah² sedang di-ambil untuk mengadakan Undang² yang perlu bagi menjaga keselamatan mereka yang menggunakan jalan raya.

Di-dalam bahagian pelajaran mengenai Keselamatan jalan raya Majlis Keselamatan Jalan Raya dengan kerjasama Kerajaan² Negeri, Majlis² Tempatan, Jabatan Kerajaan dan juga badan² sukarela telah berjaya mengadakan kempen. Kempen² ini akan diperhebatkan, kerana hendak memberi kesan kepada mereka yang menggunakan jalan raya itu lebeh mengambil berat berkenaan dengan keselamatan di-jalan raya dan mematohi kepada Undang² Trafik dan Jalan Raya. Lebeh banyak lagi risalah² pelajaran berkenaan dengan keselamatan jalan raya akan di-keluarkan untuk kegunaan pengguna² jalan raya dengan tujuan hendak memberi mereka itu sedar bahawa kerjasama daripada mereka ada-lah perlu dan mereka hendak-lah berhati² apabila menggunakan jalan raya.

Saya suka mema'alumkan bahawa suatu kempen Negara telah di-adakan di-pertengahan tahun sudah dengan mendapat sambutan yang baik daripada orang² 'awam. Saya perchaya Majlis Keselamatan Jalan Raya akan dapat lebeh lagi sokongan daripada orang² 'awam di-dalam usaha mereka hendak memperbesarkan kempen ini pada masa² hadapan.

PERKHIDMATAN KAJICHUACHA

Perkhidmatan Kajichuacha telah mengambil langkah yang chergas mengadakan program penyelidek di-dalam perkara kajichuacha bukan sahaja hendak membaiki teknik meneka chuacha di-dalam kawasan Hawa Panas, tetapi juga hendak bersama² maju dengan Negara² yang lain di-dalam lapangan kajichuacha sa-dunia. Sa-orang Pakar daripada Pertubohan Kajichuacha Sa-dunia mula berkhidmat dengan Jabatan ini dalam awal tahun 1967 bagi membuat penyiasatan di-dalam berbagai² perkara mengenai musim tengkujuh dan juga menubuhkan satu badan penyelidek dengan tujuan hendak menyiasatkan perkara ini sa-chara jangka panjang. Jabatan ini sedang menjalankan penyiasatan dengan Jabatan Pisik Universiti Malaya, sebab² dan akibat chuacha mengenai banjir besar di-Pantai Timor Malaysia

Barat dalam tahun 1966/1967. Perkhidmatan ini berkembang dengan chepat-nya bagi memenuhi kehendak² penerbangan 'awam dan tentera yang memerlukan kemudahan² kajichuacha yang lebeh di-Malaysia Timor dan Barat. Sa-buah Pejabat Kajichuacha di-Kuantan dan sa-buah lagi di-Kota Kinabalu sedang di-dalam penubohan untuk memberi perkhidmatan yang lebeh baik kapada Tentera Udara di-Raja Malaysia.

Satu kejayaan yang terkemuka di-dalam Perkhidmatan Kajichuacha dalam tahun 1968 ia-lah penubohan sa-buah Chawangan Hawa di-Ibu Pejabat Kuala Lumpur dan ini menjimatkan perbelanjaan, kerana tidak lagi kena membuat bayaran kapada Singapura yang dahulu-nya di-buat tiap² tahun bagi perkhidmatan² hawa. Kajian² yang lain ia-lah termasuk permulaan menggunakan mesin computer mengganti chara lama menchatet, menganalisa dan mengeluarkan bahan² chuacha dan penubohan chawangan latehan untuk melateh Pegawai²

Pembantu Kajichuacha baharu di-dalam chara teori dan praktik dalam sain Kajichuacha. Apabila alat elektronik untuk steshen mengikut jejak bulan rekaan sampai, kerja² menganalisa dan membaiki kaji chuacha akan lebeh baik di-dalam kawasan di-sabelah sini di-mana penyiasatan yang demikian belum lagi ada.

Tuan Pengerusi: Masa sudah chukup.

Majlis Meshuarat bersidang sa-mula.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli² Yang Berhormat, saya suka mema'alumkan ia-itu Jawatan-kuasa Rang Undang² Perbekalan tahun 1968 telah pun meluluskan hingga Kepala B. 41, Kementerian Penerangan dan Penyiaran dan maseh lagi membahathkan Kepala² B. 60 hingga B. 66.

Majlis Meshuarat di-tanggohkan sekarang hingga pukul 10 pagi, hari Isnin, 19hb Februari, 1968.

Meshuarat di-tanggohkan pada pukul 7.30 malam.